

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 36**

**Khamis**

**16 Oktober 2014**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2015	(Halaman 23)
<b>USUL:</b> Anggaran Pembangunan 2015	(Halaman 23)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

**Khamis, 16 Oktober 2014**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Seri Reezal Merican [Kepala Batas]** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah perkembangan terkini *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre* (MaGIC) dan sudah berapa ramai anak muda yang terlibat secara holistik dengan penubuhan pusat ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Kepala Batas yang bertanyakan soalan tentang MaGIC ataupun *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre*, dengan izin, dalam Bahasa Melayu ialah Pusat Kreativiti dan Inovasi Global Malaysia yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama Presiden Barrack Obama pada 28 April 2014. Ibu pejabat MaGIC ini di Cyberjaya. MaGIC merupakan sebuah agensi yang diwujudkan oleh kerajaan bertujuan untuk memupuk dan membangunkan keusahawanan, khasnya usahawan baru di Malaysia.

Sejak penubuhannya, lapan program keusahawanan dikendalikan. Yang pertama, Program Dialog Usahawan yang merupakan satu sesi di mana para usahawan diberikan peluang untuk memberi pendapat-pendapat bernas kepada pihak kerajaan, itu yang pertama. Yang kedua, program GREAT iaitu Gabungan Rakan Entreprenur Aspirasi Terhebat. Diadakan empat hari dan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada 17 September hingga 20 September yang lalu melibatkan usahawan pelbagai agensi seperti SME Bank, UiTM, Perbadanan Nasional Berhad, FAMA, *Start Up Malaysia*, Majlis Tindakan Ekonomi Malaysia dan NGO yang lain. Lebih kurang 5,000 orang hadir dalam program yang berkaitan.

Yang ketiga, 24 forum dan bengkel yang telah berjaya dikendalikan oleh MaGIC sepanjang tahun ini melibatkan 8,400 orang usahawan daripada 429 buah syarikat baru. Definisi syarikat baru dalam definisi MaGIC ialah syarikat-syarikat dalam lingkungan 24 bulan. Yang keempat, Kem Keusahawanan Sosial. Mengendalikan latihan permulaan kepada 50 orang peserta yang terlibat dalam keusahawanan sosial. Yang kelima, kita akan menghantar 70 orang usahawan daripada 42 syarikat ke Stanford University pada November 2014 ini supaya mereka boleh didedahkan kepada syarikat-syarikat tersohor seperti *Google*, *Facebook* dan syarikat-syarikat yang seumpamanya di Amerika. Yang keenam, kewujudan Akademi Start

Up MaGIC yang dilancarkan semalam. Seramai 1,000 orang sedang menghadiri kursus di MaGIC - Cyberjaya pada saat dan ketika ini selama lima hari dan di antara perkara-perkara yang mereka pelajari ialah seperti Hari Pelabur dan Hari Kerjaya.

Ini adalah untuk membawa usahawan tempatan yang berpotensi ke taraf antarabangsa. Yang ketujuh, pelancaran platform MaGIC Central iaitu pusat platform MaGIC di mana di MaGIC Central di Cyberjaya itu, kita adakan suatu bilik yang boleh mendapat akses segala agensi-agensi yang mengendalikan keusahawanan. Kelapan, seramai 63 orang usahawan baru sedang menyewa ruang pejabat di bangunan MaGIC - Cyberjaya menjadi sebahagian daripada ahli komuniti MaGIC. Terima kasih.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan sebentar tadi. Saya nak ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan, terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mewujudkan MaGIC ini, *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre* yang sememangnya bersesuaian kerana untuk mewujudkan, bermatlamat untuk membina generasi muda dalam keusahawanan yang mempunyai pertumbuhan tinggi, terutamanya berorientasikan inovasi dan kreativiti. Soalan saya ialah, ada satu lagi *outfit* yang juga telah ditubuhkan oleh pihak kerajaan *and sanctioned by Cabinet* iaitulah Yayasan Inovasi Negara yang mempunyai peranan yang hampir sama dan banyak program-program yang telah dilakukan. Antaranya *MyIdeas@Youth*, *MyIdeas@School* yang juga dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Apakah terwujudnya kolaborasi di antara MaGIC dengan Yayasan Inovasi Negara ini? Keduanya, adakah MaGIC ini bersifat *Cyberjaya centric*. Maknanya, hanya berpusat di Cyberjaya sahaja ataupun ada *outreach program* yang memungkinkan sentuhan-sentuhan MaGIC ini sampai ke laman-laman, kawasan-kawasan pedalaman. Terutamanya bagi membolehkan akses peluang kepada anak-anak muda di luar bandar, termasuk di kawasan saya Kepala Batas mahupun di Sabah dan di Sarawak. Bagi memungkinkan ia lebih merata dan untuk menjadikan sebagaimana yang dihasratkan oleh MaGIC iaitu *start up capital of Asia*. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, Yayasan Inovasi Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. MaGIC harapannya akan mempunyai kolaborasi dengan pelbagai pihak dan lagi banyak lagi bagus sebenarnya untuk membina usahawan ini sebagaimana kita ada pelbagai skim pinjaman. Amanah Ikhtiar ada, TEKUN ada, skim mikro kredit ada.

#### ■1010

Ia tidak dianggap bertindih tetapi ia memberikan peluang yang pelbagai. Saya akan memastikan MaGIC di bawah Kementerian Kewangan ini akan pergi ke negeri-negeri. Sebagai contoh GREAT itu, Gabungan Rakan Entrepreneur Aspirasi Terhebat itu, saya akan mengarahkan mereka supaya dilaksanakan bukan hanya di Cyberjaya sebagaimana Yang Berhormat Kepala Batas kata tadi, *Cyberjaya Centric*. Ia perlu pergi ke negeri-negeri di empat belas buah pusat yang lain dan untuk memastikan usahawan-usahawan di negeri-negeri itu dapat akses kepada MaGIC.

MaGIC ini diberi peruntukan yang agak banyak RM50 juta untuk tahun ini dan kita akan memastikan bahawa ia dilaksanakan dengan baik, bukan program-program yang bertumpu hanya di Cyberjaya yang menyebabkan orang-orang bandar sahaja yang mendapat manfaat.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa kewujudan MaGIC ini bermula daripada 1MET, 1Malaysia Entrepreneur yang kita lakukan dua tahun yang sudah melalui Kementerian Kewangan. Setiap tahun itu lebih kurang 5,000 orang usahawan kita kumpulkan, anak-anak muda kebanyakannya, 70% ialah anak-anak muda dan mereka ini datang daripada pelbagai pelosok negara. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepala Batas yang mengharapkan agar ia sampai macam TEKUN lah, macam Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga, sampai ke pedalaman. Terima kasih atas cadangan itu.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah MaGIC ini mensasarkan inovasi dan juga penglibatan keusahawanan. Jadi soalnya ialah bagaimanakah diukur kejayaan projek ini dan apakah yang berlaku sekarang, MaGIC mengambil alih peranan yang telah ditinggalkan oleh Kementerian Keusahawanan dulu. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tidak, MaGIC tidak akan mengambil alih peranan itu sebab peranan Kementerian Pembangunan Usahawan diberi kepada 11 buah kementerian di bawah 11 orang Menteri. Jika dulu Kementerian Pembangunan Usahawan hanya di bawah seorang Menteri, tidak dapat mencapai kejayaan. Oleh kerana itu kita bubarkan Kementerian Pembangunan Usahawan, kita beri 11 orang Menteri jaga. Kalau 11 orang Menteri yang menjaga keusahawanan pun gagal, saya pun tidak tahulah. Kalau kita bagi satu kemungkinan gagal dan telah pun gagal. Jadi kita beri kepada 11 kementerian, sebelas orang Menteri Tuan Yang di-Pertua untuk menjaga pembangunan usahawan ini.

Satu lagi hal keusahawanan di MaGIC ini sebagai contoh, apabila Barack Obama dan Dato' Sri Najib dibawa melihat kepada tiga orang usahawan muda. Apakah contoh keusahawanan yang ditekankan di MaGIC? Seorang anak muda mereka cipta satu perkara yang tidak pernah wujud di dunia ini iaitu sebuah alat semacam jam tangan yang boleh mengukur kandungan gula dalam darah. Apabila kandungan gula dalam darah itu terlalu sedikit dan menyebabkan pengsan, secara automatik alat itu akan mewujudkan penggera kepada waris yang terdekat, supaya waris terdekat tahu di mana suami atau isteri atau anaknya yang sedang menerima kecemasan, yang menghadapi kecemasan itu. Itu satu contoh, tidak pernah ada alat ini dalam dunia.

Yang kedua seorang lagi anak muda kita mereka pelbagai reka bentuk kereta elektrik. Negara Jepun menempah lima puluh buah kereta elektrik daripada beliau ini. Selalu Malaysia yang beli kereta Jepun, yang ini Jepun membeli kereta Malaysia. Itu usahawan yang kedua.

Yang ketiga seorang anak muda wanita. Apa yang dia buat ialah menyediakan suatu *software* untuk taklimat, *presentation* yang pelbagai kaedah. *Pie chart*, *bar chart*, 3D dan segala jenis bentuk, apabila kita masukkan segala data kalau kita ingin dalam bentuk *pie chart*, ia akan keluar dan segala yang menarik daripada *software* itu. Suatu yang tidak ditunjukkan tetapi saya juga ingin menyatakan di sini suatu alat kecil yang disediakan oleh dua orang anak muda. Apakah alat itu? Boleh menuras air yang kotor dan dalam alat yang kecil itu juga terus

membunuh kuman, air itu boleh diminum. Ini di antara contoh-contoh yang dikeluarkan di MaGIC dan kita akan meneruskan usaha-usaha seumpama ini supaya perkara itu boleh dikomersialkan di peringkat antarabangsa dan khususnya di peringkat domestik. Terima kasih.

**2. Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilangan dari segi unit/pasukan dan keanggotaan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Rukun Tetangga (RT) dan *Community Policing* (CP) yang telah ditubuhkan di negeri Pulau Pinang. Adakah pertubuhan-pertubuhan ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Berapakah unit/pasukan di kalangan mereka yang terlibat dengan skim rondaan sukarela untuk membantu polis dalam menjaga keamanan dan keselamatan masyarakat.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa terdapat 2.943 juta anggota RELA seluruh negara. Di Pulau Pinang sehingga 30 September yang lalu, seramai 229,766 anggota RELA telah didaftarkan di Pulau Pinang dan jumlah platun RELA adalah sebanyak 2,298 platun. RELA adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah KDN dan mempunyai akta sendiri iaitu Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 sebagai sebuah jabatan kerajaan dan bukannya pertubuhan bukan kerajaan atau NGO. Jabatan RELA tidak perlu mendaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

Melalui inisiatif di bawah bidang keberhasilan utama negara atau NKRA, menangani jenayah jalanan dan tugas-tugas lain untuk menjaga keamanan dan keselamatan rakyat telah juga turut diberikan peranannya kepada RELA untuk bergerak bersama-sama dengan pihak polis. Pulau Pinang telah dikategorikan sebagai negeri *hotspot* bersama dengan negeri-negeri lain seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Johor. Dalam tugas ini, di Pulau Pinang bagi bulan Januari hingga September 2014, seramai 18,174 anggota RELA telah terlibat sebagai *omnipresent*, OPS Bersepadu, OPS Cegah Jenayah, *omnipresent* sekolah, *omnipresent* hospital, *omnipresent* Bukit Bendera, *omnipresent* Pusat Khidmat Komuniti RELA dan sebagainya.

Sementara itu, setelah disemak kita dapati jumlah pasukan Skim Rondaan Sukarela atau SRS Rukun Tetangga di Pulau Pinang adalah sebanyak 227 pasukan yang mempunyai seramai 9,080 anggota. SRS tidak perlu didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan dan ianya merupakan agensi kerajaan di bawah penyeliaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri. SRS ditubuhkan atas punca kuasa Akta Rukun Tetangga 2012, berfungsi sebagai pasukan rondaan sukarela yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga.

Bagi komuniti polisi, ia bukanlah satu organisasi dan tidak perlu didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan tetapi ia merupakan satu program setempat yang dikelolakan dan diterajui oleh Polis Diraja Malaysia. Program holistik yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi, persatuan dan penduduk bagi membendung pelbagai bentuk jenayah dan masalah-masalah gejala sosial dalam memastikan keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan terjamin.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya masalah berkenaan dengan kewujudan dan penubuhan Pasukan Peronda Sukarela di mana saya

menganggap PPS ini juga ialah satu bentuk komuniti polisi di bawah yang diterajui oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tujuannya adalah juga untuk membantu polis dalam menjaga keselamatan dan keselamatan masyarakat. Jadi ini adalah suatu badan, sebuah badan kerajaan yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri dan tidak perlu didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan.

Jika guna logik untuk *community policing*, kita guna logik yang sama. Mengapa PPS perlu berdaftar? Sampai hari ini PPS belum diisytiharkan sebagai sebuah pertubuhan yang haram di bawah seksyen 5, Akta Pertubuhan 1966. Mengapa jikalau belum diisytiharkan sebagai sebuah pertubuhan haram, mengapa anggota-anggotanya 158 orang anggotanya boleh ditangkap. Adakah ini satu penangkapan haram di mana adalah salah dari segi prosedur undang-undang. Sepatutnya PPS perlu diwartakan sebagai pertubuhan haram dahulu sebelum penangkapan dibuat. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri.

#### ■1020

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Tanjong, ini bukan soal logik. Sama dengan Rukun Tetangga, sama dengan RELA, sama dengan JKKK. Ini soal perundangan. Kuasa Kerajaan Pusat adalah dalam soal keselamatan dan pertahanan. Itu bukan kuasa kerajaan negeri. PPS mahu bertindak sebagai sebuah badan atau pasukan keselamatan. Saya ada bukti. Beri saya jawab dahulu kemudian saya buktikan. Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 8 April 2009 telah meluluskan penubuhan Pasukan Peronda Sukarela atau PPS tetapi tidak dibawa ke Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah undang-undang atau enakmen.

PPS dilancarkan pada 17 September 2011. Ada pangkat. Untuk ADUN satu *crown*, ketua pasukan tiga bunga, timbalan ketua pasukan dua bunga, naib ketua pasukan satu bunga dan Ahli Parlimen tidak layak pun, tidak layak, ADUN sahaja. Organisasi PPS, terdapat 296 kumpulan PPS di seluruh Pulau Pinang yang beroperasi di bawah 40 buah kawasan ADUN. Selepas lima tahun penubuhan PPS, kini berjumlah 9,002 orang dan terdiri daripada 2,970 orang Melayu atau 33%, 5,123 orang Cina atau 57% dan 873 orang India atau 10%. Apakah kelengkapan logistiknya? Baju *t-shirt*, *vest*, *cap*, *beret*, seluar, kasut dan sebagainya. Sumber kewangan, kerajaan negeri memperuntukkan RM20,000 hingga RM30,000 setiap kawasan Dewan Undangan Negeri.

Saya ingin sebutkan kenapa PPS menjadi sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar dan dianggap haram? Ini kerana ia tidak masuk dalam akta yang diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya ambil SRS di bawah Akta Rukun Tetangga 2012, RELA di bawah Akta Sukarelawan 2012. Semuanya akta yang di bawah Dewan Rakyat. PPS tidak. Jadi ia bukan sebuah pertubuhan dan kuasa pertahanan keselamatan ialah hak Kerajaan Pusat. Kenapakah polis bertindak? Ia adalah kerana terdapat beberapa laporan polis yang telah dibuat.

Saya ambil contoh di sini rekod kesalahan lampau daripada 158 orang yang ditahan ada 11 rekod kesalahan. Laporan polis yang dibuat antaranya dipukul oleh anggota PPS. Adakah PPS dibenarkan? Oleh kerana dia PPS, dibenarkan untuk memukul orang sebagai menunjukkan kuasanya? Menampar orang, menyembur dengan semburan pada orang, semburan pemedih mata. Itu tugas PPS? Saya lihat banyak lagi laporan-laporan di sini yang dibuat. Itulah sebabnya maka Pendaftar Pertubuhan telah mengisytiharkan bahawa pertubuhan

itu tidak berdaftar. Ertinya apabila tidak berdaftar adalah sebuah pertubuhan haram. Itu sebabnya pihak PDRM bertindak kerana PPS adalah sebuah pertubuhan yang tidak didaftarkan untuk maklumat Yang Berhormat Tanjong supaya lebih faham.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang pada 15 September 2011 iaitu dua hari sebelum PPS ditubuhkan, beliau mengakui bahawa kadar jenayah di Pulau Pinang telah turun sebanyak 27% pada tahun 2010 dan 25% pada enam bulan pertama pada tahun 2011.

Jadi ini sudah tentunya mengakui hasil kerja baik oleh PDRM, RELA, RT dan *community policing*. Maka soalan tambahan saya ialah mana logiknya setelah kadar jenayah diturunkan, PPS ditubuhkan. Saya ingin bertanya apakah status siasatan masa kini dan juga bajet yang begitu besar yang telah dibelanjakan ke atas PPS ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, pihak PDRM mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan kadar jenayah termasuk di Pulau Pinang. Memang PDRM memerlukan kerjasama daripada orang ramai, NGO dan lain-lain pertubuhan. Kadar pengurangan jenayah memang jelas di Pulau Pinang bukan disebabkan oleh sumbangan PPS tetapi disebabkan oleh kerjasama daripada badan-badan yang saya sebutkan termasuk individu.

Dalam hal ini, apa yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi memperlihatkan bahawa apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang antaranya yang mencabar Ketua Polis Negara yang menyatakan di dalam sidang media menyebutkan bahawa- saya sebutkan secara bertulis. Sehari selepas sidang media yang telah dikeluarkan oleh Tan Sri Ketua Polis Negara Yang Amat Berhormat Lim Guan Eng bertindak mencabar kenyataan tersebut dan mempertahankan penubuhan PPS serta menyatakan ia adalah di bawah kuasa kerajaan negeri dan sah sama seperti penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau JKKK. Berikutnya kenyataan yang dinyatakan oleh Lim Guan Eng, beberapa repot polis telah diterima.

Saya lihat bahawa laporan-laporan yang dibuat adalah menjurus ke arah bahawa PPS bukan sebuah pertubuhan yang disahkan. Aktiviti-aktivitinya biarpun baik dan digalakkan namun daripada 9,002 orang anggota PPS yang namanya sekarang ini sedang ditapis oleh pihak PDRM. Kita akan melihat berapa ramai di kalangan mereka yang terlibat di dalam kes-kes jenayah termasuklah laporan-laporan yang saya peroleh dan yang telah saya nyatakan tadi termasuklah menumbuk orang, menampar orang, menendang orang, menterbalikkan meja, menahan kereta. Ini bukan tugas pasukan yang kononnya mahu membantu pihak polis. Ini mengambil alih kuasa polis, ini mengambil alih kuasa pihak keselamatan.

Dalam soal inilah maka pihak Kerajaan Persekutuan bertegas bahawa biarpun dalam kita menggalakkan usaha-usaha pelbagai pihak termasuk pihak kerajaan, pihak PBT dan sebagainya tetapi peraturan-peraturan mesti diikuti. Bukan peraturan yang ditentukan mengikut apa yang dirasakan logiknya boleh dilakukan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Menteri, kita lihat keselamatan negeri adalah tanggungjawab Ketua Menteri ataupun Menteri sesebuah negeri... *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Oleh sebab itu, Menteri Besar menjadi Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri masing-masing. Jadi, tidak terkecuali Pulau Pinang, keselamatan negeri juga terletak pada tanggungjawab Ketua Menteri.

Dalam soal tuduhan tadi, saya hairan mengapa dikaitkan dengan PPS kesalahan individu-individu walaupun ahli PPS kenapa dikaitkan dengan PPS. Kalau begitu, tentera dan polis yang banyak buat kesalahan. Kita dakwa anggota polis. Kenapakah kita tidak kata angkatan tentera semua bersalah?

**Beberapa Ahli:** *[Tepuk]*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Kenapakah tidak ada PDRM bersalah? Sepatutnya tidak boleh dibezakan keadaan itu. Oleh sebab itu, saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri supaya beri contoh yang jelas. Kalau ahli PPS itu yang salah seorang, dakwa yang salah seorang. Mengapakah keseluruhan PPS dipersalahkan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Beberapa Ahli:** *[Tepuk]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Semasa saya menjadi Menteri Pertahanan dahulu saya tolong Yang Berhormat Lumut ini. Rupanya jadi macam ini.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]:** Bab tolong ini, kita pun banyak tolong Menteri... *[Dewan riuh]*

#### ■1030

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Ketua Menteri atau Menteri Besar memang Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan, memang betul. Itu fakta. Akan tetapi soal pertahanan, soal keselamatan, itu adalah terletak di bawah kuasa Ketua Polis Negeri atau Panglima Division atau Panglima Briged yang menjaga kawasan itu, bukan hak Ketua Menteri, bukan hak Menteri Besar. Itu Yang Berhormat harus tahu.

Sebagai bekas pegawai TLDM, harus tahu hal itu. Jangan kelirukan Dewan ini. Keduanya, kita tahu bahawa di dalam negara, soal keselamatan dan soal pertahanan adalah bidang kuasa yang dipegang oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi jika ada mana-mana pihak kerajaan negeri mahu mengambil alih kuasa yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan, maka ia adalah di luar undang-undang.

Saya tidak fikir Pulau Pinang mahu menubuhkan Pasukan Tentera Laut Diraja Pulau Pinang sendiri... *[Dewan riuh][Ketawa]* Kerana merasakan bahawa Pulau Pinang itu dikelilingi oleh laut. Tentulah Ahli Parlimen Lumut juga tidak layak jadi ahli ataupun Panglima Tentera Laut Pulau Pinang, umpamanya. Jadi dalam hal ini, kita *demarcation*, dengan izin, kuasa negeri dan Kuasa Pusat. Maka kita menghormati kuasa-kuasa tiap-tiap Kerajaan Pusat ataupun negeri. Terima kasih.



3. **Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kaedah yang digunakan untuk memantau kemasukan kenderaan asing ke negara ini dan berapakah jumlah kenderaan asing yang melalui pintu sempadan; dan
- (b) apakah isu atau masalah yang dihadapi daripadanya dan kenapa, kenderaan Thailand yang menyalahi peraturan termasuk bercermin gelap dibenarkan mudah masuk ke negara ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kaedah mendaftar kenderaan asing melalui peruntukan seksyen 21 dan seksyen 25, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (JPJ) serta Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Peredaran Antarabangsa) 1967 yang membenarkan kemasukan sementara kenderaan-kenderaan persendirian dari negara-negara asing dan proses ini dikawal melalui pengeluaran permit peredaran antarabangsa ataupun dengan izin *International Circulation Permit* (ICP) oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

ICP digunakan terhadap kenderaan-kenderaan asing dari Thailand dan Indonesia yang memasuki Sarawak melalui jalan darat. Peruntukan-peruntukan ini tidak terpakai terhadap kenderaan asing dari Singapura yang memasuki Semenanjung Malaysia dan kenderaan asing dari Brunei Sarawak Sabah dan Sarawak.

Perangkaan pendaftaran kenderaan asing dengan pengeluaran ICP mengikut negara bagi tahun 2011 hingga Ogos 2014 adalah seperti berikut:

Tahun	Thailand (bil. kenderaan)	Indonesia (bil. kenderaan)	Negara lain (bil. kenderaan)
2011	111,296	11,637	109
2012	118,576	12,649	99
2013	99,095	12,440	116
Jan-Ogos 2014	69,115	8,292	49

Jadi keseluruhan dari tahun 2011 sehingga kini, sebanyak 77,456,000 kenderaan memasuki Malaysia yang berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, pada masa ini, kenderaan asing daripada Thailand diberi kelonggaran untuk memasuki Thailand tanpa ICP dan insurans bagi jarak sejauh dua kilometer bagi sempadan Kelantan, Kedah, Perlis dan tujuh kilometer bagi sempadan Pangkalan Hulu Perak. Ini kelonggaran. Kelonggaran ini diberikan sebagai timbal balas kepada kelonggaran yang diberikan oleh pihak Thailand melalui persefahaman yang dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand pada tahun 1993.

Ekoran daripada kelonggaran ini yang diberikan, kebelakangan ini banyak kenderaan Thailand yang mengambil kesempatan untuk menyalahgunakan kelonggaran perjalanan melebihi dua kilometer sehingga ke Wilayah Malaysia sampai Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan juga Johor Bahru.

Kelongsaran ini juga menyebabkan sempadan Malaysia dimasuki sewenang-wenangnya oleh kenderaan-kenderaan Thailand secara tidak bertanggungjawab dan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Ada kemungkinan kelongsaran ini juga disalahgunakan bagi penyeludupan dadah, senjata api dan juga pemerdagangan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum sesuatu ICP dikeluarkan, satu pemeriksaan fizikal kenderaan dilakukan oleh pihak JPJ di sempadan bagi menentukan kenderaan tersebut mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan termasuklah peraturan berhubung cermin gelap. Bagi kenderaan yang diberi kelongsaran memasuki sempadan Malaysia sejauh dua kilometer, pemeriksaan fizikal ini adalah tidak terpakai terhadapnya. Adalah kemungkinan kelongsaran ini telah disalahgunakan oleh warga Thailand yang menggunakan kenderaan cermin gelap dan memasuki Malaysia melebihi daripada dua kilometer. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kenderaan asing yang masuk dalam negara ini termasuk daripada Singapura dan juga Thailand, kita dapati dan sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sering melakukan kesalahan. Kalau denda yang kita kenakan ini pada kenderaan Singapura mungkin kecil kerana perbezaan mata wang. Oleh sebab itu, dengan jumlah kenderaan yang begitu banyak masuk ke dalam negara kita, apakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula jumlah denda-denda yang kita kenakan untuk meningkatkan kawalan keselamatan. Itu satu.

Keduanya, ICP tadi, bila dimaklumkan oleh kementerian tentang perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Thailand terutamanya telah begitu lama dibuat sejak tahun 1993 lagi dan hari ini didapati pelbagai kesalahan dibuat atas kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula perjanjian ini supaya perkara-perkara yang dibangkitkan tadi, isu-isu jenayah, penyeludupan manusia dan sebagainya tidak berlaku kerana didapati pelbagai kesalahan terutama sekali kenderaan-kenderaan daripada utara itu yang masuk dengan cermin gelap dan sebagainya.

Saya hendak tanya pandangan dan penjelasan kementerian apakah kementerian berhasrat untuk meningkatkan jumlah denda dan mengkaji semula perjanjian yang telah dibuat antara Kerajaan Malaysia dengan Thailand. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Lenggong. Jadi mengenai denda tadi, memang pihak JPJ telah membuat kawalan yang lebih ketat dan pada dasarnya pada 24 April hingga 31 Ogos, kita telah membuat satu kawalan dan mengambil tindakan yang dipanggil statistik bernama Ops Kenderaan Thailand. Dalam operasi ini, kita telah memeriksa lebih kurang 954 kenderaan dan telah memberi saman kepada 440 kenderaan daripada Thailand dan tiga daripadanya disita.

■1040

Seterusnya mengenai perjanjian yang telah lama dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand pada 1993. Baru-baru ini saya telah mempengerusikan satu mesyuarat di Bukit Kayu Hitam yang mana Ahli Parlimen Kubang Pasu juga hadir, ADUN Bukit Kayu Hitam dan Yang Berhormat Senator Dewan Negara dan juga melibatkan semua agensi berkepentingan bagi melihat semula kelongsaran yang telah diberikan. Dalam konteks ini pihak kerajaan hari ini sedang membuat kajian untuk mengkaji semula mekanisme kawalan kemasukan kenderaan yang lebih ketat dan sistematik. Dengan adanya sistem yang

sistematik ini dan kita cadangkan kerajaan sedang mengkaji supaya diadakan penyeragaman mengenai kemasukan kenderaan asing di semua sempadan di negara Malaysia ini. Saya yakin dalam tempoh yang terdekat kerajaan akan dapat membuat satu peraturan yang lebih kemas untuk mengawal sempadan kita.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Isu kemasukan kenderaan asing ini sebenarnya khususnya di sempadan Thailand dengan Kedah, di sebelah Kedah ini, ia memberikan kesan kepada operasi teksi. Saya percaya rakan saya dari Kubang Pasu seperti mana yang disebut tadi dan banyak *report* yang diberikan kepada saya oleh pemandu-pemandu teksi bahawa mereka ini beroperasi di wilayah Malaysia dengan kenderaan, nombor platnya ialah dari Thailand. Malah bukan sahaja untuk buat pengangkutan daripada sempadan ini tetapi kalau di Alor Setar, kita hendak sewa van untuk hendak pergi mana-mana, dia kata boleh. Bila kita pergi tengok nombor Thailand, nombor plat dia nombor plat Thailand.

Jadi ini menunjukkan bahawa salah guna itu secara berleluasa. Isunya bagi saya bahawa bukan sedar mengkaji semula kelonggaran-kelonggaran yang diberikan tetapi penguatkuasaan itu mesti serius. Saya nampak macam tidak bersungguh sedangkan dia beroperasi di bandar Alor Setar. Contoh saya katakan. Dia beroperasi di pintu sempadan, di Bukit Kayu Hitam sehingga menjejaskan pengangkutan teksi. Dia beroperasi di Bandar Alor Setar iaitu untuk mengadakan perkhidmatan sewa van bagi orang hendak pergi mana-mana, orang hendak kahwin dan sebagainya, hendak kenduri. Jadi ini yang berlaku.

Jadi saya nampak macam tidak ada penguatkuasaan. Saya tanya tempoh hari, SPAD kata ini bukan bawah bidang mereka, ini di bawah bidang JPJ kerana JPJ yang mengeluarkan permit dan sebagainya. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, sejauh mana langkah-langkah dan tindakan penguatkuasaan ini secara besar-besaran yang perlu, yang telah pun dibuat oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah ini dan mengatasi masalah pemandu-pemandu teksi.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Ahli Parlimen Pokok Sena. Saya menyedari mengenai apa yang dibangkitkan mengenai kereta-kereta sapu dari Thailand lah dan dalam konteks penguatkuasaan ini memang JPJ telah membuat penguatkuasaan yang begitu agresif. Untuk makluman pada tahun 2012, sebanyak 1,607 kesalahan yang telah dapat kita ambil tindakan dan pada 2013 kita tingkatkan lagi hingga 2,245 kenderaan. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat bahawa di Kedah ini, oleh kerana kelonggaran dua kilometer ini, lepas dua kilometer dia dapat menghidu di mana penguatkuasaan ini dilaksanakan. Jadi dan di Kedah ini pula banyak jalan tikus. Jadi inilah yang menyusahkan untuk kita menangkap lebih banyak kenderaan Thailand.

Oleh sebab itu untuk mengatasi secara tuntas masalah ini, dalam mesyuarat yang dihadiri oleh Ahli Parlimen Kubang Pasu salah satunya ialah untuk menghapuskan terus pengecualian dua kilometer di Kedah, Kelantan dan Perlis dan juga tujuh kilometer di Perak. Dengan pemansuhan pengecualian ini maka kawalan hanya dibuat di CIQ imigresen yang telah ditetapkan dan ini akan diseragamkan seperti mana kita dengan Singapura ia juga hanya melalui satu sistem. Dengan harapan ini kita dapat menyeragamkan sistem pengawalan di sempadan dengan satu kaedah yang lebih kemas. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya berkaitan dengan isu kenderaan di sempadan juga, saya di sempadan sebelah timur. Kita dapati kereta-kereta kenderaan asing dari Thailand bukan semata-mata melanggar peraturan yang telah ditetapkan tetapi mereka sebenarnya mengambil kesempatan untuk mengisi minyak subsidi. Kalau sebelah pagi itu memang penuh di stesen-stesen minyak di sempadan dalam dua kilometer dipenuhi dengan kenderaan-kenderaan dari Thailand. Kita sudah tahu ini akan memberi kesan yang cukup besar sebab subsidi ini sebenarnya khas untuk rakyat Malaysia.

Jadi kalau dalam keadaan yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya sangat bersetuju supaya peraturan ini kita hapuskan terus, kelonggaran untuk dua kilometer ini sebab ia bukan semata-mata mengambil subsidi minyak daripada rakyat negara kita, daripada negara kita, hasil negara kita, mereka juga melanggar peraturan dan memberi kesan yang cukup besar sehingga pemandu-pemandu teksi di sempadan, kalau di Kelantan tidak ada penumpang sebab penumpang disapu habis oleh kenderaan Thailand.

Jadi ini memberi kesan yang cukup besar kepada ekonomi rakyat. Jadi saya harap perkara ini diambil tindakan segera oleh pihak kementerian.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Ahli Parlimen Yang Berhormat Rantau Panjang dan seperti kita maklumkan memang kelonggaran ini satu persefahaman yang kita buat pada tahun 1993 yang mana ketika itu kenderaan mungkin tidak sebanyak sehingga setelah 20 tahun. Oleh sebab itu setelah persefahaman 20 tahun ini, kita lihat ia sudah tidak sesuai dan tidak relevan dan perlu kita hapuskan kelonggaran dua kilometer ini yang telah diselewengkan khususnya oleh kenderaan-kenderaan daripada negara jiran. Terima kasih.

**4. Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) langkah yang diambil untuk mengurangkan peranan yang dimainkan oleh orang atau *middlemen* dalam industri pertanian; dan
- (b) berapakah nilai dagangan yang dikuasai oleh golongan *middlemen* ini.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Raub, terima kasih atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua terdapat empat Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan berkenaan dengan jihad memerangi orang tengah. Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mersing pada 17 November, dari Yang Berhormat Parit Buntar pada 18 November dan satu lagi soalan daripada Yang Berhormat Raub pada 27 November 2014.

Tuan Yang di-Pertua mulai awal tahun ini, 2014, kerajaan telah melancarkan jihad membanteras, memanipulasi orang tengah. Tiga sub-sektor pertanian yang berhadapan dengan isu orang tengah ini iaitu sub-sektor padi dan beras, sub-sektor perikanan dan sub-sektor sayuran dan buah-buahan. Tujuan jihad membanteras memanipulasi orang tengah ini adalah untuk membantu para petani, penternak dan nelayan supaya memperoleh harga yang

setimpal atau munasabah pada hasil penat jerih mereka. Pada masa yang sama kita juga mengharapkan ia dapat membantu pengguna supaya dapat membeli barangan pada harga yang berpatutan, bukan pada harga yang bukan-bukan.

■1050

Berhubung dengan langkah-langkah yang telah diambil bagi subsektor padi. Subsektor padi peranan PPK dan PPN diperhebat dan diperkasakan. Dengan cara pertamanya, menubuhkan Pusat Belian Padi yang diuruskan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Pusat Belian Padi ini bertujuan untuk membeli padi kepada petani mengelakkan mereka daripada menjual padi kepada orang tengah pada harga yang di manipulasi. Mungkin harga tinggi sedikit tetapi potongan mungkin ada main. Dalam pada itu mungkin harga lebih tinggi daripada BERNAS ataupun daripada PPK. Akan tetapi dia ada beri pinjaman kredit yang mana *interest* petani kena bayar, beberapa *interest* yang terpaksa dibayar. Jadi manipulasi-manipulasi seperti ini kita tidak mahu berlaku lagi. Dengan sebab itu, PPK kena memainkan peranan membeli hasil padi daripada petani dengan penubuhan Pusat Belian Padi.

Selain daripada itu, Pusat Belian Padi ini juga berperanan untuk membekalkan input-input pertanian. Selain daripada PPK, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) juga diperhebat peranannya iaitu dari segi *mechanization*, pemodenan sektor pertanian dengan menggunakan jentera. PPN memainkan peranan dalam membekalkan jentera-jentera yang diperlukan oleh petani.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan beberapa buah PPK seperti PPK Bentong, Padang Serai, Seberang Perak, dan Machang. Ini yang baru yang akan disiapkan *by Dicember* tahun ini. Akan tetapi pada masa ini kita telah ada 33 buah Pusat Belian Padi, 29 buah yang ditubuhkan oleh PPK, tiga oleh MADA dan satu oleh KADA. Kita ada 33 buah. Jadi tahun 2014 sehingga kini PPK telah berjaya mengoperasikan 33 buah Pusat Belian Padi sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Untuk mencegah orang tengah dari segi harga padi dan juga dari segi potongan, PPK kita telah beri peringatan dan amaran jangan potong sesuka hati sampai 25%, 30%, dan 40%. Kita tidak mahu lihat sebegini rupa. Kita telah beri panduan kepada PPK pemotongan tidak lebih daripada 20%. Ia tidak lebih daripada itu, kurang lagi bagus. Begitu juga kepada BERNAS. BERNAS pun ada juga belilah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu langkah kerajaan ialah dengan menstabilkan harga padi pada harga RM1,200 per metrik tan. Jadi dengan harga ini semua *standardize*. Petani akan dapat harga yang kita telah buat perkiraan satu harga yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu- ini jawapan panjang ini, kena sabar sedikitlah, yang lain-lain- sebab empat orang yang tanya. Yang Berhormat Seputeh mana ada petani. *You asyik sibuk hal lain sahaja. You do not care about petani. You only care about the...*

**Beberapa Ahli:** Sudahlah itu, sudahlah...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia kata, "*No, no, no*". *What do you mean no? We are now, you know...*

**Beberapa Ahli:** Jawab soalanlah.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita hendak membela nasib petani. *You all not interested is your business, our business is our business*. Kita hendak membela nasib petani. *You tidak sokong? Saya hendak tanya Yang Berhormat Sungai Petani.*

**Seorang Ahli:** Baca, baca.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Sabar, sabar!

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Selain daripada itu, kita juga telah mewujudkan Dana Kebajikan Petani untuk menyelesaikan masalah kredit yang diberi oleh orang tengah. Setakat ini seramai 1,529 orang telah pun memanfaatkan tabung kebajikan ini yang diperuntukkan sebanyak RM3.3 juta. Ia diperuntukkan dengan RM100,000 bagi setiap PPK. Akan tetapi setakat ini baru RM456,400 sahaja yang digunakan dan seramai 1,529 orang yang memanfaatkan. Kita menggalakkan supaya petani-petani keluar daripada cengkaman orang-orang tengah dalam meminjam wang.

Tuan Yang di-Pertua, sektor yang kedua ialah sektor perikanan. Bagi sub-sektor perikanan, Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) telah diarahkan untuk membeli hasil tangkapan nelayan secara terus di jeti atau kawasan pendaratan ikan dengan harga yang berpatutan dan mengelakkan daripada manipulasi pemborong-pemborong atau orang tengah. Tangkapan ini sama ada akan disejukkakukan atau dipasarkan terus ke pasar-pasar nelayan atau pasar tani.

Jaringan dan medium pemasaran ikan akan terus diperluaskan. Pasaran nelayan akan terus ditambah bagi memastikan ikan dapat dipasarkan secara terus kepada pengguna. Sehingga kini sebanyak 44 buah pasar nelayan akan disiapkan pada hujung tahun ini. Pasar Nelayan Penaga, Pulau Pinang dan Pasar Nelayan Seberang Kastam, Terengganu. Kajian awal mendapati purata pendapatan nelayan telah meningkat hingga 10% ke 20% atau melebihi RM1,500 sebulan hasil daripada usaha yang dilakukan ini.

Peranan pasar nelayan ini akan terus diperkasakan dengan pembangunan sebanyak 50 buah lagi pasar nelayan. Sebanyak 93 buah *outlet* Ikan Rakyat pula telah beroperasi di seluruh negara seperti:

Negeri	Jumlah Outlet Ikan Rakyat
Perlis	4
Kedah	5
Pulau Pinang	2
Perak	1
Selangor	19
Negeri Sembilan	9
Johor	35
Pahang	6
Wilayah Persekutuan	10
Terengganu	1
Sarawak	1

Selain daripada itu, jalinan pemasaran Ikan Rakyat di mini market telah dimeterai antara pihak D'Mart yang dimiliki oleh FELDA dengan dua orang pembekal yang dilantik oleh LKIM. Penyertaan nikmat, Persatuan Nelayan Negeri, dan Persatuan Nelayan Kawasan juga

terdapat dalam pasar tani. Jualan terus *fish on way* semakin meningkat dengan sebanyak 283 daripada 553 buah pasar tani telah disertai oleh NEKMAT. Nelayan menerima harga 10% lebih tinggi daripada pasar nelayan manakala penyertaan NEKMAT, PPN, dan PPK di pasar tani telah membolehkan harga ikan di pasar tani diturunkan sebanyak 5% ke 10%.

Antara usaha yang dijalankan bagi mengelakkan nelayan meminjam daripada orang tengah yang akan mengikat mereka dengan pinjaman yang dibuat untuk tempoh jangka masa yang lama ialah melalui penubuhan Tabung Pinjaman Mudah Pembelian Peralatan seperti sampan dan sebagainya. TEKUN memberikan pinjaman sehingga kini sebanyak 593 pinjaman bernilai RM3.95 juta telah diagihkan kepada nelayan di seluruh negara bagi pembelian pukot, baik pulih atau pembelian enjin baru dan bot.

#### ■1100

Tabung ini juga turut dibuka kepada penternakan ikan di dalam sangkar, pemborongan, peruncitan hasil laut dan tangkapan ikan. Bagi sektor sayur-sayuran, FAMA memainkan peranan yang penting bagi *market access* yang terus daripada pengeluar kepada pembeli-pembeli di pasar-pasar tani. Di sini kita dapati sebanyak 35,255 metrik tan sayur-sayuran bersamaan RM68.8 juta dan 13,560 metrik tan buah-buahan bersamaan dengan RM26 juta nilai dagangan yang diperdagangkan di pasar-pasar tani. Saya kira cukup setakat itu. Terima kasih.

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bahagian kedua, (b) tidak dijawab. Akan tetapi soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi persepsi rakyat melihat langkah-langkah dan institusi yang diwujudkan oleh kerajaan memainkan peranan yang serupa sebagai orang tengah. Sebagai contoh FAMA di Raub, dia beli buah dan hasil pertanian pun dari pusat belian orang tengah dan menjual ke pasaran pada harga yang lebih tinggi. Sekian.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jumlah dagangan yang Yang Berhormat tanyakan itu, kita belum ada angka yang tepat. Saya hendak berterus-teranglah, saya pun sudah tanya pegawai itu. Belum ada angka-angka yang tepat. Walau bagaimanapun, sebagai gambaran - gambaran. Jangan ketawa, ketawa itu perlu. Dengarlah apa salahnya, *we are being honest and truthful* bukan macam *you all* suka menipu sahaja. *I am the honest man you know*, dengan izin [*Ketawa*]

Dia umpamanya padi. Padi kita kira pengeluaran padi setahun 2.7 juta metrik tan. Satu metrik tan RM1,200 kali dengan 2.7 milion metrik tan, *it will give you* RM3.24 bilion. *That is their production in quantity, in dollars*. Berapa yang dijual kepada BERNAS. Kita anggap BERNAS ini bukan orang tengahlah bukan, dan berapa jual kepada kilang milik PPK. *My guess estimate is only about 30%... [Disampuk]* Cakap orang putih sahaja, 'wah' cakap orang putih sahaja 'wah'. *Why is so unusual about speaking English?... [Disampuk]* Ya dengan izin, okey.

Ingatkan begitu tidak apa. *You* boleh tegur dengan baik, tidak ada masalah. Jadi 30% daripada RM3.24 bilion *is only about* RM1 bilion *something* yang tidak melalui orang tengah, RM2 bilion lagi pergi kepada orang tengah. *Is it?* Itu saya, *I am still fighting, you know*. Saya sudah beritahu pegawai dan ini menjadi agenda Menteri dan agenda saya dan agenda kementerian hari ini, kita tidak mahu tengok kilang-kilang padi orang lain. Kita hendak tengok

kilang padi yang dibina oleh PPK. PPK ini ahlinya petani. Jadi maknanya, kilang padi yang dibina oleh PPK... [Disampuk] Apa ini 'ngok-ngek', *give me a chance to speak*... [Dewan riu] Apa pun hendak *interrupt*. Malulah sedikit.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mana ada saya *interrupt*, saya dengar dengan tekun. Yang Berhormat Baling yang kacau. Ini, botak ini.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** [Ketawa] PPK buat kilang. PPK ini ahlinya petani. Jadi kilang milik PPK, maknanya kilang milik petani. *So we are now*, saya hendak tengok, Menteri hendak tengok, menjadi agenda kementerian hari ini, kita hendak tengok PPK bina kilang lebih banyak. Jangan jual padi ke kilang itu, orang itu, faham tidak orang itu. Saya tidak payah ceritalah.

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Baguslah. Oleh sebab itu kita tanya soalan itu. Kita pun sama dengan Menteri hendak *fight for this thing*.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey itulah cara. Jadi, sekarang ini RM2 bilion *something* padi dijual pada orang tengah. Dia duduk di bilik karaoke main telefon sahaja, *hello*, dia yang untung banyak. Orang kampung saya, Sungai Manik, orang Kedah tanam padi berpeluh siang malam dapat untung sedikit *and forever poor*. Dapat seorang RM1,500, RM1,800. *I have done the study*. Berapa pendapatan petani-petani pada hari ini *within* RM1,500 to RM2,000 *per month, cannot. We must double this...* [Disampuk]

Sebab apa, kita hendak tengok per kapita *income* mereka juga berganda supaya sama per kapitanya dengan orang lain pada tahun 2020. USD15,000 ini per kapita *target* 2020. Saya tidak mahu orang Seputeh sahaja yang dapat macam itu. *My* petani di Seberang Perak *also must get like you. You understand? Thank you*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Mersing... [Dewan riu]

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Tuan Yang di-Pertua, dia orang tengah ini biasa, dia ialah global fenomena. Dari zaman dahulu pun kalau kita tengok kurun ke-7 masyarakat Arab di Makkatul Mukarramah, semuanya di situ terdiri daripada peniaga. Orang Madinah, petani. Rasulullah adalah sebelum menjadi Rasul, dia orang tengah. Dia bekerja dengan Siti Khadijah. Oleh kerana dia punyai nilai integriti yang tinggi, maka Rasulullah diajak menjadi *partner. Partner lifetime* dan juga *partner* berniaga.

Jadi orang tengah ini sudah lama sudah, bukan baru. Ada orang tengah baik, ada orang tengah yang tidak baik. Macam Yang Berhormat Raub dulu dia orang kita, sekarang dia jadi orang tengah... [Disampuk] Soalan saya, oleh kerana ada orang tengah yang baik, yang tidak menekan, ada orang tengah yang menekan. Ada tidak usaha untuk memastikan orang tengah yang baik ini kita lesenkankah, ada bentuk *regulation*, peraturan kerana peranan orang tengah juga amat bagus. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih. Ini cerita sirah Nabi, Rasulullah ini semua. *You* jangan main-main. Kata Nabi jadi orang tengah, *partner* dengan Siti Khadijah. Tidak apalah.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Tidak baca berzanji ini. Orang Johor baca berzanji. Kita tahu.



**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya, saya hendak jawab. Yang Berhormat, kita *compare* you punya *knowledge* dengan I punya *knowledge*... [Dewan riuh] [Ketawa] *This is friendly match, you all* jangan campur... [Disampuk] Kita sesama kita, *you* jangan campur. *This is no harm*, kita tegur-menegur, ingat-mengingati apa salah. Itu ajaran agama kita. Betul tidak? Kalau saya salah, *you* tegur. Itu ajaran agama, saya kena terima. Akan tetapi kalau *you* salah, *you* kena dengar jugalah apa yang saya cakap. Okey kita banding.

Rasulullah dia berniaga terus *direct* pergi ke Syria, *trading* barang-barang yang dijual oleh syarikat milik Siti Khadijah. Rasulullah *is working for Khadijah and later of course become a partner. Partner in life, partner in business* tetapi berniaga dia itu, berniaga dia tidak jual kepada orang tengah, dia jual *direct*. Dia pergi ke Syria, jual *direct to the buyers there*. Itu tidak apalah. Mungkin tidak betul ya? Kalau tidak betul, saya tarik baliklah.

■1110

**Beberapa Ahli:** Betul, betul, betul.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Betul ini? Dia orang Johor. Belajar berzanji, dia kata betul [Ketawa] *You* kata orang Johor belajar berzanji. Tahu? Saya tidak belajar. Ini orang Johor. Oso. Kata saya betul. Jadi, tidak payahlah bergaduh bab itu lagi. Hendak jawab bab kata ada orang tengah baik dan tidak baik. *I agree with you*. Itu sebab dalam agenda kita ini, kita sebut memerangi manipulasi orang tengah. Orang tengah yang memanipulasi petani, penternak dan nelayan. Yang tidak memanipulasi, yang membantu, *it's okaylah*.

*Whatever*, apa-apa peranan yang mereka boleh membantu dalam membela nasib petani dan nelayan, *it's fine*. Yang kita hendak banteras ini yang tipu harga ikan. Ada masa dia kata tidak boleh belilah dengan harga ini *because over supply*. Itu dan ini. Dia tekan harga padahal tidak ada apa pun *just because* dia sudah *control. He is the cartel. Dia control the business. So, this is manipulation*. Suka-suka hati dia. Begitu juga beli sayur-sayuran, buah-buahan kita, beli durian kita. Masa mula-mula cakap bagus hendak beli sekian. Selepas itu buah sudah kita jual, sudah dia kata dia *over supply* dan *pressure the price down*. Ini *manipulation*.

Jadi, untuk mengatasi masalah ini, ada dua cara. Satu, petani sendiri *take over the trading or the marketing thru* sama ada dia *directly* petani *as an entrepreneur, as a business people* or dia punya *association - PPK*. PPK bergabung, dia ada tenaga, ada kekuatan. Dia *pool the resources. Financial and everything together. They have the strength to be the marketing or the middleman* yang dikatakan bagus itu. Jadi, minta maafah ya. *Wallahualam*.

5. **Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]** minta Menteri Pertahanan menyatakan, segala usaha yang telah dan akan diambil oleh kementerian bagi memastikan kedaulatan Pantai Timur Sabah akan terus terpelihara.

**Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat menyedari cabaran besar yang perlu dilalui bagi menentukan kawasan pantai timur Sabah sentiasa terpelihara keselamatannya. Ini kerana faktor geografinya yang merangkumi sepuluh daerah, pesisiran Pantai Timur Sabah mulai dari Kudat hingga ke Tawau yang merangkumi panjang pantai sejauh 1,733 kilometer. Melibatkan 361 buah pulau dan

keluasan daratan seluas 31,158 kilometer persegi iaitu merangkumi 42% daripada keluasan negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, kerajaan amat serius serta komited dalam menentukan kedaulatan dan keselamatan Pantai Timur Sabah sentiasa terpelihara dari digugat oleh sebarang bentuk ancaman sama ada yang datang dari luar ataupun daripada dalam negara. Ketegasan ini telah dibuktikan dengan usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dengan menubuhkan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) dan *Eastern Sabah Security Zone* (ESSZONE) pada 7 Mac 2013 yang secara pentadbirannya telah diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak tamat operasi daulat pada 29 Jun 2013, pihak Angkatan Tentera Malaysia telah meneruskan usahanya untuk memperkukuhkan pertahanan, keselamatan dan kedaulatan di timur Sabah dengan menambah trup dan aset. Penambahan trup dan aset ini adalah bagi melaksanakan Operasi Sanggah yang merangkumi Operasi Pasir Utara dan Selatan serta Operasi Daratan di kawasan tanggungjawab ESSZONE di bawah pemerintahan ESSCOM.

Bagi memastikan keberkesanan tindakan pasukan keselamatan di kawasan berkenaan, sebuah pangkalan operasi hadapan, dengan izin, *forward operational based* dalam bentuk *sea based* iaitu dengan menggunakan kapal *auxiliary* TLDM Bunga Mas Lima telah diatur gerak dan sedang beroperasi di Pantai Timur Sabah. Sebuah lagi *sea based* dalam bentuk terminal pelantar minyak yang telah *decommission* dan akan diubahsuai, bakal diwujudkan dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada bulan April 2015.

Pembinaan pangkalan operasi hadapan di lautan ini bertujuan mengekang ancaman, khususnya di laluan keluar perairan negara. Ia juga akan berperanan sebagai pusat pemerintahan pemintasan, *interception*, dengan izin, peningkatan laluan, pengawasan, pos pemeriksaan di laut dan penguatkuasaan laluan khusus iaitu dengan *designated routes*, dengan izin. Konsep *sea based* ini juga dapat menyediakan lokasi platform bergerak dan statik yang mampu memanjangkan jangkauan dan seterusnya meningkatkan masa bertindak pasukan keselamatan kita. Selain daripada usaha-usaha yang telah dinyatakan tadi, pihak ATM turut menjalinkan kerjasama rapat secara bilateral dengan *Arm Forces of the Philippines*, terutamanya pertukaran maklumat perisikan dan latihan ketenteraan bersama di antara tentera kedua-dua buah negara. Latihan ini akan dapat diperkukuh hubungan dan jaringan kerjasama serta meningkatkan tahap inter-operasi ketiga-tiga perkhidmatan angkatan tentera darat, laut dan udara yang mana kesan akhirnya akan memberikan impak kepada kestabilan dan keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, situasi masa kini. Apabila kita memperkatakan tentang ancaman keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah, tidak dapat tidak kita tidak boleh ambil mudah isu kewujudan kumpulan yang menyokong *Islamic states* seperti Iraq dan Syria. Di atas isu ini, walaupun ancaman ini masih di tahap rendah, namun pihak keselamatan negara tidak sesekali memandang ringan dan akan memantau secara serius serta akan mengambil tindakan segera yang perlu dalam memastikan ideologi yang dipelopori oleh penyokong ISIS tidak menular ke negara ini.

Dengan segala usaha yang telah dan akan dilakukan oleh kerajaan dan sokongan padu daripada pihak ATM serta agensi-agensi penguatkuasaan kerajaan yang lain, maka adalah diharapkan pantai timur Sabah khasnya dan negara kita amnya akan terus aman dan terhindar dari sebarang bentuk ancaman yang menggugat keamanan dan kedaulatan negara tercinta ini.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan saya tadi. Dalam Bajet 2015 yang diumumkan baru-baru ini, kerajaan telah memperuntukkan belanjawan sebanyak RM660 juta bagi memperkukuhkan agen. Antara projek yang dirancang ialah untuk penempatan semula kampung air di Semporna dan Sandakan secara berperingkat. Justeru, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menempatkan semula semua perkampungan air di Sabah. Berapa kos yang dijangka akan terlibat jika kerajaan berbuat demikian? Saya juga ingin tahu juga, apakah langkah kerajaan untuk memastikan sumber ekonomi penduduk perkampungan air itu tidak terjejas setelah mereka dipindahkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat Parit. Apa yang telah pun diumumkan di dalam bajet ialah penambahbaikan daripada apa yang telah pun sedia ada di ESSCOM dan di ESSZONE. Ini menunjukkan keutamaan pihak kerajaan kepada ancaman-ancaman baru seperti apa yang saya senaraikan tadi. Selain daripada usaha penempatan semula kampung-kampung air, izinkan saya menerangkan kepada Dewan yang mulia ini beberapa pendekatan baru dan inisiatif-inisiatif baru untuk meyakinkan rakyat Sabah khususnya, bahawa kita serius dalam usaha hendak memastikan keselamatan negeri dan juga rantau di sana. Pertama mewujudkan dua batalion. Melibatkan satu batalion Tentera Darat dan satu lagi batalion Pasukan Gerakan Am (PGA) dengan jumlah anggota baru seramai 1,280 anggota telah pun diluluskan.

■1120

Membina dua buah kem iaitu satu di FELDA Sahabat, Lahad Datu yang menempatkan Kem Tentera Darat dan sebuah Kem PGA di Beluran. Kedua-dua insentif ini saya akan bincang dengan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi Menteri Dalam Negeri, cara bagaimana ia dapat diselaraskan dan dikoordinasi.

Kelengkapan operasi pertahanan di kawasan Pantai Timur Sabah akan ditambah baik dengan perolehan radar pengawasan yang berkeupayaan tinggi. Radar 1206 yang ada mempunyai *blind spot* yang perlu ditambah baik. Memanjangkan landasan lapangan terbang Lahad Datu. Ini bagi membolehkan pesawat TUDM khususnya C130 mendarat bagi penghantaran bantuan logistik dan ketenteraan. Menambah baik pangkalan udara Labuan. Ini untuk menempatkan pesawat pejuang Hawks yang sekarang ini berada di Pangkalan Udara Butterworth ditempatkan di Labuan.

Isu berkaitan dengan penempatan semula merupakan sesuatu yang sedang difikirkan di peringkat awal ESSCOM diwujudkan dan ini perlu kerjasama daripada bukan sahaja agensi-agensi berkenaan daripada PDRM dan juga APMM tetapi bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Sabah itu sendiri. Satu dua perkampungan telah pun dikenal pasti sama ada ia dapat diperluaskan kepada perkampungan-perkampungan air yang lain. Saya percaya bahawa

perancangannya akan dilakukan secara berperingkat-peringkat tapi kejayaannya banyak bergantung kepada penerimaan rakyat di Sabah itu sendiri.

Selain daripada apa yang sudah diumumkan tadi pendekatan-pendekatan baru seperti jawapan kepada soalan asal tadi merupakan pendekatan yang tidak pernah dilakukan di dunia luar sana. Iaitu menggunakan *decommission* pelantar-pelantar minyak untuk memastikan bahawa *offshore bases*, dengan izin dapat ditempatkan di lokasi-lokasi strategik supaya pemantauan dan juga *response time* begitu cepat sekali. Ini semua akan dirangkumi dan *insya-Allah* akan dapat kita *rollout* tahun ini juga dan ia akan diperkukuhkan lagi dalam pelan Rancangan Malaysia Kesebelas.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sebetulnya memang kita tidak ada keraguan di atas komitmen dan kesungguhan kerajaan untuk memastikan kestabilan dan keselamatan rakyat khususnya di Pantai Timur Sabah termasuk di kawasan saya sempadan Sandakan dan Kinabatangan. Ini kerana di kawasan saya ini terdapat lebih kurang 27 pulau yang sekarang ini dikawal selia oleh pasukan khas di pesisiran pantai Sandakan.

Jadi oleh kerana itu apakah langkah-langkah yang konkrit, yang komprehensif selain daripada *decommission* pelantar-pelantar minyak untuk memastikan bahawa ancaman *non traditional* ini seperti ISIS yang begitu mengganas di Syria dan Iraq. Berkemungkinan juga rangkaian mereka ini boleh melibatkan pejuang-pejuang Islam di Selatan Philippine, di Indonesia boleh mengancam keselamatan Sabah dan Sarawak. Jadi oleh kerana itu apakah dengan pemantauan rapi kerajaan begitu berkeyakinan bahawa kita akan dapat mengekang ancaman-ancaman seumpama ini supaya tidak mengancam keselamatan rakyat Malaysia di Sabah itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Itu merupakan satu soalan yang begitu tepat sekali kerana ancaman ISIS ini sedang menular bukan sahaja dipantau untuk rantau kita tetapi apa yang kita lihat di Timur Tengah dan apa yang berlaku di Iraq, Syria dan sempadan Turki hari ini menuntut kita melihat walaupun ancamannya rendah ketika ini di kawasan kita, kita mengambil secara serius.

Perkara kedua jawapan saya kepada Dewan yang mulia ini hari ini ialah untuk menyedarkan kepada semua bahawa ancaman yang kita lihat dahulu di Lahad Datu berhubung kait dengan pencerobohan dan isu-isu penyeludupan dan juga penculikan jauh berbeza dengan ancaman yang kita hadapi oleh ancaman ISIS. Kumpulan bersenjata dari Selatan Filipina seperti *Bangsamoro Islamic Freedom Fighters* (BIFF) dan Abu Sayyaf telah buat kenyataan terbuka menyokong perjuangan ISIS. MNLF, pemimpin Nur Misuari, Abu Sayyaf dan Tentera Kesultanan Sulu yang berjuang menubuhkan kerajaan Islam di wilayah selatan Filipina menuntut Sabah turut menggunakan model ISIS.

Empat sel militan telah pun diumumkan oleh pihak PDRM dan juga pihak Menteri Dalam Negeri yang sedang dipantau dan kumpulan jihad baru untuk tubuhkan negara Islam melalui perjuangan bersenjata telah pun menular bukan sahaja di negara kita tetapi negara-negara jiran seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan.

Usaha-usaha konkrit selain daripada apa yang saya sebutkan menaik taraf lapangan terbang di Labuan, menaik taraf lapangan terbang kita di Lahad Datu, meletakkan aset-aset

tambahan ketenteraan, kalau berbeza dengan ancaman terdahulu melibatkan pesawat-pesawat Hawks kita, pesawat-pesawat helikopter kita di Sabah ini menjurus kepada tindakan proaktif kepada ancaman baru ini. Akan tetapi sama ada ia memadai atau tidak kita sedang melihat secara dekat apa yang berlaku di Timur Tengah, apa yang berlaku di Iraq sama serangan-serangan yang dibuat oleh tentera-tentera Amerika Syarikat dan bersekutu, mampu menahan gerakan daripada ISIS di rantau itu dan tindakan-tindakan selanjutnya banyak berkisar kepada keberkesanan tindakan yang hari ini sedang merupakan *developing stories*, dengan izin, di Timur Tengah.

Jadi sama-samalah kita pantau dan pandangan-pandangan daripada Ahli Yang Berhormat khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah cara bagaimana kita dapat perkukuhkan lagi cadangan yang ada ini dan menempatkan aset dan ahli anggota kita supaya rakyat Sabah pertamanya yakin dengan kesungguhan kita. Keduanya rakyat Sabah akan panjangkan kepada kita tindakan-tindakan yang lebih efektif supaya ia dapat ditangani tetapi pada masa yang sama kita mesti lihat perkembangan global, perkembangan antarabangsa berhubung kait dengan ancaman baru ini.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Realitinya dalam negara kita hari ini kita lihat perairan negara kita masih lagi terancam khasnya daripada angkara lanun-lanun sebab kita lihat sebagai contoh pada bulan April yang lepas kapal Jepun dengan muatan lima juta liter diesel telah dirompak di perairan Pulau Ketam. Kemudian kapal dagang MT Ai Maru yang juga dirompak di kawasan Pantai Timur Laut Sedili pada bulan Jun yang lepas. Kemudian pada bulan lepas sebuah kapal kargo minyak *MT Oriental Daily* dirompak di perairan Laut China Selatan. Saya percaya ini ialah angkara perbuatan lanun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kaitkan dengan soalan asal.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Ya, saya melihat ini juga melibatkan dengan kedaulatan perairan negara kita. Jadi sejauh manakah pihak kementerian telah menaik taraf keselamatan perairan negara kita terutamanya setelah kita tahu Malaysia terlibat dengan kerjasama maritim tiga hala melalui mekanisme TTEG ini dan kita lihat juga dengan satu lagi kebimbangan ialah masalah penglibatan IMO atau *International Maritime Organization* yang juga terlibat di perairan negara kita.

Jadi penjelasan saya mohon daripada kementerian yang pertama ialah berhubung dengan keselamatan perairan negara bukan sahaja Sabah tetapi seluruh negara kita. Kedua ialah keberkesanan kerjasama maritim antarabangsa dan yang ketiga peranan IMO tadi yang sedikit-sebanyak menimbulkan curiga dalam usaha menjaga keselamatan negara kita. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti saya sebutkan tadi soalan asal berkisar kepada ancaman baru yang terpaksa kita hadapi dengan perkembangan pengaruh ISIS. Namun ini tidak bermakna bahawa ancaman-ancaman tradisi kita sama ada penculikan, perkara-perkara yang melibatkan lanun dan juga penyeludupan itu merupakan sesuatu yang telah pun kita cuba tangannya sebaik mungkin dengan pendekatan ESSCOM dan ESSZONE.

## ■1130

Dengan penambahan kehadiran dan juga tumpuan pihak ATM dalam konteks ketenteraan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sebut berhubung kait dengan keselamatan dan ketenteraan tadi yang merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Kita ambil berat tanggungjawab ini dan tambahan yang kita buat berhubung kait dengan ancaman ketenteraan tadi juga boleh digunakan untuk mengatasi ancaman-ancaman tradisional yang memang pun kita sudah kenal pasti.

Keduanya, hubungan kerjasama di antara negara-negara berdekatan sama ada bilateral atau trilateral. Tahun depan Malaysia akan mempengerusikan ASEAN dan sepuluh negara akan terpaksa duduk semeja memikirkan kestabilan dan juga keselamatan serantau dan dengan pertimbangan geopolitik kuasa-kuasa besar. Sama ada Amerika Syarikat, China, Jepun, itu semua penting untuk kita rintis dan kita teliti. Saya cukup yakin kerjasama yang telah pun diwujudkan di antara khususnya Kementerian Pertahanan dan Keselamatan Negara-negara ASEAN yang telah lama terjalin. Itu akan membantu kita *insya-Allah* tidak ditimpa dengan nasib yang sama daripada Timur Tengah.

**6. Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]** minta Menteri menyatakan:

- (a) sama ada benar instrumen perbankan Islam *Bai Bithaman Ajil* (BBA) lebih membebaskan peminjam daripada kaedah konvensional; dan
- (b) apakah juga benar kaedah *musyarakah mutanaqisah* (MM) adalah satu kaedah yang lebih baik kepada peminjam dari BBA.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sudah menjadi hab kewangan Islam Dunia. Dari segi perbankan Islam kita adalah dalam pasaran kedua terbesar 8% daripada jumlah aset perbankan Islam global. Dari segi takaful atau insurans, pasaran kedua terbesar antarabangsa. Malaysia dan Arab Saudi menyumbang 44% daripada jumlah sumbangan kasar takaful antarabangsa.

Dari segi pengurusan dana Islam atau *Islamic fund management* dengan izin, juga pasaran kedua terbesar antarabangsa 25% daripada jumlah aset di bawah pengurusan antarabangsa adalah diatur dan diuruskan oleh Malaysia. Dari segi sukuk atau *Islamic bon*, Malaysia pasaran pertama terbesar antarabangsa 59% daripada jumlah sukuk tertunggak di pasaran antarabangsa diniagakan oleh negara Malaysia.

Soalan adalah mengenai *Bai Bithaman Ajil* dan *musyarakah mutanaqisah*. Pembiayaan *Bai Bithaman Ajil* pada dasarnya melibatkan transaksi pembelian aset dengan bayaran tertangguh. Kontrak ini boleh diguna pakai sama ada bagi pembiayaan aset atau pembiayaan tunai. Dalam hubungan ini, pihak bank dan pelanggan hendaklah bersetuju dengan harga jualan aset yang mendasari urus niaga tersebut.

Apabila kontrak pembiayaan dimeterai, bank telah menjual aset kepada pelanggan dengan bayaran tertangguh. Harga jualan tersebut tidak dinyatakan secara jelas dalam kontrak pembiayaan dan tidak boleh dipinda kerana ianya menjadi asas kepada kontrak berkenaan. Ini memberikan kepastian harga dan jumlah hutang yang perlu dijelaskan oleh

pelanggan. Jika berlaku peningkatan kadar pembiayaan asas dalam pasaran *base financing rate* (BFR), dengan izin, jumlah hutang pelanggan masih kekal dan tidak bertambah.

Bagi badan bank konvensional mereka terdedah kepada risiko turun naik kadar faedah yang memberi kesan langsung kepada jumlah bayaran ansuran dan jumlah hutang keseluruhan kepada pihak bank. Sekiranya berlaku kenaikan berterusan kadar faedah di pasaran, pelanggan bank konvensional mungkin akan mengalami beban hutang yang lebih tinggi daripada yang dijangka. Umumnya produk *Bai Bithaman Ajil* dan produk konvensional punyai mekanisme yang berlainan dan pelanggan perlu memahami perbezaan ciri-ciri antara kedua-duanya bagi menentukan jenis pinjaman yang menjadi pilihan pelanggan.

Untuk *musyarakah mutanaqisah* ialah satu bentuk perkongsian dengan salah satu rakan kongsi berjanji membeli bahagian pemilikan rakan kongsi yang lain secara beransur-ansur sehingga ia memiliki sepenuhnya aset perkongsian tersebut. Oleh itu, konsep ini diguna pakai bagi produk pembiayaan aset sahaja seperti pemberian hartanah peribadi dan premis perniagaan. Pihak bank akan menyewakan bahagian milikannya kepada pelanggan sepanjang tempoh berkontrak. Dalam amalan semasa, kebanyakan harga sewaan yang dipersetujui adalah berkadar terapung dan ditetapkan berdasarkan kadar pembiayaan asas (BFR). Dalam hal ini jumlah bayaran keseluruhan adalah bergantung kepada turun naik kadar pembiayaan asas (BFR).

Kontrak pembiayaan *musyarakah mutanaqisah* akan berakhir setelah pelanggan memperoleh sepenuhnya bahagian pemilikan bank terhadap aset berkenaan bagi membolehkan pelanggan menjadi pemilik tunggal aset itu. Sekiranya pelanggan berhasrat untuk menamatkan pembiayaan secara lebih awal, pelanggan perlu membeli sepenuhnya baki pemilikan bank dalam aset tersebut. Sebagai kesimpulan, kedua-dua konsep *Bai Bithaman Ajil* dan *musyarakah mutanaqisah* mempunyai ciri-ciri yang khusus. Pelanggan boleh memilih mana-mana produk yang bersesuaian dengan mengambil kira implikasi kewangan dan risiko yang akan ditanggung oleh peminjam. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Setakat itulah sesi pertanyaan lisan untuk pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]**

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**  
**Dan**  
**USUL**  
**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh bilion empat ratus sembilan puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh empat ribu ringgit (RM50,499,994,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2015, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2014, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. **[15 Oktober 2014]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**11.36 pg.**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk memulakan perbahasan pada hari ini yang mana sebenarnya saya telah menunggu sehingga malam tadi iaitu pukul 8.45 malam. Selepas salam saya diarahkan datang hari ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Semalam itu *booking*. *Booking slot*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan saya dengan membaca sepotong ayat al-Quran... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Maksudnya, “*Sesungguhnya Allah memerintahkan manusia supaya sentiasa berlaku adil dan juga berihsan*”. Surah An-Nahl ayat 90.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua maklum bahawa bajet seumpama Bajet 2015 ini merupakan satu dokumen yang penting yang mengunjurkan jangkaan pendapatan dan perbelanjaan kerajaan untuk tahun kewangan akan datang. Ia sekali gus menggariskan hala tuju penekanan, keutamaan serta wawasan kewangan, ekonomi dan pentadbiran kerajaan itu sendiri. Oleh sebab itu perbahasan bajet ini untuk dibahaskan sama ada di pihak pembangkang mahupun pihak BBC ianya perlulah diberikan fokus dan komitmen yang tinggi kerana ia memberi kesan yang sangat besar kepada kerajaan dan juga kepada negara.



Namun demikian, saya ingin menyatakan bahawa oleh kerana Rang Undang-undang Perbekalan 2015 ini atau pun rang undang-undang bajet ini merupakan satu dokumen buatan manusia. Sudah tentulah ia terdedah kepada pelbagai kelemahan yang memerlukan kepada penambahbaikan dan kritikan. Oleh sebab itu, bagi saya dokumen ini jika sekiranya ianya mengandungi perkara yang baik ianya wajar diterima. Sebaliknya jika sekiranya perlu dibaiki, ianya perlulah dibaiki terutamanya di peringkat pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana semua kita maklum, bajet yang dibentangkan pada 10 Oktober 2014 baru-baru ini, jumlah perbelanjaannya RM273.9 bilion yang merangkumi peruntukan mengurus RM 223.4 bilion dan pembangunan RM 50.5 bilion. Daripada unjuran pendapatan berbanding dengan anggaran perbelanjaan bermakna Bajet 2015 ialah satu bajet defisit berjumlah RM38.7 bilion. Jadi dalam hal ini saya sukalah menarik perhatian terutama pihak kerajaan.

Terdapat dua perundangan ataupun akta yang mengehendkan bidang kuasa kerajaan supaya mereka tidak membuat atau mewujudkan defisit ataupun defisit sehingga ke silingnya yang tidak boleh melebihi 55% daripada KDNK negara iaitu yang pertamanya Akta Pinjaman Tempatan 1959 dan yang keduanya Akta Dana Kerajaan 1983. Oleh sebab itu, Dewan ini perlulah memberi suatu peringatan dan juga harapan kepada pihak kerajaan supaya tindakan kerajaan di masa akan datang terutamanya pada tahun hadapan ini berulang-ulang membawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Itu adalah bagi pandangan saya ialah suatu amalan ekonomi yang tidak sihat iaitu yang disebut sebagai defisit fiskal, perbelanjaan melebihi daripada pendapatan.

#### ■1140

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2015 sejumlah peruntukan yang besar telah diperuntukkan untuk infrastruktur yang merangkumi sama ada pembangunan Lebuhraya Pan Borneo sejauh 1,700 kilometer di Sabah dan Sarawak. Pengukuhan LRT, MRT, pembinaan jaringan lebuhraya di sekitar Selangor dan juga Kuala Lumpur, saya berpandangan peruntukan yang besar ini adalah cukup-cukup penting dan wajar terutamanya untuk memberikan kemudahan atau menjadi satu *catalyst* yang penting bagi pertumbuhan ekonomi dan peningkatan mutu kehidupan rakyat. Namun demikian, saya ingin menyatakan bahawa peruntukan untuk pembangunan infrastruktur ini perlu diberikan atau diagihkan untuk keperluan di seluruh negara termasuklah di negeri saya di Kelantan.

Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 yang menghubungkan Kuala Terengganu dan Kota Bharu seterusnya ke Tumpat, Kelantan. Saya difahamkan telah pun diluluskan kajiannya pada tahun 2009 lagi. Saya ingin memetik satu jawapan Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan ini soalan asal yang telah dikemukakan oleh sahabat saya sebelum ini Ahli Parlimen Kota Bharu yang meminta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Lebuhraya Pantai Timur akan dibina daripada Kuala Terengganu sehingga ke Kota Bharu. Jawapan yang diberikan di dalam Dewan ini, Kementerian Kerja Raya telah menjalankan kajian kemungkinan cadangan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 negeri Kelantan.

Kajian telah siap pada tahun 2009 dengan mengenal pasti jajaran jalan dari Kampung Gemuruh. Kuala Terengganu sehingga ke Pengkalan Kubor sepanjang 147 kilometer. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini kita tidak dengar lagi dalam Bajet 2015 pun tidak

ada juga. Ini Rancangan Malaysia Kesepuluh sudah hendak habis adakah LPT3 ini tidak juga termasuk di dalam perancangan pembangunan Kerajaan Persekutuan.

Begitu juga saya ingin menyentuh satu projek yang baru dilakukan pecah tanah oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu mungkin Yang Berhormat Ketereh maklum perkara ini Majlis Pecah Tanah Lebuh Raya Kota Bharu ke Kuala Krai iaitu pakej 1B antara Pasir Hor di Kelantan sehingga ke Kadok di Ketereh sejauh 7 kilometer. Kemudian daripada Kadok ke Machang sejauh 6.4 kilometer jarak semuanya 13.4 kilometer. Anggaran kos pembinaan RM168.5 juta. Ini telah dilakukan pecah tanah oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 1 April 2014. Saya dan juga rakyat Kelantan mengharapkan tarikh majlis pecah tanah tidak menjadi satu *April Fool* kepada rakyat Kelantan kebetulan 1 April Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Ketereh boleh cuba jolok-jolok supaya cepat sedikit ini kawasan dia dan juga kawasan saya.

Saya juga ingin menyentuh mengenai BR1M Tuan Yang di-Pertua, ditekankan bagaimana BR1M ini akan diberikan dalam jumlah yang lebih besar lagi. Pada tahun 2015, saya berpendapat bahawa inisiatif BR1M ini walaupun ia merupakan satu dasar pengagihan kekayaan negara kepada rakyat ianya hanyalah merupakan suatu langkah penyesuaian yang bersifat sementara sahaja. Ianya belum lagi menjawab persoalan asas iaitu isu pengagihan kekayaan negara yang lebih merata dan saksama di kalangan rakyat yang melibatkan perubahan struktur yang berkekalan.

Pepatah Cina ada mengatakan bahawa; "*Beri ikan, seseorang itu dapat makan sampai esok, tetapi kalau diberi kail mereka akan dapat makan selama-lamanya*". Inilah yang kita mahu kepada pemberian BR1M dan seumpamanya. Kita harap perkara ini juga akan dapat menyelesaikan masalah jurang pendapatan dan kekayaan di dalam masyarakat kita yang terus membesar.

Sebagaimana seorang ahli ekonomi terkenal sekarang ini seorang anak muda yang bernama Muhammed Abdul Khalid dalam bukunya, '*The Color of Inequality*'. Antara lainnya mendedahkan bagaimana 53% rakyat Malaysia tidak mempunyai apa-apa aset kewangan. Golongan 10% terkaya di Malaysia mengawal 77% daripada aset kewangan negara. 80% rakyat berpendapatan rendah hanya memiliki sebanyak 5.5% sahaja daripada aset kewangan negara. Justeru itu saya mengharapkan kerajaan yang memerintah membuat satu penyelesaian yang lebih kekal, lebih *economic* dan bermaruah supaya ianya perlu menjadi dasar yang lebih baik dan lebih memberikan kesenangan kepada rakyat sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai perkara yang disebut iaitu perlindungan pekerja. Saya mengalu-alukan inisiatif kerajaan untuk mengkaji semula Akta Kerja tahun 1955 bagi meningkatkan mutu perlindungan dan perkhidmatan tenaga kerja kita. Namun demikian saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan turut mengkaji Akta Kesatuan Sekerja 1959 untuk membantu para pekerja meningkatkan kuasa rundingan mereka dan juga memberikan perlindungan kepentingan mereka di pasaran tenaga kerja, serta hubungan mereka dengan para majikan. Kita tahu pekerja kita sentiasa terdedah kepada eksploitasi, ketidakadilan dan juga penganiayaan dan mereka perlu dilindungi melalui undang-undang.

Seterusnya dalam tempoh terhad ini saya ingin menyentuh mengenai perkhidmatan dan kemudahan kesihatan khususnya apa yang disentuh di dalam Bajet 2015 mengenai langkah kerajaan melalui Kementerian Kesihatan dalam mengambil langkah-langkah pro aktif untuk menangani satu wabak penyakit yang cukup-cukup mengancam keselamatan dan kesihatan rakyat kita iaitu penyakit denggi. Mengikut data daripada Kementerian Kesihatan, daripada Januari sehingga September 2014 sebanyak 74,335 kes denggi dilaporkan pada tahun 2014 ini dengan kematian 143 kes. Berbanding dengan tahun 2013 hanya sebanyak 29,756 kes dan dengan kematiannya juga pada tahap yang agak rendah.

Ini satu perkara yang cukup serius, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kes di negeri saya sendiri kebetulan saya sendiri pun kena denggi Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Ketereh sahabat saya pun sampai sekarang ini menanggung derita kesan daripada denggi. Denggi di Kelantan agak tinggi iaitu sebanyak 12,380 kes dari Januari sehingga September 2014. Peningkatan sebanyak 1,134%. Manakala begitu juga di Selangor mengikut rekod sehingga Januari sehingga Julai 48,845 kes, peningkatan sebanyak 246%.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ketereh bangun Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Tidak mengapa kita sama-sama mangsa denggi. Saya hendak dapatkan kepastian daripada Yang Berhormat kerana perkara ini juga difahamkan ada dibincangkan di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan. Saya ada terbaca laporan ahli Exco Kerajaan Negeri Kelantan memberi jawapan antara sebab Kelantan banyak kena denggi adalah kerana orang UMNO tolak hudud. Betulkah jawapan?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Ketereh saya tidak boleh komenlah sebab saya tidak dengar. Mungkin satu *hearsay*.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Kota Baharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya. Sila.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kota Bharu. Saya rasa kerajaan kita sudah berjaya dalam menghapuskan satu wabak malaria yang merupakan wabak yang cukup ditakuti. *Alhamdulillah* dengan berkat kebijaksanaan kita, kita berjaya menghapuskan wabak ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kota Bharu setuju tidak kalau kita mengesyorkan kepada kerajaan Malaysia agar seperti mana kita menghapuskan malaria ketika itu bolehkah kita mencari kaedah di mana kita menghapuskan penyakit denggi ini selama-lamanya. Terima kasih.

■1150

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya amat bersetujulah dengan cadangan itu dan saya mohon dimasukkan sebagai sebahagian ucapan saya. Malahan saya difahamkan pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah pun mewujudkan satu jawatankuasa khas mengenai denggi ini yang mana mereka ini sudah tentulah mempunyai perancangan untuk mengatasi keadaan ini. Jadi dalam Bajet 2015, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah

memperuntukkan sebanyak RM30 juta untuk pencegahan denggi ini dengan memberikan peralatan pencegahan seperti *reagents, ultra low volume,...*

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Boleh?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** ...*Mist blower dan juga...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kedah bangun Yang Berhormat.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Cuma hendak- terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah, itu bukan pencegahan denggi. Pencegahan komplikasi sahaja, *early diagnosis*. Seperti tadi, tidak ada peruntukan tambahan. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih doktor. Itu lebih tepat, '*hanya jauhari mengenal manikam*'. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah.

Jadi saya amat bersetuju supaya perkara ini diberikan satu penekanan oleh pihak kerajaan ia merupakan satu wabak yang cukup bahaya kepada rakyat dan negara kita. Atas sebab itu juga, saya ingin memohon kepada kerajaan melalui Kementerian Kesihatan, apalah kiranya Hospital Kota Bharu dibina hospital yang baru kerana baru-baru ini semasa wabak denggi ini Tuan Yang di-Pertua, habis katil, tidak cukup katil di hospital ini. Kalau tidak silap saya, Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan pun kena denggi dan tidak dapat duduk di hospital. Jadi, hospital baru cukup penting di Kota Bharu. Hospital baru di Kota Bharu.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai satu perkara yang dibangkitkan iaitu pihak kerajaan telah buat keputusan untuk mewujudkan satu pusat percetakan al-Quran yang dikatakan kedua terbesar di dunia yang terletak di Putrajaya. Saya kira ini ialah satu usaha yang cukup baik, cuma pusat percetakan ini, kita harap bukan sahaja menjadi pusat percetakan tetapi diiringi sebagai pusat pengisian pengajian ilmu-ilmu Islam dan juga ilmu al-Quran ini sendiri.

Saya ingin mencadangkan supaya kalau boleh kerajaan sebagai contohnya, melalui Tabung Haji merangka atau membuat perancangan untuk menubuhkan sebuah universiti al-Quran di Malaysia ini ataupun disebut 'Universiti Tabung Haji' pun tidak apa, kalau Tabung Haji yang mana universiti ini menjadi pusat pengajian ilmu-ilmu agama dan juga ilmu-ilmu Islam. Jadi dengan kata lain, jangan sahaja kita buat pusat percetakan sebegitu hebat tetapi isi al-Quran itu tidak kita manfaatkan. Pepatah Arab ada mengatakan bahawa... [*Berucap dalam bahasa Arab*] "*Ilmu dalam dada, bukan dalam kitab*".

Jadi atas sebab itu, saya ingin mencadangkan perkara ini dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi perkara yang saya sendiri agak kehairanan. Saya juga bercakap dengan beberapa orang kawan, sahabat-sahabat di sebelah sana juga hairan kenapa dalam Bajet 2015 Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri tidak langsung menyentuh mengenai agenda perang terhadap rasuah yang mana rasuah ini dianggap sebagai musuh utama negara, antara musuh utama di negara kita. Saya mengharapkan ketiadaan penegasan ini oleh pihak kerajaan tidaklah membawa makna bahawa kerajaan tidak serius dalam perkara menangani isu rasuah ini dan ia juga tidak membawa makna seolah-olah kerajaan akan membiarkan atau menunjukkan

kecenderungan bahawa kerajaan membiarkan tindakan kesalahan-kesalahan, kelemahan, ketirisan yang berlaku sebelum ini diulangi lagi dalam tahun kewangan 2015.

Kita semua tahu bahawa perbuatan rasuah telah dikenal pasti sebagai salah satu sebab utama yang membantutkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, meningkatkan kos pentadbiran dan juga urus niaga, menidakkan rakyat daripada mendapat perkhidmatan yang sewajarnya, menghilangkan minat dan mendorong kepada ketidakstabilan negara dan juga politik dalam negara tersebut. Oleh sebab itu, kita lihat banyak negara yang mereka ini walaupun kaya, mempunyai pelbagai sumber dan kekayaan, mereka terus tenggelam dalam kemelut kemunduran dan kemiskinan atau paling tidak gagal mencapai potensi optimum. Semuanya gara-gara atau angkara membudayakan perbuatan rasuah di negara mereka.

Transparensi internasional dalam pernyataan matlamatnya, menyebut *corruption undermine good governance fundamentally distort public policy, leads to the misallocation of resources and particularly hurts the poor*. Ini jelas menunjukkan bahawa betapa dahsyatnya *corruption* ataupun rasuah ini dalam sesebuah negara. Sesungguhnya, keberkesanan sesebuah dasar dan perancangan sesebuah kerajaan dalam mencapai tujuan penggubalan dan pelaksanaannya selain daripada faktor kecekapan, ia sangat bergantung kepada komitmen dan kepatuhan para pelaksana dan para pegawai serta masyarakat awam kepada dasar-dasar itu sendiri, undang-undang dan peraturan yang menaunginya matlamat dan harapan serta jangkaan umum yang mendukungnya.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli psikologi dan kriminologi mengkategorikan rasuah ini adalah satu perbuatan jenayah yang didorong oleh dua faktor. Pertamanya faktor keperluan, yang keduanya faktor keinginan. Lazimnya perbuatan rasuah keperluan melibatkan golongan terdesak yang mereka ini melakukan kesalahan itu kerana kesempitan hidup atau keterpaksaan kerana kesempitan hidup. Berlaku dalam skala kecil, kerap dan sering berlaku secara terbuka dan mudah untuk dikesan. Dalam bahasa biasa orang sebut, ini peringkat 'ikan bilis'.

Rasuah jenis ini daripada pandangan sudut ilmu tradisi Islam atau diktum yang terkenal dalam tradisi Islam yang berbunyi 'kefakiran menghampiri kekufuran'... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Kemiskinan itu boleh membawa seseorang kepada kekufuran dan ia merupakan satu penyakit sosial yang terhasil daripada ketidakadilan dan ketempangan dalam pengagihan sumber-sumber kekayaan negara.

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja dalam perniagaan, bukan sahaja dalam urusan kerajaan, urusan sukan pun ada rasuah. Banyak rasuah. Yang Berhormat Ketereh bersama saya dan mungkin Yang Berhormat Jerlun, kami cukup arif dalam bola sepak ini. Tidak boleh hendak selesai sehingga sekarang ini sejak dahulu. Sekarang ini FAM menubuhkan Jawatankuasa Integriti yang dianggotai juga oleh pegawai-pegawai kanan SPRM. Tidak selesai juga itu masalah bola. Kalau kita tengok dalam akhbar hari ini, saya terbaca akhbar *The Star* pagi tadi, dalam badminton pun ada rasuah juga, ada *match fixing*. Lee Chong Wei mengatakan bahawa beliau telah didekati oleh *bookie-bookie* untuk membuat ataupun menentukan keputusan pertandingan badminton...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Kota Bharu, boleh saya menceleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengerang Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Adinda.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Kota Bharu, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Kota Bharu. Jadi di sini Yang Berhormat Kota Bharu bila bercakap tentang rasuah dalam bidang sukan, siapa yang perlu kita salahkan? Kita hendak salahkan dia punya jurulatih kah, *manager* kah ataupun presiden persatuan tersebut? Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Semua orang perlu dipersoalkan persoalan ini termasuk bekas Menteri Sukan [*Ketawa*] Rasuah ini adalah satu perkara yang cukup kronik, cukup unik dalam masyarakat kita. Malahan saya terbaca dalam satu artikel, dalam bidang agama pun ada rasuah, dia hendak agama sendiri. Cara macam mana saya tidak dapat hendak *elaborate* di sinilah.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, ini rasuah peringkat pertama, peringkat kecil-kecilan. Ada kumpulan yang kedua iaitu rasuah keinginan. Ahli-ahli sosiologi mengatakan orang yang melakukan rasuah keinginan ini lazimnya melibatkan kelompok atasan dan berjawatan tinggi. Biasanya disebut 'ikan jerung'. Tadi 'ikan bilis', ini 'ikan jerung'. Kelompok ini didorong oleh sifat tamak yang ditandai oleh keinginan untuk hidup mewah dan megah berbanding dengan kategori yang pertama, perbuatan rasuah kategori ini adalah jauh lebih tersembunyi, lebih sukar untuk dikesan selain daripada melibatkan skala dan impak yang lebih besar.

#### ■1200

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan di sini bahawa kerajaan kita sangat perlu memberikan penekanan kepada aspek memerangi rasuah yang dikesan yang diakui menjadi musuh utama negara yang boleh menjahanamkan negara ini. Kita berbangga, kita rasa bertuah dalam negara kita, agensi-agensi yang telah diwujudkan untuk pencegahan rasuah ini telah memberikan satu komitmen yang cukup tinggi dalam tugas dan peranan serta kuasa mereka iaitu SPRM. Saya menyatakan rasa kebanggaan dengan perkembangan agensi pencegahan rasuah ini. Dari segi fungsi kuasa mahupun nama mereka berkembang daripada Biro Siasatan Negara, Biro Pencegahan Rasuah, dan sekarang ini Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Mereka mempunyai pelbagai akta, yang terakhir sekali Akta SPRM 2009.

Namun demikian, secara realitinya kita terpaksa mengakui kita belum boleh berpuas hati lagi ataupun merasa cukup dengan pencapaian SPRM kita setakat ini untuk memerangi rasuah. Sebagai contohnya, ukuran pencapaian mereka ini kita boleh ukur daripada sejauh mana segala penemuan, syor-syor dapatan atau *finding* Laporan Ketua Audit Negara setiap tahun mengenai ketirisan dan kelemahan pengurusan kewangan negara disiasat oleh mereka. Sejauh manakah hasil mereka, ada pendakwaan ataupun tidak dan yang lebih penting lagi menjelaskan persepsi awam terhadap langkah kerajaan dan keseriusan kerajaan untuk menangani masalah ini. Laporan Ketua Audit Negara 2013 contohnya, mengandungi 230 syor.

55 syor kepada Kerajaan Persekutuan, 31 kepada Badan Berkanun Persekutuan, dan 144 syor kepada kerajaan-kerajaan negeri. Malahan ekoran daripada teguran Laporan Ketua Audit Negara ini juga, kerajaan, saya difahamkan telah menubuhkan jawatankuasa khas

dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan juga *Attorney General* sebagai mekanisme kawalan agar isu-isu yang dibangkitkan tidak berulang. Kita mahu tahu, Dewan ini perlu diberitahu apakah terma rujukan? Apakah bidang kuasa jawatankuasa ini dan yang lebih penting, apakah hasil daripada penubuhan jawatankuasa ini? Kita mohon kerajaan memberi penjelasan dalam perkara ini.

Satu lagi aspek rasuah yang cukup penting ialah *Corruption Perception Index* atau *CPI index's*. Persepsi rasuah yang menjadi ukuran sama ada negara kita ini bebas atau tidak dengan amalan rasuah. Petunjuk rasuah melalui CPI tahun 2013, Malaysia sebagaimana kita maklum berada di *ranking* yang ke-54 daripada 176 buah negara. Kita berada di belakang negara Rwanda dan Botswana. Tahun 2012, kita *ranking* ke-60. Tahun 2013, *ranking* ke-54.

Walaupun *ranking* ke-54, saya kira satu perkembangan yang baik telah ditunjukkan ini dan kita wajar memberi sedikit kredit kepada SPRM. Satu lagi, Laporan *Asia-Pacific Fraud Survey* yang telah dibuat oleh Firma Ernst&Young, yang baru sahaja bertarikh Oktober 2014 menyatakan negara kita sebagai negara paling rasuah di rantau Asia Pasifik di belakang daripada negara China.

Saya berpendapat kedua-dua petunjuk di atas ini ialah satu petunjuk yang tidak boleh kita banggakan, yang perlu diletakkan kerunsingan kepada kita betapa parahnya sakit yang sedang kita hadapi sekarang ini tentang rasuah di dalam negara kita. Satu kajian lagi dibuat menunjukkan sekiranya kadar konservatif 15% diunjurkan sebagai nilai bagi semua kejadian ketirisan dan rasuah yang berlaku dalam pentadbiran dan pengurusan kerajaan kita, maka dianggarkan sejumlah RM18 bilion sehingga RM20 bilion boleh dijimatkan daripada anggaran perbelanjaan negara jika sekiranya rasuah boleh diatasi.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua, mengenai mahkamah rasuah. Sebanyak 14 buah Mahkamah Khas Rasuah telah ditubuhkan untuk mengadili kes-kes rasuah di peringkat Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, dan kadar sabitan atau *conviction rate* telah dilaporkan dalam kes rasuah ini adalah 80% lebih. Ini juga satu perkara yang boleh dibanggakan dan satu pencapaian.

Satu lagi perkara yang saya hendak sebut, ini perkara yang mungkin agak sensitif tetapi benda ini realiti. Rasuah dalam pilihan raya. Amalan rasuah dalam pelaksanaan sistem pilihan raya di negara kita tidak boleh dinafikan walaupun dalam pengendalian ataupun kehendak pilihan raya di negara kita, kita mempunyai undang-undang iaitu Akta Kesalahan Pilihan raya tetapi masih lagi kabur di dalam masyarakat kita apakah yang menjadi kesalahan rasuah dalam pilihan raya dan ada tafsiran mengatakan pemberian-pemberian tertentu berbentuk projek, berbentuk janji dan sebagainya bukan merupakan rasuah dalam pilihan raya. Jadi untuk menjelaskan kekaburan ini, saya harap kerajaan dapat memberikan satu tafsiran yang jelas mengenai kandungan Akta Kesalahan Pilihan raya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, saya yang juga merupakan orang yang diamanahkan menduduki Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah mewakili parti saya bersama dengan Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Indera Mahkota, dan juga bersama dengan Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Kuala Selangor. Kami berada dalam Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, kami

bertanggungjawab memberi nasihat dan pandangan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada hari ini saya ingin menyatakan bahawa beberapa cadangan kita yang walaupun pada asalnya telah diterima baik tetapi nampaknya tidak dapat dilaksanakan lagi oleh kerajaan.

Pertamanya, cadangan supaya pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dibuat mengikut perlembagaan seperti mana pelantikan hakim, pelantikan Peguam Negara dan pelantikan Ketua Audit Negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 Februari 2012, dalam satu kenyataannya menyatakan bahawa, saya bacakan, "*Dato' Sri Mohd. Najib berkata, kerajaan sedang mengkaji cadangan untuk menjadikan status jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM sebagai sebuah jawatan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan sebagaimana pelantikan jawatan Peguam Negara, Ketua Audit Negara, dan para hakim*" Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ada mengemukakan soalan yang sama dalam persidangan ini dan telah diberikan jawapan bertulis oleh pihak kerajaan yang mengatakan bahawa kerajaan masih lagi mengkaji cadangan ini kerana kerajaan bimbang untuk meminda perlembagaan kerana mungkin tidak cukup sokongan dua per tiga majoriti.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa oleh kerana kami yang mewakili pembangkang juga berada dalam jawatankuasa ini membawa aspirasi dan juga cita-cita parti-parti kami. Kami ini menyatakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa mereka akan mendapat dua per tiga majoriti jika sekiranya pindaan itu dibuat. Begitu juga penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM perlu pindaan, kemudian pindaan Akta SPRM 2009 yang saya yakin akan mendapat kerjasama dan juga sokongan daripada pihak pembangkang di sebelah sini.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung mengatakan bahawa Bajet 2015 selaras dengan ayat *al-Quran* yang saya bacakan tadi perlu dilaksanakan oleh kerajaan dengan adil dan dengan ihsan atau dengan perkataan lain, *down to earth* untuk kepentingan rakyat. Elakkan kepentingan politik yang berlebihan dan sesuatu yang mempunyai kepentingan-kepentingan yang lain. Atas dasar itu, saya menyokong bajet ini bersyarat ia dilaksanakan secara adil dan berihisan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Johor Bahru.

**12.09 tgh.**

**Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** *My turn*, minta maaf. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat 'Johor Bahru' dalam ucapannya yang...

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Eh, Yang Berhormat Kota Bharu dalam ucapannya yang ada menyatakan kesan daripada jawatankuasa yang dianggotai oleh semua parti di dalam Parlimen tertumpu kepada - yang ini khas kepada soal rasuah dan bagaimana perjalanan baik oleh pihak SPRM. Saya menyambut baik juga bahawa jawatankuasa ini sudah pun bersetuju tentang syor-syor untuk dikemukakan secara bersama dan bersedia untuk memberi sokongan daripada semua Ahli Parlimen kepada pindaan-pindaan yang diperlukan dan dicadangkan oleh pihak jawatankuasa.



## ■1210

Yang Berhormat daripada Kota Bharu juga ada menyatakan tentang denggi. Saya punya fahaman dulu Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa denggi ini terkena kepada mereka yang duduk di rumah sebab nyamuk aedes ini biasanya di rumah. Jadi adakah Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Ketereh lebih di rumah semasa terkena denggi itu?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Minta laluan. Ini saya tidak sempat beritahu tadi. Itulah saya sebut di Kelantan contohnya saya dan Yang Berhormat Ketereh, katil di hospital tidak cukup untuk pesakit denggi. Pesakit denggi ini diarahkan balik ke rumah. Jadi kami sebagai wakil rakyat ini pergi melawat pesakit ini, rakyat kita di rumah mungkin pada masa itu nyamuk aedes itu menyerang, bukan duduk di rumah.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tahniahlah, saya pun rasa bagus juga kerana kita wakil-wakil rakyat pun harus mewakili rakyat. Jadi kalau hanya rakyat sahaja yang kena denggi, kita wakil rakyat tidak kena pun, tidak berapa adil juga. *Insya-Allah* dengan segala petua yang saya dapat daripada Yang Berhormat Kota Bharu dan juga daripada Yang Berhormat Ketereh, saya akan dapat mengelakkan daripada denggi. Akan tetapi saya difahamkan bahawa antara sebabnya denggi ini berlaku Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ialah kerana terlalu banyak sangat projek-projek pembinaan dan amalan-amalan dalam pembinaan di negara kita kurang diawasi oleh pihak-pihak yang tertentu dan yang bertanggungjawab. Ini kerana kalau amalan-amalan yang menentukan kawasan itu bersih, tidak ada dibuang bungkusan merata-rata, ia boleh mengurangkan saya percaya, mengurangkan wabak denggi ini.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa dalam perbahasan yang kita lakukan sepanjang seminggu ini mengenai dengan Bajet 2015. Satu yang banyak disebutkan ialah tentang soal jurang perbezaan yang ketara dalam pemilikan harta di antara lapisan masyarakat negara ini iaitu di antara orang kaya dan lapisan bawah atau pertengahan dan ini telah menarik minat. Sebenarnya perkara ini telah menarik minat ahli-ahli ekonomi berikutan dengan buku *Capital in the 21st Century* oleh Piketty dan juga di negara kita buku yang disebutkan juga oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, *The Color of Inequality* oleh Dr. Muhammed Abdul Khalid.

Kedua-dua buku ini menarik minat semua pihak saya rasa dan bukan sahaja pihak di kerajaan atau pihak penyokong kerajaan atau pihak pembangkang, tetapi semua pihak dan juga di luar daripada Dewan ini. Seinggakan saya terbaca antara *Twitter* yang disampaikan sebelum adanya pembentangan Bajet 2015, bahawa adanya seorang yang telah menyatakan bahawa dia sanggup bertaruh bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan akan juga merujuk kepada buku-buku ini dalam ucapan belanjawannya tetapinya ia tidak berlaku. Akan tetapi yang saya sebutkan ini ialah sebagai menunjukkan bagaimana kedua-dua buku ini telah meninggalkan kesan yang begitu meluas. Tentunya kita semua juga berminat kepada perkara-perkara yang ditimbulkan dalam buku ini kerana kita mahu melihat keberkesanan dasar-dasar awam terhadap soal jurang perbezaan di antara rakyat sesebuah negara.

Buku *The Color of Inequality* menjadi rujukan bagi ramai Ahli-ahli Parlimen kita. Malah kedua-dua buku ini disebut sepintas lalu dalam bajet alternatif atau bajet bayangan oleh Pakatan Rakyat. Bila saya mengikuti perbahasan ini bahawa walaupun ia tertumpu pada soal

jurang perbezaan dan jurang di antara pegangan harta dan aset, yang pokok dalam buku Dr. Mohd. Umpamanya, ia rujuk kepada perumahan dan juga kepada aset kewangan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu. Ia tidak sebut tentang soal pemilikan kereta, tetapi dalam antara pembahas yang menyatakan tentang aspek kereta ini menjadi satu aspek yang penting.

Saya rasa itu pun tepat kerana di dalam manifesto Barisan Nasional bagi PRU Ke-13 ada menyebut, ada memberi janji bahawa harga kereta ini akan diturunkan berperingkat-peringkat dalam kadar 20%, 30% sehingga menjelang pilihan raya yang akan datang dan juga untuk menambah daya saing kereta nasional. Itu memang menjadi antara jaminan di dalam manifesto Barisan Nasional. Jadi walaupun ia tidak disebut di dalam buku Piketty ataupun buku Dr. Muhammed, saya rasa tidak salahlah Ahli Yang Berhormat begitu tertumpu pada soal harga kereta.

Saya pun buat sedikit penyelidikan. Antaranya saya tanya kepada '*uncle Google*' iaitu sentiasa menjadi rujukan kita yang terdedah kepada kemudahan di dalam mencari maklumat. Saya juga bertanya kepada pihak MITI ataupun pihak *Automotive Institute* (MAI) kerana merekalah yang bertanggungjawab bagi dasar automotif negara. Saya mendapat sedikit penerangan ataupun maklumat yang agak menarik.

Umpamanya bila saya lihat kepada harga Perodua Myvi dan saya bandingkan harga Perodua Myvi ini di UK dan di Malaysia kerana jenisnya, modelnya agak sama iaitu SE EZi Auto 1.3 liter. Harga di UK mengikut apa yang saya semak melalui *Google* ialah 9,399 *pound* bersamaan dengan RM48,789. Di Malaysia dengan apa yang saya semak kepada harga yang diberikan kepada saya oleh *website*, laman web daripada pengeluar. Jenis yang sama, automatik EZi SE 1.3, harganya pula di Malaysia ialah RM48,436. Maknanya harga Perodua Myvi ini mahal sikit, mahalnya RM353 di antara Malaysia dan UK.

Jadi gambaran kita kadang-kadang ialah bahawa kita kerana terpengaruh dengan cerita Proton. Sebaliknya Proton apa yang saya lihat memang ada perbezaan. Proton yang jenis model Proton yang dijual di UK tidak sama banyak seperti mana yang dijual di Malaysia. Ada sebabnyalah, mungkin dasar pemasarannya. Di UK hanya dijual Satria Neo, dijual Gen 2, jual Savvy tetapi di Malaysia yang ada ialah Satria Neo, yang Savvy dan Gen 2 ini pun sudah tidak ada. Memang betul bagi Proton, harga Proton di UK ialah lebih kurang RM10,000 murah daripada apa yang dijual di Malaysia. Kenapa sebabnya, saya pun tidak tahu. Akan tetapi bila saya buat penyelidikan pula kepada kereta yang kecil seperti Honda Jazz. Honda Jazz di Malaysia harganya dulu, harga keluarannya ialah RM89,900 dan hari ini harga Jazz itu sudah turun sebanyak RM15,100 dengan harga RM74,800 iaitu 17% turunnya harga.

#### ■1220

Jadi, saya hendak tengok juga Honda Jazz ini dia temberang kita atau ini hanya hendak menyesuaikan dengan keadaan atau pun benar-benar penurunan harga kerana ia dipasang di sini dan sudah mengikuti dan menepati dengan dasar kerajaan dan ia telah dapat dijual dengan harga sebanyak RM74,800 iaitu pengurangan harga daripada RM89,900 sebanyak 17%.

Jadi, saya *check* pula di UK. Harga Honda Jazz di UK tetapi di UK Honda Jazz ialah enjinnya ialah 1.4 liter. Di Malaysia ialah 1.5 liter. Maknanya, enjin kecil sedikit di UK. Harga 1.4

Auto yang murah sedikit, *specnya* rendah sedikit ialah RM88,738 apabila ditukarkan daripada 17,095 Pound Sterling. Harga Honda Jazz di Malaysia yang tertinggi *specnya* iaitu 1.5 V ialah sebanyak RM85,314.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, bahawa pemasaran negara dan penentuan harga kereta-kereta di negara kita ini juga telah menepati apa yang bukanlah adanya sedikit manipulasinya kerana Honda Jazz yang 1.5 liter dengan *spec* yang tertinggi RM85,314 berbanding dengan Honda Jazz yang terendah *spec* di UK RM88,738. *Spec* tertinggi bagi Honda Jazz di UK iaitu 1.4 I-Vtec Ex harganya sampai RM93,902.

Jadi, ini menunjukkan keadaan yang saya lihat mungkin menunjukkan hasil daripada apa yang telah dijanjikan oleh Barisan Nasional dalam manifestonya dan untuk meredakan permintaan supaya harga kereta direndahkan. Jadi, kalau saya tengok pula kepada Volkswagen. Volkswagen ini pun satu yang kita harus berminat kerana ini antara kereta yang dibawa masuk sekarang ini dengan begitu banyak pilihan yang ada daripada jenis enjinnya, jenis modelnya dan sebagainya. Kalau dilihat kepada jenis yang dijual di Malaysia bagi Polo, ini kereta yang kecil. Kita tidak ambillah kereta yang besar-besar. Kita ambil kereta yang kecil. Polo di UK hanya dijual antara 1.2 liter atau pun 1.4 liter. Malaysia Polo ada yang dijual CKD 1.6 liter.

Jadi, harga di Malaysia ialah RM88,628 bagi yang CKD. Polo 1.4 TSI, ACT 19,085 Pound Sterling nilainya sama RM100,106. Jadi maknanya, perbezaan harga yang berlaku bukan memihak sangat kepada UK tetapi lebih menepati dasar membawa mengikut dasar dan strategi yang dibuat oleh pemerintah membawa kepada satu keadaan di mana harga-harga kereta yang CKD telah menurun dan lebih murah daripada kereta-kereta yang dijual di UK yang tidak dipasang di sana. Malahan kerana dasar mereka tidak melihat kepada soal untuk menggalakkan pemasangan, hanya menggalakkan kepada pengimportan bahawa ia membawa keadaan yang agak tidak puas hati.

Ini jawapan saya dan pemerhatian saya kepada permintaan supaya kenalah Barisan Nasional ini memberikan tumpuan kepada harga-harga kereta seperti mana yang dijanjikan. Saya rasa juga harus kita sebagai Ahli-ahli Parlimen memahami bahawa dasar-dasar kerajaan dan strategi-strategi kerajaan membawa kita kepada satu keadaan di mana yang menjadi penting bagi sesetengah pihak soal kenderaan, ya kerajaan telah dapat menepati. Jadi, saya hendak mengucapkan tahniah dari segi dasar pelaksanaan Dasar Automotif Nasional yang telah membawa kepada keadaan ini.

Antara lain perkara yang telah dibawa dalam Manifesto Barisan Nasional yang saya begitu tertarik dengan Bajet 2015 ini kerana menepati secara konsisten apa yang telah dijanjikan. Kita tidak bertukar-tukar apabila sudah sampai Bajet 2015, terlupa pasal manifesto kita 2016, kita buat benda yang baru ataupun lupa pula apa yang kita laksanakan. Maknanya, kita tidak *reactive* atau pun *reactionary* pada keadaan tetapi kita *react* kepada keadaan tetapi berasaskan kepada apa yang konsisten. Oleh sebab itu saya ucapkan tahniah kepada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana tepat, masih tepat kepada janji yang ada dalam manifesto PRU Ke-13.

Saya hendak memberi perhatian sedikit dalam ucapan saya ini kepada dasar percukaian. Minat saya kepada percukaian ini ialah kerana kita selalunya melihat bajet ini

kepada soal berapa wang peruntukan yang boleh kita dapat. Jadi, saya tertarik dengan apa yang dicadangkan dan apa yang bakal dilaksanakan dalam tahun 2015. Daripada pihak kerajaan, kita lihat bahawa cadangan yang dibawa ialah GST akan menggantikan SST. RPGT tetap akan berjalan selama lima tahun bagi pembelian dalam masa selepas pembelian lima tahun akan adanya kadar-kadar percukaian yang dikenakan kepada hartanah ataupun *property* dan percukaian peribadi, percukaian korporat turut juga melihat penurunan dari segi kadarnya.

Jadi, saya pula memikirkan bahawa kalau kita terima hujah-hujah yang ada di dalam buku Dr. Muhamad dan juga dalam buku Piketty yang menyatakan bahawa aspek yang harus kita beri perhatian hari ini bukan sahaja kerajaan tetapi masyarakat, pemikir kita, pihak akademik dan sebagainya ialah kepada soal jurang dalam pegangan harta. Dalam buku Dr. Mohamad pun beliau ada mencadangkan tiga aspek yang harus diberikan perhatian.

Malangnya kita kalau bercakap pasal buku Dr. Mohamad ini *the color of equality*, kita cakap penemuan-penemuannya. Akan tetapi antara penemuan-penemuannya juga ialah cadangan-cadangan yang telah dibawa oleh Dr. Mohamad dalam bukunya. Beliau membawa tiga aspek yang penting. Pertamanya, dikatakan harus melihat kepada *asset based policy* iaitu dasar yang berasaskan kepada aset. Kedua, soal penyusunan atau *restructuring* bagi dasar-dasar percukaian. Ketiga ialah dari segi *anti discrimination law* sama ada *equal opportunity* dan sebagainya.

Jadi, cadangan-cadangan inilah yang harus kita lihat berasaskan kepada penemuan-penemuan dan analisisnya. Bukan kita guna hanya penemuannya atau analisisnya dan berkata...

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** [*Bangun*]

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Yes.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru dan Tuan Yang di-Pertua. Adakah cadangan juga untuk digunakan dengan definisi kemiskinan kerana kita sekarang di satu paras kemiskinan dengan RM700 dan RM800. Manakala di Eropah, di negara-negara Barat mereka ambil 50% daripada *income median* itu. So, adakah ini salah satu cadangan yang akan dibawa? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Saya berminat dengan cadangan itu pasal saya rasa kita kena harus memikirkan juga bahawa definisi kemiskinan itu juga penting macam kalau kita mengambil hanya soal *average income* berbanding dengan *median income*. Tentunya ia menimbulkan berbagai soal pula tentang sama ada sah atau tidak sah.

#### ■1230

Akan tetapi apabila kita menggunakan *median income* itu, bermaknalah kalau ada 100 orang, *median income* itu yang ke-49 setengah. Orang yang paling tenggahlah. Katalah 100 orang, orang yang 50 itu, itulah pendapatannya yang menjadi *median income*. Jadi yang lain, atas dia merupakan pendapatan yang lebih daripada orang yang tengah sekali dan bawah dia ialah mereka yang kurang pendapatannya.

Konsep yang dibawa oleh negara-negara lain tentang soal pendapatan, saya rasa ini satu konsep yang kalau kita lihat kepada buku Piketty. Saya tengok buku Piketty ini kalau tebalnya lebih telah daripada buku Dr. Mohammed ini, saya ingat lima kali lagi tebal dan hendak baca pun, saya rasa kerut kepala jugalah pasal memang penuh dengan statistik. Akan tetapi dari segi pandangan orang yang biasa pada saya, soal kemiskinan ini ialah bahawa dalam soal perbezaan dalam kemiskinan, soal *median income* sama ada dari segi *income*, pendapatan ataupun dari segi aset, ia kalau di Eropah ini, kita sudah melihat bagaimana *French Revolution*, Revolusi Perancis itu sebenarnya berlaku kerana adanya perbezaan yang begitu ketara dari segi *life-style* atau gaya hidup mereka yang raja ini, monarki dengan rakyat biasa.

Jadi apabila dilakukan *French Revolution*, maka digulingkan Raja-Raja Perancis, dipotong kepala mereka dan selepas itu diadakan pembahagian harta yang agaknya adil mengikut prinsip *Liberté, Égalité dan Fraternité* kemudian agaknya, akhirnya Piketty punya kajian menunjukkan bertambah juga jurang perbezaan walaupun selepas ada revolusi untuk cuba mencapai kesamarataan dan kesaksamaan.

Saya belum lagi, saya rasa bahawa kita ini dari segi *median income*, bila kita gunakan *median income*, pendapatan median sebagai ukuran kemiskinan, ia menunjukkan kepada soal kemiskinan yang relatif. Maknanya kita tahu ada 50% yang ke atas kita dan 50% yang di bawah kita. Saya percaya bahawa kita akan bergerak ke arah itu. Hanya saya dalam masa ini membahaskan bajet, saya hendak cadangkan kepada kerajaan bahawa penyusunan semula percukaian ini harus juga ditimbang oleh kerajaan walaupun ia kita baru bermula dengan soal GST. Kita baru bermula tahun depan kita baru bermula dengan GST, kita harus mengambil kira pandangan dan teguran daripada Dr. Muhammed umpamanya. Dia kata GST bagus. Kita ada *exemption*, ada pengecualian bagi barang-barang keperluan seperti mana dilakukan di Australia, macam mana dilakukan dalam negara-negara yang lain yang sudah lama memperkenalkan GST. Kita tak ambil contoh, Singapura umpamanya yang dikenakan satu *rate*, satu kadar yang sama sahaja 7%, 7% semua tak ada pengecualian. Oleh sebab itu orang Singapura datang ke Johor Bahru beli makan, minum semua pasal lebih murah, kerana kita mengambil contoh yang terbaik, *the best practices* yang ada pada negara-negara yang sudah lama memperkenalkan GST.

Saya mencadangkan juga bahawa harus kerajaan memikirkan bagaimana kadar GST itu boleh diubah mengikut kelas dan kategori barangan iaitu mengikut kalau adanya barangan mewah umpamanya, janganlah dikenakan 6% sahaja. Akan tetapi fikirkan macam mana boleh dikenakan juga percukaian kadar yang lebih tinggi sedikit. Kalau terlalu tinggi, mungkin nanti orang kaya, maha kaya, orang *super rich* ini dia beli dekat negara-negara lain yang mana mereka boleh menuntut pemulangan VAT dan GST yang dikenakan.

Oleh sebab itu saya rasa bahawa kerajaan harus fleksibel dalam soal GST ini. Jangan kata, oh, kadar ini 6% tetapi kalau setahun selepas dilaksanakan, fikirkan boleh tak, dan timbangkan boleh tak membuatkan GST ini dengan kadar yang berbeza bagi kategori barang-barang yang tertentu.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Oh, Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencelah sedikit, mungkin hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Johor Bahru bahawa tadi saya amat tertarik dengan pandangan bahawa GST ini satu cukai yang ada asas, selepas itu bersifat progresif dan ada tentu ukurannya kemudian untuk kita *refinement*, dengan izin, supaya dia boleh menepati kepada keperluan rakyat dan juga mencapai, mengoptimumkan cukai itu sendiri. Jadi adakah ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru dan kalau ini benar, saya amat menyokonglah. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya berharap bahawa kita tak melihat apa-apa sistem percukaian itu dalam konteks yang tak boleh berubah. Maknanya kita harus juga menggunakan, mengambil iktibar daripada keadaan di mana kita hendakkan supaya yang kaya umpamanya, cara gaya hidup mereka dapat juga membawa kepada percukaian hasil kerajaan yang lebih dan dalam keadaan ini tentunya ada barang-barang yang boleh diisytiharkan sebagai barang mewah. Jadi bagi barang mewah, ia boleh dikenakan kadar yang lebih tinggi. Ini saya punya pandanganlah. Maknanya kalau kita ini biasa main golf macam Tuan Yang di-Pertua, kita bukan sahaja ada 36, kita ada sistem 36 *modify*. Jadi GST pun *modified* jugalah [Ketawa]

Begitu juga dengan RPGT. RPGT merupakan percukaian... [Disampuk] Sistem percukaian yang tertumpu pada soal keuntungan yang dalam sektor hartanah. Ini memang tepat. Ini patut dikenakan kerana di antara harta yang ada ialah sama ada harta kewangan ataupun harta hartanah. Bagi rakyat Malaysia dan rakyat Asia terutamanya, memanglah hartanah atau rumah itu menjadi satu yang perlu kita galakkan dan tambah lagi kita memang melihat bahawa adanya galakan kepada pegangan hartanah. Saya teringat ada Yang Berhormat Hulu Langat, eh, Kuala Langat? Ya, Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani [Kuala Langat]:** Oh, dahsyat!

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Apabila Yang Berhormat Kuala Langat ini ketawa, saya teringat bahawa antara mereka yang mendapat manfaat dari dasar kerajaan dan strategi kerajaan untuk membangunkan kawasan setinggan di Desa Pandan, di Kampung Pandan antaranya adalah Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Langat. Rumah dibeli dengan harga RM25,000.

**Tuan Abdullah Sani [Kuala Langat]:** [Bangun]

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Rumah tiga bilik yang pertama dalam negara ini.

**Tuan Abdullah Sani [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Johor Bahru.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tetapi harga rumahnya sekarang, sila Yang Berhormat Kuala Langat beritahu berapa harganya sekarang?

**Tuan Abdullah Sani [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Abdullah Sani [Kuala Langat]:** Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih bagi penduduk Desa Pandan keseluruhannya yang dibangunkan ketika itu oleh Menteri Muda Johor Bahru tampil dengan kekuatan arkiteknya dan saya ikut dia ketika itu. Waktu itu saya muda, saya ikut dia, saya lagi muda daripada dia. Dan ketika ikut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tahun berapa Yang Berhormat, tahun berapa?

**Tuan Abdullah Sani [Kuala Langat]:** Tahun 1985 Tuan Yang di-Pertua. Ho, dahsyat! Jadi saya ingin merakamkan bagi pihak sebab sebelum itu saya Pengerusi penduduk Desa Pandan. Ho, dahsyat, Blok E Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hargai, saya ucapkan ribuan terima kasih dan kata itu benar, harga rumah itu ialah RM25,000, sekarang ini sudah meningkat kepada harga RM135,000.

**Beberapa Ahli:** Oh!

**Tuan Abdullah Sani [Kuala Langat]:** Jadi, ini adalah idea yang dibuat oleh Yang Berhormat Johor Bahru. Kalaulah Yang Berhormat Johor Bahru diterus sambungkan kewibawaan menjadi Menteri Penuh Wilayah Persekutuan, saya cukup yakin, tempat lagi banyak boleh dibangunkan [*Tepuk*] Wah! Dia seorang sahaja, yang lain tak ada. Dia seorang [*Ketawa*] Jadi, saya hargai itu. Dia seorang sahaja, ini bukan mewakili kerajaan, tidak. Mewakili personaliti kepimpinan beliau yang terserlah dan telah dibuktikan wibawanya. Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru, Ho, dahsyat! [*Ketawa*]

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Yang Berhormat Kuala Langat ini terlupa, sebenarnya projek itu dilancarkan oleh Perdana Menteri ketika itu, bukan hanya Johor Bahru.

**Tuan Abdullah Sani [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan *such statement* itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Abdullah Sani [Kuala Langat]:** Didesak, dipadatkan dengan idea-ideal yang membantu untuk dibangunkan, barulah ketika itu Perdana Menteri mengumumkan projek ini perlu dijalan seliakan. Sebelum itu dicadang oleh Menteri anak muda ini. Saya tahu, dia jangan tukar-tukar fakta. Kalau dia buat, cakap dia buat. Dicapangkan kepada Kabinet dan setuju. Habis cerita. Sudah Yang Berhormat Johor Bahru, itu fakta, habis. Jangan cerita lagi. Terima kasih.

■1240

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Ini yang kadang-kadang sudut pandangan ini, dulu dia setuju tetapi semenjak dia beralih ke sana, dia tidak setuju. Akan tetapi saya ucap tahniahlah, dia mengaku kebaikan yang pernah dilaksanakan oleh pemerintah. [*Tepuk*] Akan tetapi memang dari segi sudut pemilikan hartanah, *property* merupakan satu perkara yang penting sebab itu saya lihat bahawa kalau kita hendak menyesuaikan percukaian, satu sistem percukaian yang efisien. Kalau kita lihat kepada pasaran saham umpamanya ya. Pasaran saham yang dicadangkan ialah kita ada *capital gain tax*, saya tengok dari segi pemegang akaun CDS, hanyalah 2.4 juta rakyat

Malaysia berbanding kalau kita hendak tahu, hendak merasakan keadaannya. Berbanding dengan 14 perpuluhan berapa juta dari segi penyimpan dalam KWSP.

Maknanya ianya jumlah yang agak kecil dan kalau kita kata ini cara kita hendak dikenakan kepada maha kaya. Saya tidak fikirlah Robert Kuok, Ananda Krishnan, Tan Sri Syed Mokhtar ke yang terlibat, yang membuang masa ataupun terlibat dalam soal berdagang, jual beli dalam saham. Mereka jual beli syarikat ataupun mereka menjadi kaya kerana mereka menyimpan dan melabur dan bukan kerana mereka berdagang sebagai *day traders* di dalam soal pasaran saham. Jadi, dari segi sudut itu saya rasa lebih baik kalau kita katakan kita fokus kepada RPGT kerana dari segi pemilikan harta rumah ini, hartanah ini memang ianya satu yang memang berlaku di negara kita dan buat masa ini kita lihat bahawa dia dikenakan pada lima tahun dan selepas itu tidak kena apa-apa.

Saya hendak minta kalau boleh, mencadangkan kepada kerajaan supaya RPGT ini kalau selepas lima tahun terus juga dikenakan percukaian kepada keuntungan. Maknanya kalau ada terlibatnya keuntungan, diteruskan lepas enam tahun, tujuh tahun dan seterusnya supaya kita lihat bahawa dalam adanya peningkatan dari segi nilai rumah dan nilai tanah dalam negara kita bahawa kerajaan dan rakyat mendapat faedah daripada perubahan itu. Jadi, ini antara yang boleh kita lakukan, RPGT yang *modified* juga bersamaan dengan GST yang *modified*.

Cukai baru yang saya hendak cadangkan kepada kerajaan bukan mungkin pada masa ini tetapi untuk masa yang akan datang. Melihat kepada masalah dan kebimbangan, kekusaran kita dengan melihat kepada perbezaan dan jurang perbezaan dalam pegangan harta, aset berbanding dalam negara kita dan juga bukan di negara-negara lain. Mungkin kita fikirkan, kerajaan harus fikirkan cukai kemewahan iaitu *wealth tax*. *Wealth tax* ini sedang pun dilaksanakan di beberapa negara Barat. Netherlands umpamanya, kita hendak isytihar sebagai seorang rakyat, kita kena isytiharkan juga bukan saja pendapatan kita yang dikenakan cukai kerana itu akan dipotong terus menerus oleh majikan kita tetapi kita kena isytiharkan sebagai rakyat Netherlands, mengisytiharkan juga aset kita dan itu kita akan terkena juga cukai berasaskan kepada kekayaan atau kemewahan kita atau aset kita.

Cukai ke atas aset ini bukan saja di Netherlands, di Norway pun begitu. Di Norway lagi satu keadaan yang begitu pelik. Kita dengarlah pujian-pujian terhadap *sovereign fund*, *oil fund* Norway yang sudah sampai 1 trilion, bagaimana begitu baiknya kerajaan Norway tetapi sebenarnya dalam negara itu yang 5 *million* penduduknya, harga kereta mahal. Dia tidak buat kereta sendiri. semuanya import, harga Volvo buatan negara jiran pun mahal. *Average cost* kereta RM170,000. Harga minyak RM7.78 satu liter dan sebab itu kita lihat bahawa mereka sebenarnya tidak galakkan kepada pemilikan kereta. Bahawa kereta ini jangan kita menjadi satu fobia kepada orang Norway.

Jadi sebab itu, banyaklah yang boleh disimpan untuk masa depan. Kalau kita melaksanakan cukai kemewahan, *wealth tax* di mana kita fikirkan ini sebenarnya bersesuaian dengan Islam di mana zakat harta. Setiap tahun kita kena buat kira-kira kita, berapa aset kita yang tersimpan dan tidak digunakan dan membayar 2.5%. Ini maknanya konsep sudah ada dalam Islam, zakat harta itu digunakan dalam negara barat seperti Norway seperti Netherlands dan apa salahnya kita juga memikirkan pada tahun 2016, inilah cara-caranya



untuk kita menambahkan hasil kerajaan. Akan tetapi saya bersetuju juga dengan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Kota Bharu bahawa bukan saja soal duit. Hasil betul, kita sudah ada sistemnya. Kita ada sistem untuk memantau. Kita ada PAC yang agresif. Kita ada PAC yang proaktif. Kita ada jawatankuasa bersama untuk melihat kepada soal pelaksanaan kerja oleh SPRM. Kita kena juga lihat bahawa bagaimana perbelanjaan itu dilaksanakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Pohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mohon mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Johor Bahru tentang golongan maha kaya ini yang sering menjadi *target* ataupun sasaran, dengan izin, *the flavour of the month* oleh pihak pembangkang, seolah-olah mereka ini tidak membayar cukai. Pada pendapat saya bahawa golongan maha kaya ini mungkin juga merupakan rakan-rakan ataupun kroni-kroni mereka.

Jadi, saya hendak menyatakan sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru, seorang Islam yang kaya mungkin dia sudah bayar zakat tetapi mungkin dia membayar *income tax* ataupun cukai pendapatan yang kecil. Tidak bermakna ia tidak membayar cukai. Jadi, permainan istilah yang telah digunakan oleh pihak pembangkang ternyata menuju kepada golongan maha kaya iaitu kumpulan sasaran ketika ini. Apa pendapat Yang Berhormat Johor Bahru.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Johor Bahru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Mersing bangun Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Tambah sedikit apa Yang Berhormat Kuala Kangsar cakap tadi. Miskin dan kaya ini adalah fitrah. Kalau semua orang kaya, dia pun tidak tahu dia kaya. Kalau semua orang miskin, yang miskin pun tidak tahu dia miskin. Orang kaya tahu dia kaya kerana ada orang miskin. Sudah tentu fitrah ini saling perlu memerlukan di antara satu sama lain. Apakah Yang Berhormat Johor Bahru bersetuju bahawa bila pembangkang memerintah, tidak ada lagi orang kaya. Semua orang miskin sebab dia hendak hentam semua orang maha kaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Saya akan gulung. Saya ada sedikit saja lagi Tuan Yang di-Pertua. Komen-komen itu saya rasa memanglah soal *flavour of the month*, itu betul. Kalau benda itu tidak ada *traction*, tidak ada sambutan, maknanya bukan saja *flavour of the month*, dia jadi *flavour of the day*, jadi tidak berapa dapat sambutan. Jadi jangan kita bimbang kerana saya memang, saya pun sudah jadi kaya. Saya cerita, ini cerita, minta maaf minta masa sedikit saya hendak ceritakan kepada Yang Berhormat kepada Yang Berhormat Seputeh bagaimana saya jadi kaya kerana saya beli rumah pada tahun 1986 dengan harga RM400,000 tetapi tanpa sebarang usaha yang dilakukan oleh saya rumah itu naik nilainya jadi RM3 juta.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, adakah adil bagi kita tidak bersyukur dan berterima kasih bahawa nilai rumah yang sama, yang saya beli pada harga RM400,000 dengan pinjaman daripada kerajaan, campur pinjaman daripada bank, berjimat cermat. Akhirnya dalam masa 20 tahun nilainya berganda.

■1250

Bukan kerana saya... *[Disampuk]* Ha! Sepatutnya bayar zakatlah kalau saya tidak duduk dalam rumah itu, betul tidak? Jadi prinsip percukaian harta atau kemewahan ini boleh kita laksanakan. Kalaupun saya buat ada dua tiga biji rumah dan semuanya *appreciate* inilah sebenarnya generasi kita memakan atau dapat menikmati surplus tambahan yang datangnya dari dasar dan strategi kerajaan, dari segi negara kita membangun. Akan tetapi ia membawa kepada ketidakadilan kerana generasi anak kita pula.

Mereka pula tidak boleh mendapat rumah seperti mana Yang Berhormat Kuala Langat dapat. Rumah RM35,000 disubsidikan jadi RM25,000 dan hari ini bernilai dia kata RM125,000 saya ingat lebih daripada itu. Jadi bagaimana pula dengan generasi akan datang. Inilah saya ingat tanggungjawab kita melihat bagaimana dalam zaman pihak yang akan datang ini pula anak-anak kita yang duduk di atas ini mereka juga boleh menikmati hidup yang sama sempurna kepada kita, ini tanggungjawab kita.

Oleh sebab itu saya rasa saya hendak balik semula kepada apa yang saya hujahkan dalam penggulungan saya ini bahawa bukan sahaja soal peruntukan yang kita harus lihat. Kita tengok kepada cara perbelanjaan dan kadang-kadang perbelanjaan pun tidak payah hendak ditambah kalau kita ubah cara kita bekerja. Contoh kita ada sistem membiayai pendidikan khas bagi golongan orang pekak. Ini kumpulan yang saya dekati. Saya hendak ceritakan di Johor Bahru di mana seorang pekak Jepun datang melawat Johor Bahru berjumpa dengan pekak Johor Bahru mereka boleh berinteraksi bersama kerana mereka gunakan bahasa isyarat. Seorang berfikir cara Jepun, seorang fikir cara Melayu tetapi boleh interaksi.

Bagi yang Jepun pekak hendak tengok sekolah orang pekak bagaimana dia ajar budak-budak pekak. Dia orang pergi cikgu yang mengajar orang pekak ini tanya kepada pekak Johor Bahru, "*Orang ini datang daripada mana?*" Dengan bahasa isyaratnya. Jadi orang pekak Johor Bahru kata, "*Datangnya daripada ini*"... *[Menunjukkan bahasa isyarat tangan]* Guru yang mengajar orang pekak ini tidak faham. Jadi terpaksa dieja Jepun. Jadi bila cikgu itu dengar Jepun bahasa isyarat yang dia guna cikgu gunakan... *[Membuat isyarat tangan]* Ha begini dia kata. Jepun tengok bahasa isyarat iaitu tandakan X dengan jari yang kecil ini, marah orang Jepun itu. Jadi bila dia tanya ini mengapa? Ini lambang bagi askar-askar Jepun masa Perang Dunia Kedua.

*Moral of the story* Tuan Yang di-Pertua, guru kita yang mengajar anak-anak kita ini kenalah mengikut keadaan dan perubahan masa termasuk yang mengajar anak-anak orang pekak atau anak-anak pekak. Janganlah masih bergantung kepada simbol atau isyarat yang digunakan selepas Perang Dunia Kedua. Sedangkan Jepun dari segi dia punya bahasa isyaratnya ialah mengikut bentuk pulau panjang begitu. Jadi kalau Malaysia begini... *[Membuat isyarat tangan]* Supaya cikgu yang mengajar ini mesti faham.

Jadi maknanya pendekatan saya ialah kata peruntukan semua cukup hanya cara kerja kita. Bagaimana kita bekerja barulah boleh kita mendapatkan *outcome*, kekesanan yang tepat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** [Bangun]

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Ini fasal orang pekakkah apa, fasal orang Jepun?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Yang Berhormat Johor Bahru mengutarakan berkenaan dengan perbelanjaan. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Johor Bahru sebab saya baru terbaca satu kenyataan yang baru dikeluarkan oleh Yang Berhormat Gua Musang. Minta kerajaan untuk mengkaji semula *Financial Procedure Act 1957* kerana ini memberikan kuasa mutlak kepada Menteri Kewangan untuk menganugerahkan projek secara *direct nego* dan tidak ada *open tender*. Ini menyebabkan banyak perbelanjaan kita ada kebocoran, ada rasuah.

Jadi saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Johor Bahru bersetuju dengan Yang Berhormat Gua Musang supaya kerajaan sepatutnya melihat bagaimana untuk menutup lubang-lubang kebocoran dalam perbelanjaan negara kita. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih *insya-Allah* Yang Berhormat Gua Musang akan berucap dan ataupun akan mengadakan sidang mediannya. Akan tetapi penambahbaikan itu merupakan adat hidup kita. Kita tidakkanlah hendak berada di tokok yang lama seperti mana guru bahasa isyarat di Johor Bahru masih menggunakan bahasa isyarat daripada Perang Dunia Kedua.

Satu lagi cara contohnya Tuan Yang di-Pertua, kita kerajaan, kita ini bukan kementerian-kementerian atau pejabat-pejabat. Maknanya bila kita hendak lihat kepada keadaan sukan. Dalam soal hendak meningkatkan keadaan sukan yang asasnya ialah olahraga. Jadi, yang jadi masalah kalau kata Jabatan Belia dan Sukan di daerah dia hendak kena cari tanah, hendak buat balapan. Saya minta kepada Kementerian Belia dan Sukan kalau boleh tengok kepada sekolah, sekolah yang ada padang-padang yang kalau ada projek ada peruntukan untuk buat balapan tidak payah cari tanah kerajaan yang kosong, ambil dan guna padang sekolah-sekolah itu buat balapan sintetik taraf FIA di sekolah-sekolah yang sudah ada tanah.

Kita tidak boleh ada sikap katakan, "*Oh! Ini tanah harta Kementerian Pendidikan. Jabatan Pendidikan kata ini tanah aku jangan pakai*". Kita ini semua kerajaan dan rakyat itu sama jadi kita gunakan apa yang ada kepada kita. Jadi kita jimat soal pengambilan tanah, kita belanja hanya untuk meningkatkan, menambahbaikkkan kemudahan sukan. Jadi bila atletik sukan olahraga ini bertambah baik di peringkat sekolah, sukan pun sama juga bertambah baik. Jadi kalau Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada duit peruntukan hendak buat stadium dan sebagainya bagi duit tengok kepada sekolah-sekolah punya padang.

Ketiga, contoh ini yang mana antara sebab yang kita katakan apa yang disebut oleh Dr. Muhammed ini, *intervention* oleh kerajaan melalui kuota. Kita tengok FIT kuota yang dikeluarkan oleh SEDA dia bahagikan kepada syarikat-syarikat besar. Daripada orang yang pendapatan sederhana individu, Oh! Kita kena bersaing melalui internet. Tiga minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya ucap terima kasih kepada pihak Perdana Menteri dan juga kementerian yang berkenaan bersetuju dengan cadangan saya untuk memberi FIT kuota ini kepada komuniti.

Maknanya buat dekat masjid, boleh buat dekat surau, boleh buat di gereja. Supaya mereka dapat pulangan bulanan yang tetap selama 20 tahun bila mereka dapat FIT kuota boleh pasang solar. Tambah baik lagi galakan kepada koperasi-koperasi terutama di bandar-bandar untuk dapat juga kuota. Koperasi ini pun dapat menambah pulangan bagi ahli-ahli mereka. Mereka bukan orang korporat, 200 orang ahli orang kampung semuanya. Bagikan kuota FIT untuk solar bagi koperasi-koperasi. Permudahkan mereka. Ini caranya kita hendak tambah baik apa yang kita ada.

Keempat, seperti saya kata tadi hendak dapatkan kemudahan FIT bagi individu kena bersaing melalui internet. Hendak pergi temu duga Kastam masuk *online interview*. Hendak mohon sekarang *banking* hendak buat *online* tetapi kalau kemudahan *broadband* itu tidak diperluaskan terutama di kawasan-kawasan yang bukan dikatakan golongan mewah di pinggir-pinggir bandar. Kalau di Johor Bahru ini di Kampung Melayu Majidi, di Majidi Baru. Bila tanya dengan Telekom Malaysia bila hendak sampaikan UniFi. Dia kata tidak ada orang hendak beli. Saya kata, "*Eh! You tengoklah siapa yang ada Astro punya disk itu merekalah yang mampu untuk membeli atau memasang internet ke rumah-rumah mereka*". Akan tetapi inilah yang menjadi masalah bahawa mereka masih melihat kepada *profit* tetapi kita mempunyai dana yang ada dan dana itu harus digunakan bagi kemudahan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Inilah secara ringkasnya bahawa kita mempunyai bajet yang baik, pelaksanaannya boleh kita perhatikan dan pemikiran luar kotak harus kita terima untuk melaksanakan. Agar ia bajet yang sungguh berkesan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said] mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Gopeng.

**2.32 ptg.**

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2015.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh sabar. *Insyah-Allah* selepas Barisan Nasional, Yang Berhormat Seputeh.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih. Bajet 2015 ini merupakan bajet terakhir untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh. Ini merupakan bajet defisit berturut-turut selama 18 tahun sejak 1998 tidak kira pasang surut kedudukan ekonomi. Bajet 2015 menetapkan sasaran defisit 3% daripada KDNK dan ini tidak melalui pengurusan ekonomi yang cemerlang

ataupun melalui cara tongkat sihir. Kebetulan sasaran 3% defisit dicapai dengan kurangkan peruntukan perbelanjaan pembangunan.

Sebagai contoh, peratusan perbelanjaan pembangunan sebelum RMKe-10 pada tahun 2010 adalah 25% dari jumlah perbelanjaan. Manakala peratusan tersebut menurun kepada 17.5% pada tahun 2015. Andai kata nisbah 25% perbelanjaan dikekalkan sebagai perbelanjaan pembangunan maka defisit sebenarnya menghampiri 5% KDNK.

Semasa pelaksanaan RMKe-10, malangnya Dewan ini tidak berpeluang untuk mengkaji dan berbahas semasa pertengahan pelaksanaan RMKe-10 melalui kajian pertengahan penggal. Soalan saya adakah ini menjadi amalan normal yang baru di mana kerajaan tidak lagi memberi peluang di Dewan ini untuk mengkaji pertengahan Rancangan Malaysia Kesebelas dan seterusnya.

Kita lihat walaupun hasil cukai dan bukan cukai meningkat setiap tahun tetapi masih ada ruang untuk menambah baik kutipan hasil. Sebagai contoh anggaran cukai import tembakau 2014, pada bajet dianggarkan adalah RM130.8 juta. Selepas disemak cukai yang sebenarnya dikutip adalah RM17 juta sahaja. Di mana hilangnya RM114 juta? Apakah sebab dan tindakan kerajaan untuk mencegah kehilangan hasil tersebut dan juga dianggarkan tahun 2015 kutipan cukai juga kekal di kalangan RM17 juta sahaja.

Jadi dalam pelaksanaan RMKe-10, Kementerian Kesihatan telah mengemukakan pelan strategik 2011-2015 di mana Kementerian Kesihatan menegaskan komitmen untuk menjadikan sistem kesihatan sektor awam sebagai tunjang kepada sistem kesihatan negara ini. Realiti adalah sebaliknya. Sementara sektor swasta berkembang pesat dengan puluhan hospital swasta dan kemudahan yang baru, perbelanjaan pembangunan Kementerian Kesihatan menurun setiap tahun daripada RM2 bilion pada tahun 2011 kepada RM1.6 bilion pada tahun 2015.

Trend ini tidak seharusnya berterusan.

Menjamin sistem kesihatan sektor awam sebagai tunjang kepada sistem kesihatan adalah penting untuk memastikan akses yang menyeluruh untuk rakyat kepada perkhidmatan kesihatan yang cekap dan berkesan khususnya untuk golongan miskin dan golongan kelas menengah. Sistem kesihatan sektor awam adalah sistem yang paling *cost effective* kepada sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan.

Sebagai bukti, kalau kita lihat tahun 2013 walaupun perbelanjaan sektor awam ialah 52% dan sektor swasta adalah 48% daripada keseluruhan perbelanjaan kesihatan, pesakit dalam yang dirawat di sektor awam adalah 2.1 juta pesakit berbanding hospital swasta iaitu satu juta sahaja. Sektor awam merawat 43 juta kehadiran pesakit luar dibandingkan 3.9 juta untuk sektor swasta walaupun dengan perbelanjaan yang hampir sama.

Oleh sebab itu, membina sistem perkhidmatan kesihatan awam yang cekap dan bermutu adalah cara terbaik untuk mengurangkan kos keseluruhan walaupun menghadapi cabaran untuk mengawal kos. Jangan kita harapkan pihak swasta untuk mengambil alih tanggungjawab perkhidmatan kesihatan. Pengalaman yang sedia ada di Amerika Syarikat misalnya telah menunjukkan bahawa oleh kerana Amerika Syarikat menswastakan sistem perkhidmatan kesihatan, kos di Amerika Syarikat adalah yang paling tinggi sekali di dunia.

Perkhidmatan kesihatan bukan komoditi yang diniaga melalui prinsip ekonomi pasaran

bebas yang didominasi interaksi bekalan dan permintaan. Ini adalah kerana sekiranya ini berlaku sistem pasaran bebas akan menyebabkan bekalan perkhidmatan kesihatan diberikan kepada mereka yang mampu bayar dan tidak semestinya kepada mereka yang perlu. Memastikan setiap rakyat menikmati perkhidmatan kesihatan yang bermutu harus menjadi tanggungjawab kerajaan. Oleh sebab itu perbelanjaan pembangunan oleh Kementerian Kesihatan seharusnya meningkat dan bukan menurun.

Masalah-masalah yang sering dihadapi oleh pesakit adalah kelewatan untuk menerima rawatan kerana senarai menunggu, *waiting list* yang agak panjang dan lambat sama ada untuk konsultasi pakar, pembedahan ataupun ujian-ujian tertentu. Kementerian Kesihatan seharusnya menetapkan KPI ataupun piawaian pelanggan berkenaan dengan senarai menunggu untuk konsultasi pakar, pembedahan, X-ray ataupun ujian-ujian tertentu.

Sebagai contoh, senarai menunggu untuk konsultasi pakar tidak seharusnya melebihi dua minggu. Untuk *CT Scan* misalnya untuk pesakit dalam tidak sepatutnya melebihi 24 jam dan untuk pesakit luar satu minggu dan sebagainya. Sekiranya kita dapat KPI tersebut kita akan dapat memberi gambaran keperluan yang sebenar untuk Kementerian Kesihatan merancang yang seterusnya.

#### ■1440

Kita tahu masalah denggi menjadi masalah yang besar. Kini demam denggi seperti mana yang disebut pagi tadi untuk tahun ini telah melebihi 70,000 kes denggi setakat ini dan ini merupakan tiga kali ganda dibandingkan dengan tahun 2013. Pasti sehingga hujung tahun ini, kes denggi akan melebihi 100,000.

Saya ingin merujuk kepada Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2011-2015 untuk denggi di mana sasaran yang ditetapkan untuk kawalan denggi ialah kekurangan 5% setiap tahun dari 46,000 kes pada tahun 2010 sehingga 2015. Jelas sekali sasaran ini tidak akan tercapai dan usaha yang luar biasa harus dirancang untuk mengawal wabak ini. Dalam Belanjawan 2015, 55,000 *test kit* denggi akan dibekalkan kepada klinik swasta dengan harapan dapat mengesan demam denggi di peringkat awal. Walaupun tidak disebut apa *test kit* tersebut, saya harap ini merupakan *test kit* denggi NS1 Antigen di mana dapat mengesan jangkitan denggi dalam peringkat awal.

Akan tetapi kalau kita hendak mengawal penyebaran denggi ini, rangkaian penyebaran perlu disekat dari segi bukan setakat pengesanan awal tetapi juga tindakan seterusnya untuk *fogging* dan sebagainya juga ambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang membenarkan pembiakan denggi di premis mereka. Soalan saya, apakah peratusan yang dicapai untuk *fogging* dibuat dalam masa 24 jam notifikasi oleh kementerian? Ini kerana saya ada pengalaman di mana walaupun 48 jam selepas saya buat notifikasi kepada pegawai kesihatan, tidak ada tindakan walaupun telah di *notify*. Berapakah bilangan saman yang telah dikeluarkan kepada mereka yang didapati ada tempat pembiakan denggi?

Saya ingin beralih kepada satu isu berkenaan dengan alam sekitar dan nasib orang asal di kawasan Parlimen sebelum...

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Yang Berhormat Gopeng, sebelum beralih.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat Selayang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** ...Tentang denggi. Saya telah dimaklumkan oleh Jabatan Kesihatan di Selayang bahawa ubat yang digunakan untuk *fogging* langsung tidak berkesan untuk membunuh jentik-jentik dalam air. Ia hanya atas udara. Maknanya *fogging* itu tidak berkesan.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Sebenarnya, *fogging* itu memang untuk nyamuk dan bukan untuk jentik-jentik dan sepatutnya kalau *fogging* itu dibuat, patut diulangi mungkin tiga hari ataupun lima hari selepas *fogging* yang pertama untuk menjamin keberkesanan *fogging* tersebut.

Jadi saya ingin beralih kepada isu nasib orang asal di kawasan Parlimen Gopeng. Pada bulan Ogos yang lalu, saya telah terima aduan daripada orang asal dari Kampung Paung, Kampung Ceduk, Kampung Palas dan Kampung Sungai Penuh kerana satu cadangan projek pertanian dan agropelancongan di Mukim Sungai Raya, Daerah Kinta, seluas 300.75 ekar di Lot PT245072 dan Lot PT23157. Projek tersebut dalam proses pertimbangan untuk diberikan kepada satu syarikat bernama Obor Hasil Sdn. Bhd. melalui syarikat GLC Kerajaan Negeri Perak.

Kawasan tersebut merupakan kawasan tanah dan wilayah adat orang asal di mana 45 buah keluarga terlibat. Mereka bergantung kepada kawasan tersebut sebagai sumber hasil mereka seperti rotan, buluh, buah-buahan, dan juga sebagai kawasan kubur nenek moyang mereka. Kawasan tersebut juga merupakan hutan simpan di kawasan tinggi dan kawasan tadahan air yang merupakan sumber air dan kawasan pencegah banjir yang penting. Pembukaan kawasan tersebut juga akan mengubah ekologi hutan tersebut yang merupakan sebahagian daripada hutan di *Central Spine*.

Kebetulan hutan simpan tersebut merupakan *environmental sensitive area* tahap satu, dengan izin di bawah Dasar Fiskal Negara yang melarang sebarang pembangunan. Walaupun kelulusan belum diberikan, pihak pemaju telah membuka jalan dan mencero bohi kawasan tersebut. Laporan polis telah dibuat oleh penduduk di kampung berkenaan dan setakat ini tidak ada tindakan daripada pihak polis mahupun pihak alam sekitar ataupun JAKOA.

Saya menyeru supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengambil tindakan serta-merta untuk membela nasib orang asal dan memelihara alam sekitar di hutan simpan tersebut.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Jadual 7 di Anggaran Hasil 2015 berkenaan dengan peratusan peningkatan daripada GST. Kebetulan apa yang disebut dalam dokumen tersebut adalah salah. Kalau kita lihat hasil daripada GST untuk tahun 2014 adalah kosong dan hasil tahun 2015 dianggarkan sebanyak RM21.72 bilion. Peratusan meningkat diletak sebagai 100% peningkatan dan ini merupakan satu kesilapan matematik yang jelas. Saya pasti bahawa murid sekolah darjah enam pun tahu bahawa jawapan yang sebenar adalah infiniti kerana *denominator* adalah sifar. Jadi saya harap pegawai yang berkenaan akan membetulkan dokumen tersebut.

Saya juga pernah menghadapi aduan berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh pemandu lori. Walaupun kita laksanakan gaji minimum, akan tetapi kita lihat ramai di antara pemandu lori diupah sebagai pekerja kontrak walaupun dengan majikan yang tetap dan mereka kehilangan sumber pendapatan semasa lori rosak di bengkel dan tidak ada faedah

KWSP dan faedah PERKESO sepenuhnya. Saya harap Kementerian Sumber Manusia dapat meneliti perkara ini.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Yang Berhormat Gopeng, Hulu Langat, penjelasan sedikit. Adakah Yang Berhormat Gopeng sedar bahawa *driver* bas ekspres umpamanya katalah Mara Liner juga sama, dibayar kata satu trip RM50, kalau tidak ada *trip*, tidak adalah rezeki untuk *driver* itu. Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Saya pasti ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Saya akan gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hendak minta pencelahan kena minta izin daripada Speaker dahulu. Speaker sudah panggil baru boleh celahan. Sila. Boleh gulung.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya harap kementerian berkenaan dapat memerhati. Walaupun kita laksanakan gaji minimum tetapi masih ada pekerja-pekerja yang tidak menikmati faedah tersebut.

Akhir sekali, ingin saya bangkitkan soal insurans BR1M sebab saya dapati bahawa dalam Bajet 2015 tidak sebut langsung berkenaan dengan kedudukan insurans BR1M dan saya juga dapat aduan bahawa ramai di antara waris yang tidak menerima insurans BR1M walaupun RM50 telah diperuntukkan dalam pelaksanaan BR1M 2014. Jadi saya ingin bertanya apakah kedudukan setakat ini insurans BR1M ini? Adakah kita akan teruskan dan setakat mana kejayaan insurans BR1M ini? Sekian, saya mohon pertimbangan daripada pihak berkenaan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerantut bangun dahulu. Sila Yang Berhormat Jerantut. Yang Berhormat Seputeh boleh beri laluan kepada Yang Berhormat Gombak?

**2.49 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kerana telah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Gombak kena bincang dahulu, ya.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** ...Memberi peluang kepada saya untuk turut sama berbahas tentang peruntukan Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 10 Oktober yang lalu.

■1450

Keduanya, tahniah dan terima kasih juga untuk ke sekian kalinya, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berjaya membentangkan bajet yang komprehensif untuk kepentingan rakyat secara menyeluruh. Tumpuan perbahasan saya pada kali ini hanya kepada beberapa isu yang melibatkan kepentingan rakyat. Ia kalau melihat kepada Bajet 2015



yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang bertajuk 'Ekonomi Keperluan Rakyat'. Umum mengetahui sebanyak RM273.9 bilion telah dikemukakan berbanding dengan pada tahun 2014 sebanyak RM223.4 bilion, yakni mengalami pertambahan sebanyak RM9.8 bilion. Bajet tersebut telah pun menggariskan tujuh strategi utama yang saya hendak ulang kembali untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian:

- (i) Mengukuhkan pertumbuhan ekonomi;
- (ii) memantapkan tadbir urus fizikal;
- (iii) berupaya modal insan dan keusahawanan;
- (iv) memperkasa agenda bumiputera;
- (v) memartabatkan peranan wanita;
- (vi) membangun program transformasi belia negara; dan
- (vii) mensejahterakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita berupaya memahami, menghayati, melaksana dan menambah baik secara bersungguh-sungguh kepada bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, *insya*-Allah hasilnya akan terbaik dan rakyat juga akan sejahtera. Bukanlah seperti khayalan sebahagian daripada kita di sini dan mana pihak yang gagal mentafsir dengan pelbagai alasan dan istilah yang dipergunakan untuk memperlekehkan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberi perhatian kepada strategi pertama iaitu memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi. Kerajaan terus menyediakan ekosistem yang kondusif dan komprehensif bagi melonjakkan pelaburan domestik dan asing tanpa meminggirkan mana-mana negeri dalam Malaysia. Dari Johor, Sabah, Pahang, Kelantan, Selangor mahupun Pulau Pinang hingga ke Perlis walaupun sebahagian dari negeri-negeri terutama yang ditadbirkan bukan daripada Barisan Nasional. Umpamanya baru-baru ini, Yang Berhormat Bagan telah memutarbelitkan mengatakan Kerajaan Pusat mendiskriminasikan yakni pilih kasih dalam mempromosikan pelaburan di Pulau Pinang.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Saya melihat kepada beberapa kenyataan Yang Berhormat Menteri MITI sendiri telah menyatakan bagi tempoh tahun 2011 hingga September 2014...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Tunggulah, sebab saya hendak habis dahulu. Baru *start*, sudah hendak tanya. Tahun 2014, MIDA Pulau Pinang telah memudahkan lebih 200 lawatan daripada syarikat-syarikat asing. Inilah masalah pembangkang. Kita hendak terang, dia sudah tanya. Bila sudah begitu tidak faham, bila tidak faham mula putar belitkan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kita hendak jelaskan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jadi sekarang...

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Sabar dahulu, duduk. Duduk dahulu.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Kita hendak tanya sahaja.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Bukan ada takut berani. Ini dalam Dewan Parlimen, tidak ada masalah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Gentle* sedikit. Bila sudah tekan itu, bagilah peluang untuk jelaskan.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Bagi ruang.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tadi Yang Berhormat sudah buat dakwaan. Jadi saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Strategi yang pertama - Terima kasih kepada kerajaan kerana turut memberi peruntukan menaik taraf landasan kereta api Jerantut – Sungai Yu...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Isu pembangunan tadi.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** ...Dalam pakej keseluruhan yang bernilai RM150 juta.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta laluan isu pembangunan negeri tadi.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Sila, tetapi satu minit sahaja sebab saya ada masa yang singkat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila, sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Yang Berhormat Jerantut kata ada pembangunan yang adil di seluruh negara di semua negeri, tetapi daripada statistik yang saya dapat hendak bagi tunjuk di sini. KDNK per kapita Wilayah Persekutuan adalah RM80,000, tetapi KDNK 13 buah negeri lain di Malaysia hanya separuh daripada jumlah itu dan KDNK negeri seperti Kelantan, Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak semuanya kurang daripada RM20,000. Jadi macam mana kata ada pembangunan yang adil kepada seluruh Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cucu Mat Kilau. Sila.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih. Itulah pembangkang ini, dia mengajak rakyat membuat perbandingan yang tidak sama. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ibu negara, pusat pentadbiran kerajaan, pusat ekonomi. Apa yang paling pentingnya, Kerajaan Barisan Nasional bersedia mengagihkan berdasarkan kepada keadilan, berdasarkan kepada kedudukan negeri-negeri tanpa berhasrat meminggir dan memperlekehkan mana-mana negeri.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Di Sabah, Perlis, Sarawak, semuanya tidak pentinglah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, tidak boleh macam ini ya.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Ini bukan soal jawab. Saya tengok Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang bekas guru, saya tengok dalam Dewan kita ini kadang-kadang macam lebih teruk daripada tadika, dengan sikap kita. Patut masa perbahasan ini berilah peluang, dengar elok-elok, kemudian kita tanya.

Peruntukan RM2.7 bilion untuk meningkatkan keupayaan jalur lebar berkelajuan tinggi. Terima kasih kepada kerajaan sekali lagi, terutama untuk membina 1,000 pencawang baru.

Cuma harapan saya agar peningkatan jalur lebar ini dapat disebarluaskan kepada semua kawasan sekali lagi tanpa meminggirkan mana-mana, terutamanya di kawasan-kawasan yang jauh dari pusat pentadbiran seperti di Parlimen Jerantut, Kuala Krau, Kuala Lipis dan Raub serta di negeri Kelantan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Itulah bajet baru betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Batu bangun.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Jerantut, sedikit sahaja. Satu *line* sahaja.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Cukuplah dahulu, cukup.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tadi kata tidak ada diskriminasi. Sekarang saya pula keliru kata...

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Oleh sebab itu Yang Berhormat Batu, kena faham bersungguh-sungguh. Bajet ini bukan syumul, bukan sempurna. Mana yang betul kita perakui, mana yang tidak betul kita perbaiki. Bukan macam pembangkang, total tidak betul. Inilah sikap yang salah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Salah, kita tidak pernah. Minta pencelahan.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Duduk dahulu. Saya tidak bagi lagi. Inilah perangai pembangkang, macam mana.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta pencelahan, minta pencelahanlah itu.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Perangai yang macam ini kita hendak tunjukkan? Ikutlah peraturan. Kalau saya bagi, cakaplah. Jangan main menjerit-jerit.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Cakap main tuduh sahaja, mana boleh. Kita kena jelaskan juga, sudah tuduh itu. Minta pencelahan.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Tuan Yang di-Pertua, ada kawasan lagi yang masih belum diliputi sepenuhnya. Ada kawasan yang walaupun dekat dengan bandar masih belum dapat liputan. Tahun lepas kerajaan telah pun bina beberapa pencawang tetapi sehingga hari ini Tuan Yang di-Pertua, pencawang tinggal pencawang. Mudah-mudahan ia boleh diperbaiki.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerantut, Kuala Krau termasuk ya.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Saya sudah sebut tadi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Banyak tempat lagi.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terutamanya kawasan-kawasan tumpuan pelancongan seperti di Taman Negara. Taman Negara mengikut statistiknya lebih kurang 10,000 orang pelancong yang berdaftar, yang tidak berdaftar lebih daripada itu datang ke Taman Negara. Bila dalam keadaan waktu puncak, mereka tidak boleh menggunakan

talian telefon kerana sudah penuh. Jadi, ini mungkin memberikan imej yang kurang baik kepada negara kerana Taman Negara dihadiri oleh pelancong luar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerantut, kabel Telekom pun banyak kali kena curi.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Ya, jadi kita minta pihak yang terlibat perlu segera memperbaiki keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, RM316 juta telah pun diperuntukkan untuk merencanakan industri pelancongan negara. Tahniah dan terima kasih, kalau boleh tambah lagi. Industri ini perlu terus diperkasa kerana ia boleh mendatangkan hasil yang lumayan kepada negara. Mengambil contoh negara kecil seperti Sri Lanka yang mempunyai lebih pendapatan sebanyak RM2 bilion pada tahun sudah, hasil utamanya datang daripada pelancongan. Harapan agar peruntukan ini dapat juga diperluaskan kepada kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan walaupun jauh dari pusat pentadbiran seperti saya katakan tadi di kawasan Taman Negara Kuala Tahan yang mana kawasan ini merupakan antara keajaiban flora dan fauna yang telah berusia lebih daripada 130 juta tahun. Susah hendak dapat di tempat lain sama ada di Kuala Selangor pun susah hendak dapat. Di Kuala Langat pun susah hendak dapat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tanjong Karang pun susahkah, Tanjong Karang?

■1500

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Tanjong Karang banyak. Antara produk yang boleh dibangunkan, contohnya ikan kelah yang telah berjaya menarik ramai pelancong. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan agar kawasan-kawasan pertumbuhan baru pelancongan ini dapat ditambahbaikkan. Ia meliputi Gua Kota Gelangi di Jerantut, Gunung Senyum di Kuala Krau, kawasan Tuan Yang di-Pertua sendiri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** ...Serta Rimba Kenong di Kuala Lipis. Semuanya ini akan dapat menarik lebih ramai pelancong hadir ke kawasan ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Menyampuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Shah Alam tidak ada gunung, senyaplah. Strategi yang keenam iaitu mengupayakan modal insan dan keusahawanan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Rakyat di kawasan Gunung Senyum, dia pandai memilih wakil rakyat dia.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Ketawa]* Sebab dia senyum sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Modal insan ialah aset penting negara. Maju, mundur negara bergantung kepada nilai modal insan yang ada. Semakin tingginya modal insannya, maka semakin cepat negara itu bergerak ke arah kemajuan. Menyentuh tentang perkara ini, dalam tindakan ke-14 di bawah strategi yang keenam, saya

ingin menyentuh tentang pembangunan dan menyelenggarakan *facility* pendidikan, khusus kepada peruntukan sebanyak RM50 juta untuk SADK.

Harapan rakyat sangat tinggi apabila kerajaan melalui Kementerian Pendidikan mengambil alih sekolah agama bantuan kerajaan. Akan tetapi sayangnya sehingga ke hari ini masih lagi ada sekolah-sekolah yang tidak mempunyai keperluan yang lengkap terutama di bilik darjah dan juga di asrama. Suasana sekolah yang kurang kondusif, tidak cukup peralatan kerusi meja, serta almari dan katil di asrama. Mencontohnya boleh dilihat kepada sekolah agama bantuan kerajaan Kota Gelanggi 3 di Jerantut.

Harapannya agar dengan peruntukan ini dapat meyakinkan para ibu bapa dan rakyat seluruhnya bahawa Kementerian Pendidikan tidak pernah mengabaikan mana-mana status sekolah dalam melaksanakan tindakan atau pun tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah strategi yang keenam Pembangunan Program Transformasi Belia Negara yang berjumlah sebanyak RM320 juta. Tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana tidak melupakan agenda untuk pembangunan belia. Tuan Yang di-Pertua, maruah sukan negara sedikit tercalar apabila kegagalan atlet wusyu negara melepasi ujian *doping* di Korea Selatan baru-baru ini. Isu *doping* ini wajar diteliti dan diberi perhatian yang bersungguh-sungguh kerana ianya melibatkan imej negara.

Pada pandangan saya, kerajaan wajar membina sebuah Pusat Doping Negara yang dikendalikan oleh badan bebas. Mana-mana atlet yang hendak menyertai sukan mesti melalui ujian di pusat ini. Sekali gus ia akan menyelamatkan maruah negara dari segi penyalahgunaan dadah ini. Pencapaian keseluruhan atlet dalam bidang sukan juga tidak begitu menyerlah. Kita bertanya mengapa keadaan ini berlaku? Adakah kita kekurangan atlet atau bakat? Adakah kita kekurangan kemudahan atau pun adakah kita kekurangan pemimpin sukan yang benar-benar berkualiti untuk membangunkan sukan negara atau atlet kita kurang bersemangat?

Kemudahan sukan perlu diperluaskan sekali lagi termasuk semua tempat di seluruh negara. Tidak tertinggal kawasan Parlimen Jerantut. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Kementerian Belia, Jerantut baru sahaja dibina kompleks sukan mini tetapi sayangnya dalam kompleks ini tidak ada trak sintetik, tidak ada padang yang sesuai sedangkan kompleks baru dibuat. Saya mengharapkan agar Kementerian Belia tidak terlepas pandang dengan bajet kali ini dengan menyediakan kemudahan yang lengkap di kompleks sukan tersebut agar anak-anak Jerantut ini yang banyak bakat sukannya tidaklah terperanjat apabila melihat trak sintetik untuk mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Ini kerana buat masa ini mereka terpaksa berlari di atas rumput biasa sahaja.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Kasihan.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Gerakan sukan di peringkat akar umbi. Itulah Yang Berhormat Kuala Langat, kasihan, kasihan. Tempat lain mungkin lebih hebat. Kawasan Barisan Nasional sendiri pun ada lagi yang tertinggal.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Masuk dalam *Hansard*, masuk dalam *Hansard*.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Perkasakan pertubuhan belia.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, masuk dalam *Hansard*.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Hari ini Pertubuhan Belia agak lesu dan jika dibiarkan akan dibimbangi menjadi terus bisu. Pegawai-pegawai belia lebih berperanan di kalangan belia sendiri. Kalau tidak cukup pegawai, kita tambah pegawai atau tidak cukup kerja atau terlalu selesa. Bagi saya, Kementerian Belia perlu melihat semula peranan pegawai-pegawai belia di peringkat daerah bagi membantu memberi nafas baru kepada warga belia yang berada di peringkat akar umbi.

Biarlah kehadiran pejabat belia itu di setiap daerah dirasakan oleh para belia di peringkat akar umbi. Jangan biarkan mereka melakar program sendiri. Bimbinglah mereka, turunlah melihat mana-mana pertubuhan atau persatuan-persatuan belia di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, strategi yang ketujuh yang lebih penting bagi saya ialah mensejahterakan rakyat. Ada 20 subprogram atau pun subbidang di bawah strategi ini. Tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mendapat peruntukan berjumlah RM6 bilion. Tahniah juga kepada LKPP yang mendapat geran pepadanan sebanyak RM100 juta. Di bawah program ini mudah-mudahan ia dapat memperkukuhkan rangkaian bekalan negara. Semoga setiap warga, ahli LPP akan menggunakan peruntukan ini dengan sebaik mungkin. Buktikan bahawa warga peladang, petani dan penternak sentiasa bersama dengan kerajaan menjaga bekalan makanan negara tanpa rasa jemu-jemu.

Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Pertama kalinya dalam sejarah negara telah memberi peruntukan khusus sebanyak RM200 kepada nelayan darat. Cuma, bagi saya nelayan darat ini perlu ditambah baik dari segi pengurusannya. Kalau di peringkat nelayan laut, kita ada LKIM. Mengapa tidak nelayan darat ini diadakan satu badan yang hampir sama dengan LKIM agar pengeluaran hasil nelayan darat dapat dipertingkatkan dan juga kebajikan nelayan darat dapat dijaga oleh kerajaan.

Bantuan khas kepada pekebun kecil dan kelapa sawit yang telah pun menerima peruntukan *one-off* RM500 tetapi ianya belum menyeluruh di seluruh pelosok negara. Diharapkan pegawai-pegawai kerajaan perlu menyelesaikannya dengan kadar segera. Mohon juga kerajaan melaksanakan segera bantuan kawalan harga getah kerana pekebun-pekebun kecil getah Tuan Yang di-Pertua, telah merasa letih dengan kejatuhan harga getah sekarang ini. Jangan tunggu lama-lama, berilah segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak hidangan dua buah pantun untuk elak mengantuk kita. Dengar Yang Berhormat Kuala Langat. Dengar, dengar, dengar.

*Harga getah turun sudah lah lama;  
Pendapatan penoreh lentang pukang;  
Wahai kerajaan jangan tunggu lama-lama;  
Nanti rakyat dirasuk pembangkang.*

*Dirasuk pembangkang sudah pasti;  
Bikin rakyat bertambah keliru;  
Janji kerajaan tetap ditepati;  
Jadikan pembangkang bertambah haru biru.*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Tuan Yang di-Pertua, RM23.3 bilion disediakan untuk perkhidmatan dan kemudahan kesihatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Jerantut, dua rangkap kah tiga rangkap pantun? Beritahu tiga. Dua ya?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dua suku.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Empat rangkap pantun tetapi dua pantun Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Harga getah ini mesti ada harga lantai ya?

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Setuju?

#### ■1510

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Setuju. Paling setuju supaya harga getah saya banyak kali cagak harga getah perlu ada harga lantai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Letakkan pada anggaran kalau kata RM3, RM3. Kalau jatuh di bawah pada paras RM3, kerajaan kena tampung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Barulah petani merasa selesai. Kalau Yang Berhormat Shah Alam, dia tidak tahu nilai harga getah ini berapa, Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Tahniah kepada kerajaan. Terbukti lagi kerajaan meletakkan atau mendahulukan rakyat dalam semua perancangan. Walau bagaimanapun jangan ada lagi yang terlepas pandang, pusat-pusat kesihatan – dengarlah dulu jangan menjerit. Pusat-pusat kesihatan di luar bandar dan hospital-hospital kecil terutamanya seperti pusat kesihatan kecil di Kampung Bantal, Hulu Tembeling yang terpaksa menggunakan bot selama empat jam. Berikanlah kemudahan contohnya seperti bot laju untuk menghantar pesakit-pesakit di dalam waktu kecemasan. Kawasan-kawasan tumpuan pelancongan yang juga patut diberi perhatian terutamanya seperti Pusat Kesihatan Kecil Kuala Tahan, Taman Negara yang sangat perlu dipindah tempat baru kerana kawasannya tidak kondusif macam seperti kawasan setinggan.

Infrastruktur luar bandar yang bernilai RM4.5 bilion Tuan Yang di-Pertua, saya hendak fokus kepada RM352 juta pembangunan ekonomi, kemudahan infrastruktur dan menambah baik taraf hidup masyarakat Orang Asli. Penyusunan semula penempatan masyarakat Orang Asli perlu diambil kira terutama aspek ekonomi mereka. Jangan hanya kita menyediakan kawasan perumahan tanpa menyediakan kemudahan ekonomi mereka. Terutama sekiranya melibatkan projek-projek kerajaan seperti membina kawasan empangan baru, sekiranya penduduk Orang Asli ini kita pindahkan ke satu kawasan, maka amat wajar kementerian-kementerian yang berkaitan perlu membina jaringan ekonomi kepada mereka. Kita tidak meletakkan tugas ini semata-mata kepada TNB sebagai contoh. Akan tetapi TNB perlu

bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain agar keadaan ekonomi masyarakat Orang Asli dapat terus kita bantu.

Tuan Yang di-Pertua, RM9.1 bilion tentang Program Keselamatan dan Ketenteraman Awam bagi saya tiada sebarang kompromi dengan keselamatan dan ketenteraman awam. Walau apa cara sekalipun termasuk memperkemas dan memperkasakan mana-mana akta dan undang-undang termasuk Akta Hasutan sekalipun. Tahniah kepada kerajaan berhasrat membina 14 IPD baru dan balai polis baru. Harapan agar pembinaan ini sampai ke Parlimen Jerantut. IPD yang sedia ada telah pun dibina pada tahun 1976 yang tidak pernah mengalami pertambahan bangunan baru.

Kini Jerantut telah berkembang luas daripada sebuah daerah yang kecil telah pun berkembang. Untuk makluman, sidang Dewan sekalian daerah Jerantut telah mengambil kira keluasan menyamai Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis. Suasana balai polis yang tidak kondusif, bilik-bilik pegawai yang tidak selesa perlu dipertingkatkan. Lebih memalukan lagi apabila tahanan yang patut diletakkan lokap dalam Balai Polis Jerantut perlu pula dipindahkan atau menumpang di lokap balai polis dalam Daerah Maran. Ini sudah pasti menimbulkan pelbagai masalah lain.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Tuan Yang di-Pertua, apa hu Yang Berhormat Kuala Langat? Siapa?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Jangan perli itu gaya Speaker.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Bila sudah dengar, tidak hendak tanya pula. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Jerantut, tak baik Yang Berhormat Kuala Langat kaitkan Speaker.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dia Speaker itu namanya anak murid kepada tuan guru. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Ya, Yang Berhormat Batu nak tanya bangun. Ha, keluar pula. Kita hendak bagi tanya, senyap pula.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya saya amat yakin seperti mana yang saya katakan tadi bajet yang telah dibentangkan bukanlah suatu yang syumul. Ia boleh dibincangkan, boleh ditambahbaikkkan tetapi sampai ke peringkat penghinaan terhadap bajet tersebut ialah sesuatu yang memalukan. Ini kerana bajet tersebut dijalankan, dicadangkan, diperbincangkan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang sudah pasti sekian lama sentiasa berkhidmat untuk rakyat.

Apalah kita yang baru dipinjamkan menjadi wakil rakyat untuk terus memperlekeh, memperkata dan merendahkan martabat pegawai-pegawai yang selama ini sentiasa bersama dengan rakyat dan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak mencelah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerantut lupa hendak mengalu-alukan kawasan saya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila. Yang Berhormat Seputeh bagi laluan kepada Yang Berhormat Gombak. Sila Yang Berhormat Gombak. Yang Amat Berhormat, tahniah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Seputeh yang memberikan laluan kepada saya dan ini membuktikan betapa kukuhnya dan mantapnya Pakatan Rakyat pada hari ini. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, dengan kebenaran daripada Speaker.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada petang ini saya ingin mengingatkan bahawa Bank Dunia telah memperkenalkan konsep *Middle Income Trap* ini dalam penerbitannya dalam tahun 2007 yang bertajuk *An East Asian Renaissance*. Di mana perbincangan telah berlaku dengan rancak dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengangkat isu *Middle Income Trap* ini dalam beberapa ucapan di peringkat nasional.

Kajian ini yang dilakukan sempena 10 tahun kegawatan ekonomi Asia pada tahun 1997, menyebut bahawa Asia Timur kecuali Myanmar dan Korea Utara menuju rantau berpendapatan pertengahan atau *middle income*. Cuma perdebatan yang terkandung dalam laporan ini ialah apakah rantau ini mampu untuk terus maju menjadi rantau berpendapatan tinggi atau terus terperangkap dalam pendapatan pertengahan. Dalam tahun 1960, terdapat 101 negara di dunia yang berada di dalam taraf berpendapatan pertengahan. Namun, setelah hampir 50 tahun hanya 13 negara yang mampu buat lonjakan daripada pendapatan pertengahan kepada pendapatan tinggi.

Malaysia sendiri sebagai contoh telah memasuki kumpulan negara berpendapatan menengah rendah pada tahun 1969 dan memasuki peringkat pendapatan menengah tinggi dalam tahun 1996. Namun, sehingga hari ini masih kekal dalam kumpulan tersebut. Persoalannya ialah dalam kita mengolah belanjawan pada tahun 2015 ini, berapa lama lagikah Malaysia akan terus terperangkap dalam negara dalam taraf negara berpendapatan pertengahan. Sedangkan kalau kita melihat negara-negara jiran kita seperti Singapura sudah jauh melonjak ke dalam golongan negara berpendapatan tinggi.

Begitu juga kita lihat negara-negara yang suatu ketika dahulu jauh lebih miskin dari Malaysia seperti Taiwan dan Korea Selatan telah pun menjadi negara maju. Maka perbincangan hari ini ialah apakah Malaysia mampu keluar daripada perangkap ini dalam tahun 2020. Yang Berhormat Lenggong kalau hendak berbincang, sila ambil tempat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Lenggong masuk ke dalam Dewan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, masuk ke dalam Dewan dengar nasihat Speaker.

**Seorang Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau hendak jenguk-jenguk, penggal depan jangan bertanding lagi.

Meskipun kerajaan telah membentangkan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) semenjak tahun 2010, dengan tujuan untuk mencapai taraf negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Namun pelbagai petunjuk membuktikan bahawa pelan tersebut sebenarnya berdepan dengan masalah yang gelap. Kalau kita lihat PEMANDU yang telah menyenaraikan projek-projek yang dikenali sebagai *entry point projects*. Sebagai contoh dalam bidang petroleum dan gas, sebanyak 13 EPP tidak ada satu pun disenaraikan sedang beroperasi.

■1520

Sedangkan kita hanya tinggal lebih kurang enam tahun sebelum mencapai taraf negara berpendapatan tinggi seperti yang dimatlamatkan dalam ETP. Begitu juga dalam bidang perladangan kelapa sawit dan getah. PEMANDU menyenaraikan sembilan EPP, tidak ada satu pun status beroperasi. Dalam perkhidmatan kewangan, ada sepuluh *entry point projects*, namun sekali lagi tidak ada satu pun yang berstatus beroperasi. Kalau kita lihat dalam bidang pelancongan, ada satu projek yang telah mencapai matlamatnya tetapi malangnya dalam tiga bidang utama tadi, dalam bidang perkhidmatan kewangan, petroleum dan gas, begitu juga dengan perladangan, belum ada projek-projek yang telah disenaraikan sudah mencapai status beroperasi.

Maka persoalannya, sekiranya kita masih lagi belum mencapai tahap status beroperasi, bagaimana mungkin kita dapat mencapai dan melonjakkan taraf negara maju menjelang tahun 2020...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong bangun.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Kita hanya tinggal enam tahun.

**Seorang Ahli:** Dia baru masuk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran sekarang kita lihat masih lagi meneruskan projek-projek mega yang menelan belanja berbilion ringgit. Sedangkan, realitinya ialah 40% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar ialah sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Maka, langkah yang harus diambil ialah modenisasi sektor ini perlu dilihat dalam pendekatan inovasi dan ia salah satu daripada langkah strategik untuk kita keluar daripada perangkap pendapatan pertengahan. Akan tetapi, sekiranya pelaburan untuk R&D ataupun penyelidikan dan pembangunan ini tidak mencukupi, bagaimana kita mampu menjana peningkatan kemahiran, meningkatkan percambahan ilmu dan mempunyai keupayaan inovasi.

Belanjawan 2015 sebagai contoh, memperuntukkan hanya RM1.3 bilion buat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Sebaliknya, negara jiran kita Singapura memperuntukkan RM6 bilion setahun untuk penyelidikan dan pembangunan. Ekoran daripada dana penyelidikan dan pembangunan yang kecil telah menyebabkan pengusaha serta usahawan bersaing hanya daripada segi aspek kos dan juga harga. Mereka seharusnya menjurus kepada tambahan nilai dan produktiviti. Akibatnya para usahawan membawa masuk tenaga kerja yang murah dari luar negara. Justeru itu, industri tempatan tidak meningkat

kemajuannya dan pada ketika yang sama, banyak peluang pekerjaan dalam negara terlepas kepada pekerja-pekerja asing.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua ialah untuk mencapai matlamat menjadi negara maju, kita harus melihat kepada tahap pendidikan negara kita. Namun, apabila kita melihat laporan yang dikeluarkan oleh *Program for International Student Assessment (PISA)*, kajian tersebut mencatat purata pencapaian membaca pelajar Malaysia yang berumur 15 tahun adalah 398 mata sedangkan purata kebolehan membaca bagi negara-negara OECD adalah 496 mata. Kebolehan dalam matematik bagi pelajar Malaysia yang berumur 15 tahun adalah 421 mata sedangkan purata bagi negara-negara OECD adalah 494 mata. Sementara itu, dalam kecelikan sains bagi yang berumur 15 tahun, hanya sekadar 420 mata berbanding purata pencapaian sekitar 501 mata bagi negara-negara OECD.

Kita sekali lagi jauh tertinggal di belakang Singapura. Kalau kita lihat statistik ini, Singapura juga telah meninggalkan jauh ke depan negara-negara OECD apabila purata pencapaian dalam membaca bagi yang berumur 15 tahun di Singapura adalah 542 mata. Kebolehan matematik bagi yang berumur 15 tahun adalah 573 mata sementara itu dalam kecelikan sains bagi yang berumur 15 tahun adalah 551 mata. Satu lagi contoh Korea Selatan, mencatat pencapaian yang baik dengan purata pencapaian membaca bagi yang berumur 15 tahun adalah 536 mata, kebolehan dalam matematik adalah 554 mata dan kecelikan sains adalah 538 mata.

Taraf pendidikan tinggi negara juga melihat keadaan yang membimbangkan jika dibandingkan dengan negara-negara jiran. Menurut laporan Bank Dunia yang berjudul *China 2030: Building a Modern, Harmonious and Creative Society*. China kini mempunyai 22 buah universiti dalam senarai 500 terbaik dunia, bertambah dua kali ganda dari tahun 200. Korea Selatan mempunyai sembilan buah universiti yang tersenarai dalam 500 universiti terbaik di dunia, Taiwan mempunyai enam buah universiti, Hong Kong mempunyai enam buah universiti dan Singapura mempunyai dua buah universiti dalam senarai tersebut. Amat malang sekali bagi negara kita yang ingin mencapai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, yang hanya tinggal enam tahun dari sekarang...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak ada satu universiti pun yang tersenarai dalam 500 yang terbaik di dunia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gopeng bangun.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gombak. Tadi saya telah sebut berkenaan dengan angka dalam GST yang mana satu kesilapan matematik yang jelas. Bukan setakat itu, kalau kita lihat daripada segi prestasi ujian antarabangsa, kita kalah kepada negara-negara seperti Vietnam dan sebagainya. Daripada segi tahap universiti, kita tidak dapat dalam kalangan *top 200* tetapi daripada segi soalan bocor, kita nombor satu dunia. Betul atau tidak? *[Ketawa]* Setuju atau tidak Yang Berhormat Gombak?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Itu dalam kategori Malaysia Boleh. Soal-soal daripada segi kepincangan, ketirisan, penyelewengan, salah guna kuasa, soalan bocor, semua dikuasai oleh Malaysia. Inilah sebabnya - Yang Berhormat Tanjong Karang hendak bangunlah itu - Itu sebabnya saya menegaskan, bila kita merangka belanjawan ini, kita kena harus melihat prestasi negara-negara yang telah maju, yang telah meninggalkan kita. Kita harus mengambil sikap yang terbuka, apakah langkah yang boleh diambil dan saya percaya dengan perbincangan dalam bajet ini, kita boleh membuat pindaan dan fokus kepada perkara-perkara yang boleh mengangkat martabat negara kita ke tahap negara berpendapatan tinggi. Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang, sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Tahniahlah menjadi Menteri Besar di atas linangan air mata orang lain. *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Cemburukah? Janganlah cemburu.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Daripada... menjadi Menteri. *[Ketawa]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak sangka Yang Berhormat Tanjong Karang menangis. Yang Berhormat Tanjong Karang menangis hendak jadi Menteri Besar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** ...Hendak luahkan kah? Cemburu...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak cemburu, kasihan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam dengan Yang Berhormat Kapar ini, ikut peraturan ya. Sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Akan tetapi saya tidak hairan, Yang Berhormat Shah Alam memang perangai dia macam itu. Kalau ikut peraturan, saya terkejut tetapi kalau tidak ikut peraturan, perkara biasa. Itu Yang Berhormat Shah Alam. Jadi, kalau dia bangun minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua, saya pun terkejutlah. Macam mana perangai dia boleh berubah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi, saya kasihan, itu sahaja. Kasihan Presiden parti tidak dapat jadi. Sudah selepas itu kasihan pula kepada orang PAS itu sudah digelar brokerlah, barua lah. *[Dewan riuh]*

Soalannya beginilah. Saya dengar soalan, saya dengar ucapan Yang Berhormat Gombak, cukup baik dan jadi Menteri Besar pun baru sahaja. Saya ingat apa Yang Berhormat cakap itu satu perkara yang betul dan kaitan kemajuan Malaysia ini, kaitannya ialah Selangor. Selangor ini dia punya punca, yang memiliki *port*.

#### ■1530

Jadi ertinya apa Yang Berhormat cakap, saya sebagai orang Selangor sedang menunggu. Saya nak bagi tahu Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bila Yang Berhormat jadi Menteri Besar, pelaburan di negeri Selangor ini dah merudum. *[Dewan riuh]* Tak, ini saya nak tanya. Saya nak bagi tahu kepada Yang Berhormat Menteri Besar yang baru, saya nak bagi tahu bahawa ekonomi negeri Selangor ini dah merudum. Januari hingga Disember, Selangor ini pada tahun 2012, Selangor nombor satu pelaburan, 2013 dia jatuh

nombor dua. Hari ini setakat bulan Mei, Selangor sudah jatuh nombor lima daripada segi pelaburan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya, sebab itulah saya nak cakap. Sebenarnya apa Yang Berhormat cakap tadi, kalau bolehlah...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya cadang Yang Berhormat Tanjong Karang masuk pertandingan di DUN Selangor kemudian tanya dengan MB. Sini Parlimen.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Betullah. Bermakna dia kena buktikan cakap serupa bikin.

**Seorang Ahli:** Soalan DUN.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini bukan soalan DUN. Dia sebagai Menteri Besar, saya nak tanyalah. Jadi bermakna... *[Dewan riuh]* Saya tak nak kutuk, saya nak sokong. Betullah Yang Berhormat cakap. Saya seronok dengar Yang Berhormat punya ucapan majukan negara. Jadi saya sebagai orang Selangor, saya nak tunggulah. Kalau macam ini Yang Berhormat punya perancangan...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Selamat tinggal BN lah.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Kapar, saya nak bagi tahu, Manikavasagam Kuala Selangor akan bertanding Parlimen Kapar tahu? *You* kena jaga.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya sedia menunggu, tak ada hal.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Duduklah, duduk, duduk. *[Ketawa]*. Tak, yang kacau ini pasal apa?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Pantang dicabar.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tak, tapi Yang Berhormat Kuala Langat kalau dia ketawa besar kita faham sebab dia yang...

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Okey, masa saya tak ada dah.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okey, tak. Saya nak tanya. Jadi, saya nak tanya adakah Yang Berhormat sebagai apa Yang Berhormat cakap akan Yang Berhormat praktis kan di negeri Selangor, itu saya nak tanya. Universiti, saya nak tanya Yang Berhormat, mampukah Yang Berhormat nanti nak bercakap pasal universiti UNISEL? Itu milik kerajaan negeri. Saya sebagai orang negeri Selangor saya nak tengok sejauh mana dan bolehkah Yang Berhormat menaikkan taraf universiti ini sebagai universiti yang hebat. Jadi itu baru pemimpin yang betul. Pemimpin yang pandai bercakap dan mesti dilaksanakan di negeri Selangor.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya nak jawablah, Tuan Yang di-Pertua. Selangor ini kita selesai *Alhamdulillah* secara baik pelantikan Menteri Besar yang baru, tak ada siapa pun yang menangis. Yang menangis ini belah sana. *[Dewan riuh]* Itu yang pertama. Yang keduanya, saya menyambut baik. *Insyah-Allah*, ini satu tanggungjawab. Saya telah nyatakan tugas ini ialah satu tanggungjawab bukan satu keistimewaan yang akan saya galas dengan sebaik mungkin.

Beri peluang kepada saya untuk membentangkan Belanjawan 2015 Negeri Selangor *Insyah-Allah*, malahan saya akan tumpukan salah satu teras utama dalam belanjawan negeri Selangor ialah soal pendidikan. Itu saya beri jaminan. Jadi beri peluang kepada saya, baru tiga minggu. UMNO 50 tahun tak boleh buat apa-apa. [*Dewan riuh*]

Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** [*Bangun*]

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Eh dah, dah. Saya tak ada masa. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu untuk kita berhentikan kemerosotan sistem pendidikan di semua peringkat daripada rendah kepada tinggi, kita harus menyuntik satu reformasi pendidikan yang menyeluruh yang diperlukan yang melibatkan aspek kurikulum, latihan, taraf gaji dan mencerminkan kedudukan pendidikan sebagai sektor strategik negara. Itu amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan bahawa aspek pembinaan pemikiran ini serta pencerahan perlu ditekankan juga kepada pelajar. Apabila mereka meninggalkan alam remaja memasuki alam dewasa, kebebasan akademik amat perlu dipertahankan. Bagaimana pensyarah dan profesor boleh berfikir secara dinamik, meneroka idea-idea baru kalau mereka dibelenggu dengan pelbagai bentuk tekanan oleh pihak pemerintah. Kita harus ingat bahawa pelajar-pelajar universiti merupakan *the creed of the young generation*. Kita jangan layan mereka seperti burung belatuk melalui AUKU.

Jadikan mereka sebagai generasi pencerahan dengan slogan mungkin slogan baru yang boleh kita kongsi dengan Yang Berhormat Tanjong Karang iaitu '*sapere aude*'. Ha, ini bukan bahasa Jawa ini, '*sapere aude*' iaitu berani berfikir sendiri. Jangan kerana ditekan oleh ketua bahagian ataupun pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan 2015 ini tidak memperlihatkan kesungguhan Kerajaan Persekutuan untuk menangani masalah fiskal yang membebankan negara. Kalau kita lihat belanjawan kali ini tidak langsung bersifat pembangunan ataupun *non developmental*. 82% daripada jumlah belanjawan 2015 adalah untuk tujuan mengurus. Hanya 18% digunakan untuk tujuan pembangunan sedangkan belanjawan ini dicanang sebagai ekonomi keperluan rakyat. Tidak ada komitmen untuk mengawal ketirisan.

Terlalu banyak pembaziran dan juga *unsustainable economic activities*. Di negeri Selangor *insyiah-Allah* buat kali pertama kita akan memperkenalkan satu belanjawan yang akan mengurangkan belanja mengurus dan kita akan meningkatkan belanja pembangunan kerana pembangunan itulah yang akan menjana pertumbuhan aktiviti ekonomi dan memberi bantuan terus kepada rakyat. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2015, Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa inisiatif dan saya sedia maklum memang kerajaan bertanggungjawab untuk membina dan menaik taraf pelbagai infrastruktur untuk kesejahteraan rakyat dan meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan. Antaranya hampir RM50 bilion diperuntukkan untuk membina lebuhraya termasuk MRT jajaran kedua yang jajarannya juga sebahagian besar dalam negeri Selangor. Cuma yang saya nak tegaskan ialah apakah perancangan dan pelaksanaan projek-projek mega ini yang melibatkan kepentingan berjuta rakyat di Lembah Klang dan Selangor benar-benar dapat memberikan kesan dan manfaat kepada rakyat.

Ketika kerajaan bercadang untuk membina MRT fasa I yang bernilai RM25 bilion, alasan yang diberikan ialah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan meningkatkan kesedaran rakyat untuk mengambil inisiatif mengurangkan pengangkutan peribadi kepada penggunaan pengangkutan awam tetapi pada masa yang sama, kerajaan mencadangkan beberapa lebuh raya khususnya yang menimbulkan kontroversi baru-baru ini Lebuhraya KIDEX.

Apakah dengan pembinaan Lebuhraya KIDEX ini menjustifikasikan dakwaan bahawa kerajaan telah gagal dalam pembinaan MRT yang tujuannya untuk mengurangkan trafik dan sekarang ini terpaksa belanja dengan satu jumlah yang besar bagi tujuan yang sama. Sebab itu kita mencadangkan supaya sebarang bentuk pembangunan ini harus dilibatkan kerajaan negeri dalam perbincangan dan juga melibatkan rakyat secara langsung yang terlibat di tempat dan lokasi pembangunan tersebut.

Sebagai sebuah negara maju, kita bukan sahaja memikirkan soal pembangunan daripada segi aspek fizikal tetapi juga angka-angka ekonomi, aspek politik, pembinaan institusi, urus tadbir dan tata kelola yang baik dengan mengambil prinsip *value for money* dan memberikan manfaat kepada rakyat dan bukan kepada tauke dan pengusaha-pengusaha tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyentuh soal perkhidmatan bekalan air. Saya tidak menafikan keperluan untuk menerokai sumber air baru bagi menampung permintaan terhadap bekalan air yang semakin meningkat disebabkan oleh penambahan penduduk dan pembangunan ekonomi.

#### ■1540

Namun dalam menerokai pembangunan sumber air yang baru termasuk pelaksanaan dan pembangunan Projek Loji Rawatan Air Langat 2, ia hendaklah dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor kepentingan pengguna dan berasaskan prinsip *value for money* dan bukan sahaja daripada kos pembangunan fizikal tetapi juga hendaklah merangkumi kos operasi yang akan terlibat di masa yang akan datang. Inilah perkara pokok yang ditekankan kerana setiap kos yang dibelanjakan itu akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk tarif yang akan ditanggung oleh pengguna. Saya tidak mahu kejadian yang lazim berlaku di mana kos sesebuah pembangunan yang tidak terkawal dan akhirnya mengakibatkan kos operasi dan penyelenggaraan turut melambung tinggi dari tahun ke tahun dan akhirnya ianya terpaksa diterjemahkan kepada kos ke atas pengguna seperti pembinaan lebuh raya.

Kos sara hidup semakin meningkat tetapi pendapatan sebenar rakyat itu masih di takuk yang sama. Walaupun kita tahu air ialah keperluan asas bukan sahaja kepada manusia tetapi kepada haiwan, pertanian malah industri turut memerlukan bekalan air tetapi saya menyarankan agar Kerajaan Pusat memastikan supaya setiap kontraktor yang terlibat di dalam Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 hendaklah dilantik melalui sistem tender terbuka yang telus. [*Tepuk*] Bagi memastikan kontraktor yang dilantik itu kelak adalah kontraktor yang benar-benar mahir dan berpengetahuan. Ini adalah untuk memastikan setiap komponen projek yang disiapkan oleh kontraktor yang telah dilantik benar-benar boleh

beroperasi dengan baik tanpa memerlukan sebarang kos pembaikan sebaik sahaja projek itu diserahkan kepada operator.

Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor yang lalu telah bersetuju dengan pelaksanaan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2. Memandangkan apabila siapnya loji ini, bayaran harga air mentah akan dibayar oleh kerajaan negeri melalui perjanjian jual beli air mentah Pahang ke Selangor. Maka saya dengan tegas menyarankan supaya Kerajaan Negeri Selangor turut terlibat dan diberikan peranan dalam membuat keputusan berkenaan pelaksanaan projek ini. Ini kerana apa yang berlaku dalam pembinaan dan pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 fasa 1, Kerajaan Persekutuan langsung tidak membincangkan dengan kerajaan negeri mengenai spesifikasi teknikal Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 ini.

Sebaliknya hanya mengemukakan permohonan untuk membuat pengambilalihan tanah milik individu yang terletak di Hulu Langat dan permohonan untuk mendapatkan kebenaran merancang. Setelah kontraktor dilantik oleh Kerajaan Persekutuan, barulah Kerajaan Negeri Selangor mendapat peluang untuk meneliti spesifikasi teknikal Loji Rawatan Air Langat 2 bagi fasa pertama. Amat mengejutkan kerana spesifikasi yang dibuat untuk projek ini adalah berlebihan, *excessive* dan ini sudah tentunya akan melibatkan peningkatan kos pembangunan dan kos operasi dan juga kos penyelenggaraan.

Saya mendapat mesej daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menggulung. Saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa spesifikasi sistem proses yang dicadangkan untuk Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 ini akan melibatkan *dual media* yang menggunakan *granular activated carbon* ataupun GAC. Sebenarnya penggunaan sistem proses *dual media* yang menggunakan GAC ini adalah sesuai untuk sumber air yang tercemar yang mencapai tahap kelas empat iaitu pengelasan air yang terburuk. Maknanya teknologi yang diperlukan untuk merawat air yang paling tercemar kelas empat, baru kita gunakan teknologi ini. Persoalan yang hendak saya bawa di dalam Dewan ini ialah apakah air yang mengalir dari Sungai Semantan, Pahang dan dialirkan ke Selangor itu berada pada tahap kelas empat?

Kalau itulah berlaku, mengapa Kerajaan Persekutuan memilih sumber air yang berkenaan untuk disalurkan kepada negeri Selangor? Kalau tidak, mengapa Kerajaan Persekutuan menggunakan spesifikasi yang begitu tinggi yang menyebabkan bukan sahaja kos pembangunan untuk memenuhi kriteria teknologi itu tetapi ia akan melibatkan kos operasi bagi satu teknologi yang tinggi dan kos *maintenance* juga akan tinggi. Apabila kos pembangunan tinggi, kos operasi tinggi, kos penyelenggaraan tinggi, akhirnya kos ini akan diterjemahkan dalam bentuk tarif kepada pengguna di negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor dalam pentadbiran yang baru ini tidak akan mengizinkan perkara ini berlaku sebab itu kita mencadangkan supaya dalam jawatankuasa bersama itu kerajaan negeri mesti diberi kuasa eksekutif untuk meneliti proses tender ini dibuat secara telus dan terbuka.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua ialah tentang ...

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sedikit, pendek sahaja. Hendak dapat penjelasan dalam Dewan ini sebagai Menteri Besar baru. Jadi ertinya



sekiranya tidak dapat persetujuan, pertemuan seperti mana kehendak pihak negeri, adakah kemungkinan Projek Langat 2 ini akan tidak diteruskan?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jawapan saya senang, mengapa tidak setuju? Mengapa Kerajaan Persekutuan tidak boleh bersetuju dengan satu cadangan yang baik yang memberikan manfaat kepada rakyat Selangor. Jawapannya maknanya Kerajaan Persekutuan hendak melindungi tauke bukan rakyat dalam negeri Selangor. *[Tepuk]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sedikit.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sudah, sudah, habis dah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya tidak ...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak rumus ...

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya tidak mahu politik. Air ini kepentingan rakyat, jadi saya hendak beritahu, saya hendak tanya. Beri dan paksa itu lain.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Gombak tidak beri laluan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak tanya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak rumus dah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kerajaan negeri berbincang ataupun memaksa? Dua perkara yang berbeza.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tadi cakap Yang Berhormat Shah Alam pandai, dia sendiri sama.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak cakap fasal isu air.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Isu air ini amat penting. Salah satu sebab pelaburan berhubung isu air.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, okey, okey.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Jadi itu sebab saya hendak jelas. Hendak jelas pada Menteri Besar adakah kalau tidak ada satu persetujuan, berbincang dengan baik, Projek Langat 2 tidak diteruskan?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Isu air penting. Saya hendak nyatakan dalam Dewan ini isu air penting. Kepentingan rakyat amat penting, kepentingan pengguna cukup penting tetapi jangan sebagai sebuah kerajaan yang mendapat mandat daripada rakyat, berpihak kepada tauke-tauke besar yang terus menekan rakyat dengan kadar tarif yang besar, itu sahaja. *[Tepuk]*

Itu perbincangan yang saya hendak buat dengan Kerajaan Persekutuan yang baru supaya Kerajaan Persekutuan dapat menyelami perasaan rakyat yang terpaksa menanggung kadar tarif yang tinggi kalau kita membenarkan satu teknologi yang tidak diperlukan dalam merawat air yang datang dari Pahang. Kecuali air Pahang itu Kerajaan Persekutuan mengakui air yang paling tercemar yang mencecah tahap kelas empat. Kalau itu, kita boleh terima.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, aspek yang terakhir yang ingin saya sentuh ialah berkenaan kehilangan air tidak berhasil ataupun NRW ini. Memang benar pengurangan NRW

merupakan usaha yang baik untuk meningkatkan kecekapan sistem agihan air bersih kepada pengguna dan peningkatan kecekapan sistem agihan boleh mengelakkan pembaziran di mana air yang dikeluarkan daripada loji rawatan air dapat sampai sepenuhnya kepada pengguna dan tidak hilang begitu sahaja. Kita lihat di negeri Selangor sejumlah RM1,169 juta telah dibelanjakan iaitu capex untuk menurunkan kadar NRW. Ini kandungan yang terkandung dalam perjanjian Kerajaan Persekutuan dan SYABAS. Salah satu klausa dalam perjanjian penswastaaan ini ialah SYABAS mesti menurunkan kadar NRW daripada 34% kepada 20% menjelang tahun 2012.

■1550

Setelah capex diberikan sebanyak RM1.2 bilion, SYABAS masih lagi gagal menurunkan NRW malahan sekarang bukan turun kepada 20%, NRW di negeri Selangor telah mencatatkan satu rekod yang tinggi iaitu 36%.

Oleh sebab itulah kegagalan menurunkan NRW sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian konsesi yang saya nyatakan tadi, bukan berpunca daripada kekurangan peruntukan tetapi berpunca dari kelemahan operator agihan tunggal di negeri Selangor iaitu SYABAS dalam merancang dan melaksanakan program penurunan NRW secara berkesan. Kegagalan penurunan NRW itu juga menyebabkan Selangor, Kuala Lumpur, dan Putrajaya secara *if* relatifnya terlepas peluang untuk mendapatkan penjimatan yang dianggarkan lebih kurang 663 juta liter sehari yang sepatutnya dihasilkan daripada penurunan NRW yang telah dijanjikan.

Saya berpendirian Tuan Yang di-Pertua adalah menjadi kewajipan untuk mempertahankan dan mengutamakan kepentingan rakyat sebagai pengguna dan bukannya membebankan rakyat dengan membayar tarif bagi perbelanjaan yang sia-sia. Oleh sebab itu Kerajaan Negeri Selangor menekankan supaya dalam keghairahan untuk membelanjakan peruntukan sebanyak RM112 juta bagi tujuan menurunkan kadar NRW, wajiblah menggunakan kaedah tender terbuka yang telus dan adil.

Penilaian ke atas setiap projek yang telah dilaksanakan sebelum ini hendaklah juga diambil kira dan dinilai semula untuk melihat sejauh mana keberkesanan program yang telah dilaksanakan berbanding dengan peruntukan yang telah dibelanjakan. Pihak-pihak yang terlibat dalam meluluskan Program Penurunan NRW juga hendaklah bersikap lebih terbuka untuk menerima pandangan dari pihak lain dan bukan semata-mata menerima cadangan yang dikemukakan oleh kontraktor ataupun pihak pemaju. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas ruang yang diberikan kepada saya pada petang ini.

**Beberapa Ahli:** *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan belum, ya? Ya, sila Yang Berhormat Putatan.

**3.52 ptg.**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah simpan semenjak hari Isnin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasihlah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Berdiri]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Seputeh duduk dahulu.

**Seorang Ahli:** Kasihan Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pembentangan bajet yang menyeluruh, secara yang bertumpukan kepada ekonomi rakyat. Saya setuju dengan Yang Berhormat Gombak. Tahniah Yang Berhormat Gombak.

Akan tetapi apabila saya melihat bajet sebelah sana, khayalan dan mimpi. Baik jugalah ada mimpi baik juga, sampai juga hasrat menjadi Menteri Besar. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Bajetlah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sabarlah dahulu.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sabar Yang Berhormat Sandakan. Nanti ada ruang Yang Berhormat Sandakan berucap nanti. Saya mahu dengar Yang Berhormat Sandakan berucap.

**Beberapa Ahli:** Semalam dia sudah berucaplah. *[Dewan riuh]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sudahkah? Ada bawakah fasal Sabah? Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab sahabat-sahabat sebelah sini dan sana telah pun membawa isu yang banyak, soal kenaikan harga barang, isu GST, isu kenaikan harga petrol, dan BR1M tidak perlulah saya ulang sebab saya bersetuju dengan apa yang dihasratkan.

Akan tetapi saya ingin menumpukan kepada negeri Sabah sahajalah. Soal internasional-nasional isu itu biarlah kepada sahabat-sahabat yang lain. Ini isu yang sangat ketara yang dibawa oleh rakyat negeri Sabah Tuan Yang di-Pertua adalah sentimen-sentimen yang ketidakpuasan terhadap pemerintahan Putrajaya kepada negeri Sabah. Ini isu yang dilontarkan kepada wakil-wakil rakyat Barisan Nasional (BN) negeri Sabah.

Saya tidak tahulah siapa yang mengapi-apikan. Mungkin Yang Berhormat Seputeh juga apabila datang Sabah menghasut dan meracun perasaan rakyat negeri Sabah. Jadi apabila kita melihat Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang baru...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Berdiri]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh tidak bangun.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...Yang Berhormat Seputeh cakapkan itu. Ya, soal Yang Berhormat Seputeh ini yang Lebuhraya *Expressway* daripada...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini soal bajet.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sabarlah kawan. Ini soal *Expressway* Sungai Besi ke Ulu Kelang ini, mana Menteri Besarnya? Sudah larikah? Harga RM5.3 bilion Tuan Yang di-Pertua. Jaraknya 59 kilometer dari Damansara ke Shah Alam *Highway*, Selangor ini.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** *[Mencelah]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tidak ada. Dengarlah dahulu Yang Berhormat Raub. Yang Berhormat Pahang, bukan Sabah. RM4.2 bilion dan jaraknya 47

kilometer. Tuan Yang di-Pertua, di Sabah dan Sarawak menaik taraf infra asas negeri Sabah dan Sarawak RM4.5 bilion sahaja untuk menaik taraf. Bagaimana rakyat tidak marah di Sabah?

Kita - hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memperkasakan usahawan bumiputera, macam mana? Bumiputera ini terdapat dari luar bandar, Yang Berhormat Raub. Kita mahu rakyat kita yang bercucuk tanam menjadi usahawan tani Yang Berhormat Raub. Ini Yang Berhormat Raub tidak diam-diam fasal usahawan tani ini. Bagaimana infra yang teruk sekali? Siapa yang pernah pergi Sabah? Semua nampak infrastruktur di Sabah ini teruk, kemudahan asas teruk.

Peruntukan kedua negeri ini lebih pembinaan lebuhraya di Sungai Besi ke Ulu Kelang (SUKU) lebih besar. Ya saya tahu ini untuk kepentingan rakyat tetapi ini saya mohonlah, saya mohon daripada Kerajaan Pusat untuk melihat supaya peruntukan ini ditambah Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak semestinya bersetuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Kalabakan tetapi isu-isu, sentimen-sentimen seperti ini telah pun disebarikan melalui media sosial dan ini memberi gambaran bahawa kerajaan ini tidak begitu prihatin sampai dikatakan inilah *peninsula century*.

Jadi ini masalah bagi kami. Jadi saya mengharapkan bukan sahaja ini Tuan Yang di-Pertua, masalah yang lain pula soal keselamatan. Isu yang ditimbulkan oleh segelintir bilangan rakyat mungkin orang-orang yang terpelajar, orang-orang yang bersekolah, dan orang-orang yang berpendidikan membuat satu tohmahan kepada kita bahawa Kerajaan Pusat ini seolah-olah Sabah dan Sarawak ini dianaktirikan. Ini sentimen, bukan saya. Ia daripada rakyat akar umbi Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Bukan Yang Berhormat Seputehlah, macam itulah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, jadi apa ertinya 1Malaysia ini? 1Malaysia ini mereka katakan 1Malaysia ini bukan merangkumi. Soalan saya semalam 1Malaysia. Jadi dikatakan 1Malaysia ini apa ertinya? Oleh sebab IC pun pakai 1Malaysia seperti ini. Jadi saya bercadang supaya satu jari itu dibuang sama sekali.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ingat, apabila kita menerima slogan 1Malaysia itu dianggap sebagai semua rakyat di Malaysia ini diambil kira sebagai satu warga sahaja.

**Beberapa Ahli:** [Tepuk]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini juga satu. Apabila rakyat Malaysia dari negeri Sabah, tidak tahulah kalau Yang Berhormat Batu tahu ini memohon biasiswa, kalau kena tolok permohonan itu, apakah kata ibu bapanya? "*Oh!, kita ini bukan orang Melayu dan bukan orang Semenanjung, memanglah kita kena tolak.*"

#### ■1600

Serupa juga dengan memohon tempat di IPTA, memohon tempat kerja. Ah, kamu ini bukan orang Malaya, orang Semenanjung, mana kamu dapat. Tiada *qualification*, tiada umph. Ini tohmahan-tohmahan orang di akar umbi Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mohonlah kerajaan melihat. Jangan apabila kita membawa perkara macam ini, ini menghasut. Jadi kadang-kadang kenyataan daripada pemimpin kita ambil tindakan. Siapa menghasut, ambil tindakan.

Ini tidak baik. Ya, tidak baik. Yang Berhormat Batu, nanti Yang Berhormat Batu ini pun lain juga. Jadi...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Batu duduk, belum habis.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Batu sudah dua kali didakwa menghasut. *[Ketawa]* Yang Berhormat Putatan bersetuju Batu didakwa atau tidak?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Setuju. *[Ketawa]* Sebab kita ada undang-undang. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Batu pergi ke Sabah, tidak menghasut, tidak salah. *We welcome you with open arm.* Memberi pengertian kepada rakyat negeri Sabah bahawa ini bukannya tindakan kerajaan. Ini tindakan Yang Berhormat Penampang, pegawai-pegawai pelaksana. Ini yang musuh kita. Ya, Little Napoleon. Bukan, bukan kerajaan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya Yang Berhormat Beluran, selamat datang dan tahniah kepada kedoktoran yang baru dianugerahkan. Ini orang Sabah.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Batu, kalau tiada soalan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Batu dilarang masuk Sabah, itu tandatangan oleh Pejabat Ketua Menteri, bukan Little Napoleon yang buat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Betul, sebab Yang Berhormat Batu...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang buat itu adalah Ketua Menteri Sabah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Itu betul. Kalau saya Ketua Menteri Sabah, saya juga tegah Yang Berhormat Batu masuk ke negeri Sabah. Kalau datang Sabah untuk menghasut rakyat negeri Sabah, saya pun buat begitu. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Batu dengan niat yang baik, *I welcome you Sir* dengan izin. *[Ketawa]*

Jadi, soal memperkasakan usahawan bumiputera ini dan usahawan tani, usahawan belia ini, memang kita terima dengan cara yang baik. Akan tetapi yang penting infra-infra itu mesti disediakan terutama kawasan negeri Sabah ya Yang Berhormat Penampang, masih luas tanah yang belum diterokai. Jadi, sama jugalah Yang Berhormat Raub pun ada juga Senapak masih hutan rimba. Jadi ini kita mahu Kerajaan Pusat untuk melihat kepentingan masyarakat dari kawasan luar bandar. Jadi, peruntukan untuk memperkasakan luar bandar ini amatlah di - Tanah-tanah terbiar. Saya juga ingin berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana kali inilah ada peruntukan untuk tanaman padi bukit. Tidak tahulah kalau Yang Berhormat Beluran ada pengundi dia tanam padi di bukit. Jadi ini *we welcome* dan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana sungguh prihatin kepada taraf pendapatan rumah tangga di luar bandar.

Jadi, satu lagi yang kita ingin tahu juga dengan penyelarasan di antara kementerian-kementerian yang mana melaksanakan infra-infra di luar bandar. Kadang-kadang Menteri

Perusahaan, Perladangan dan Komoditi pun ada juga menyediakan peruntukan untuk menyediakan jalan-jalan kekal ke ladang-ladang dan juga jabatan, kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, jadi ini harus diselaraskan.

Saya mohon kepada pihak kementerian supaya satu pelaksana diadakan supaya tidak lagi, terutama sekali di negeri Sabah ini semuanya dilaksanakan oleh JPS. JPS ini satu kementerian, dia ada percanggahan Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat dahulu Tuan Yang di-Pertua, pihak FELCRA yang menyelaraskan semua jalan ladang dan jalan-jalan dulu. Jadi lebih senang, kerana kenapa? Kelambatan itu sampai sekarang sudah bulan Oktober ini belum lagi habis dilaksanakan. Oleh sebab itulah, birokrasi kerana kalau ikut peraturan perlembagaan kita melalui proses-proses yang lama. Jadi kalau sekiranya pihak FELCRA ataupun syarikat yang lain yang tidak memerlukan peraturan-peraturan ini, maka pelaksanaan itu lebih cepat.

Satu lagi yang sahabat-sahabat saya sentuh tadi, saya ingin mengulang balik soal kegelapan kita di negeri Sabah ini adalah amat teruk sekali. Saya mohonlah. Dahulu bekas Menteri yang menjaga jana kuasa ini Yang Berhormat daripada Miri dahulu, Dato' Sri Peter Chin, minta maaf saya terpaksa sebut nama, telah berjanji kepada rakyat negeri Sabah bahawa kalau masalah api, masalah elektrik di Sabah ini tidak selesai, pada ketika itu bulan 12, dia akan letak jawatan. Akan tetapi betullah dia ada letak jawatan dan sekarang Menteri ini sekarang yang jaga api ini dengan lampu ini dengan elektrik ini, seorang daripada Yang Berhormat kita daripada Kota Marudu saya mengharapkanlah. Saya harap perkara ini dapat selesai. Jangan janji nanti letak jawatan lagi, susah juga ya. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sekarang makin teruk atau makin baik?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Makin teruk. Saya kira mahu suruh letak jawatan tetapi tidak boleh sebab dia Yang Berhormat dari negeri Sabah juga. Jadi ingat-ingatlah Yang Berhormat Menteri, tidak tahulah kalau ada pegawai dia di sini. Saya harap ini perkara dapat diselesaikan. Jangan sampai rakyat kita menghentikan jawatan Menteri tersebut.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sandakan bangun Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Bukan saya, jangan harap rakyat. Siapa yang bangun? Yang Berhormat Sandakan, okey.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Nampaknya hari ini Yang Berhormat Putatan yang punya ucapan ada wajar sedikitlah. Jadi sepatutnya, bukankah Yang Berhormat Putatan kalau yang *you* duduk sebelah sini yang bagus lagi. *We can fight together*. Jadi satu yang pandangan, jadi yang sebut itu kita punya Menteri yang kuasa ini elektrik punya, nampaknya bajet, saya nampak dia punya sidi yang dahulu yang 400 lebih, sekarang ini tahun yang 700 lebih yang kasi naik lagi dia. Bagaimana pendapatan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pendapatan itu *income* Yang Berhormat, pendapat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasihlah sahabat dari Sandakan. Begitulah sentimen-sentimen bukan sahaja sahabat dari Sandakan, Yang

Berhormat Sandakan tetapi ini juga perasaan dan sentimen keseluruhan rakyat negeri Sabah. Kalau saya suruh siapa yang angkat tangan yang tidak setuju, saya rasa tiada yang diangkat tangan. Semua rakyat Sabah bersetuju bahawa masalah elektrik di Sabah ini amat teruk sekali. Saya mohonlah sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan Pusat supaya mengatasi masalah ini dengan cepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba pendekkan apa yang saya ada di sini. Saya ingin juga menyentuh soal masalah banjir. Masalah banjir Tuan Yang di-Pertua, memang berlaku di mana-mana tempat. Kita tidak boleh sangka, kita tidak boleh jangka Yang Berhormat Sepang. Kadang-kadang Yang Berhormat Sepang pun banjir juga. Jadi masalah banjir...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Aku baru mulai..

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit, sikit sahaja. Boleh? Boleh ya Yang Berhormat Putatan? Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Putatan, saya hendak tanyalah. Saya beberapa bulan lepas ada pergi ke Sabah, masih lagi tak dilaranglah. Saya ada pergi Kampung Sembulan, saya rasa mungkin Yang Berhormat Putatan tahulah sebab saya rasa itu bawah Parlimen Putatan, yang betul-betul berada di tengah Bandar Kota Kinabalu, sempadan yang keadaan perumahan saya rasa, saya tak terfikir lah tahun 2014 masih ada rumah seperti itu yang satu rumah mungkin duduk dekat tujuh, lapan orang yang terlalu kecil. Jadi saya hendak tanyalah, sebagai Ahli Parlimen Putatan, adakah Ahli Parlimen tidak terasa bersalah melihat rakyat yang hidup begitu daif di kawasan itu? Mungkin boleh perjelaskan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Termasuklah yang saya nyatakan, tanya.

■1610

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sebenarnya saya akan sampai itu masalah perumahan itu kemudian. Ini soalan banjir. Baru-baru ini Yang Berhormat Sepang, kita telah pun menghadapi masalah banjir termasuklah kawasan saya. Kadang-kadang ia berlaku di Tenom, kadang-kadang ia berlaku di mana-mana tempat pun. Memang wakil rakyat jadi sasaran. Jadi, di Penampang ini yang masalah dia, masalah di Penampang pula kena. Jadi, wakil rakyat di sebelah sana, sahabat saya di Penampang. Jadi, permainan budak-budak yang disuruh mungkin orang yang tidak senang dengan kerajaan, kononnya Kerajaan Negeri Selangor pula yang memberi...

**Seorang Ahli:** Ya, tahu tidak apa.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...RM50,000 diheboh-hebohkan. RM50,000, *my god*, malulah. Kita bagi bantuan diam-diam Yang Berhormat Sepang. Janganlah sibuk RM50,000 itu dihantar di Sabah. Itu bukan kah bikin malu sama orang Sabah. Kalau RM50,000 itu jangan kasilah. Setakat RM 50,000 Kerajaan Negeri Selangor diheboh-hebohkan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi, minta maaf, kami kasi diam-diam. Orang tidak kompelin.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta pencelahan. Sikit, sikit saja. Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar.

**Seorang Ahli:** Sekejap.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Itulah Yang Berhormat Penampang heboh-hebohkan RM50,000 bantuan dari negeri Selangor.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Kita berterima kasih kepada Selangor tetapi kita tidak hebohkan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kami bagi tapi secara diam-diam. Tidak ada *coverage* di *newspaper*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Kita tidak hebohkan *newspaper*. Nanti ini *finish first*. Kita tidak hebohkan apa kita tolong kepada kawasan Penampang selain daripada yang terbaca dalam sosial media berkenaan dengan Selangor. Ini kerana itu menunjuk sebab orang Semenanjung macam Selangor prihatin kepada Sabah. Kalau kita tengok dan baca dalam surat khabar, Perdana Menteri sendiri pun tidak mengatakan berkenaan dengan *flood* yang terjadi di Penampang, Putatan dan Kota Belud. Dia patut memberikan *contingent fund*. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey, okey, fahamlah itu. Okeylah, *what I want* kita sama-sama, kita mengatasi masalah rakyat. Sama jugalah walaupun pembangkang, kita juga bermasalah, rakyat juga berjumpa dengan wakil rakyat walau di mana pun sebelah mana dia. Dia pembangkang kah, dia kerajaan kah, ini wakil rakyat kan? Dia jumpa sama kita. Kita terpaksa beraksi. Jadi, tidak apa, terima kasih jugalah walaupun RM50,000, terima kasih lah kerajaan. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Gombaklah kerana memberi RM50,000 pada Penampang. Jadi, soal banjir ini, kita sudah pun menjerit beberapa kali, bertubi-tubi kita buat perkara fasal banjir ini.

Walau bagaimanapun janji memang ada. Peruntukan dijanjikan. Tidak tahulah, peruntukan berjuta-juta. Jadi, Yang Berhormat Menteri melawat kawasan dengan saya, dengan Yang Berhormat dulu, sampai sekarang saya tidak tahulah apa terjadi dengan peruntukan. Saya mengharap Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab soal bantuan tebatan banjir ini dapat *mereview* kembali di mana Kerajaan Pusat akan memberi peruntukan. Apabila banjir di Sabah, tolonglah buat satu kenyataan, hantarlah bantuan sikit-sikit, jangan berdiam. Jadi, ini seolah-olah...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** RM 50,000 pun okeylah juga. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Termasuk RM500.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, RM500 itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** RM500.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, bagilah *announcement* sikit, jangan diam. Nanti rakyat negeri Sabah ini menangis nanti tunggu-tunggu. Kalau dia orang



bilang, kalau di Semenanjung jadi, di Pahang jadi, di Segamat jadi, semua dibagi, *ice box* pun dibagi. Inilah satu kenyataan. Bukan saya kata ini, ini rakyat Sepang, ini rakyat negeri Sabah cakap, bukan saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa lagi, pindahlah. Masih mengadu sudah berapa tahun sudah. Pindah sinilah. Sampai bila hendak macam ini? Sampai tua macam ini kah? Sampai gigi sudah tidak ada.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Peti ais pun boleh bagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini kerajaan tidak boleh pakai lagi sudah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okeylah. Ini kali...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Putatan asyik cakap ini 20 tahun, cakap benda sama buat apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sikit, sikit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kapar tidak banjir. Ini soal banjir. Kapar tidak ada banjir. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey, satu lagi janji, ini soal janji Yang Berhormat Sepang. Ini soal janji. Saya telah pun membuat- saya rasa semenjak RMKe-8. SMK Petagas. Ini Putatan kita ada dua sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dua saja SMK. Satu di kampung saya, SMK Tansang, satu di Putatan, dua. Bayangkan berapa jumlah penduduk di Putatan ini hanya dua SMK saja. Jadi, kita minta sudah, SMK Petagas sampai sekarang, alasan tanah tidak sesuai, *my God*. Dia mahu pula 25 ekar. Mana kita dapat tanah 25 ekar di Putatan. Tanah-tanah sana mahal. Tanya Yang Berhormat Raub tahu ini. Yang Berhormat Raub tahu. Bukan senang mahu cari tanah.

Jadi, buatlah cara rasional bagaimana kalau tanah itu tidak cukup, buatlah, tidak payah padang pun boleh. Kita boleh pakai padang. Jadi, apa yang kita perlu, sekolah ini amat didesakkan oleh rakyat di Putatan.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kalau mahu cakap, berdirilah Yang Berhormat Raub. Ikutlah peraturan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, soal keselamatan. Soal keselamatan ini juga satu isu yang ditimbulkan oleh para pemain-pemain sosial media ini. Sampai ada SSKM. SSKM itu apa? Sabah Sarawak Keluar Malaysia dimainkan oleh orang-orang yang bukan bermastautin di Malaysia. Sebab kenapa? Dia orang juga rakyat kita,

dia orang juga tidak senang hati dengan apa yang sepatutnya dibagi kepada negeri Sabah dan Sarawak. Jadi, kita melihat perkara ini.

Jadi, kami ini seperti *punching bag* oleh rakyat. Bila kita pergi majlis kahwin, kita kena hentam. Bila pergi tempat orang meninggal, kita kena hentam. Jadi, soal yang kecil-kecil ini yang selalu diapi-apikan oleh pembangkang.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi, apabila perkara ini berleluasa, pemimpin yang mengatakan, okey kita ambil tindakan. Jadi, seolah-olahnya kita bersalah sajakah, kita luahkan masalah, salahkah? Saya dengan Yang Berhormat Ghafur, saya setuju dengan Yang Berhormat Kalabakan. Jangan kita buat kenyataan, disalahkan. *Address the problem*, dengan izin, *address the problem. We have brought this problem.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Kapar apa lagi? Bukan kau tahu fasal SSKM, apa SSKM?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Secara menyeluruh.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Secara menyeluruh...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sabah, Sarawak Keluar Malaysia siapa hendak tahu. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi, isu... Okey.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak ambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua orang India...

**Seorang Ahli:** Belum lagi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yalah dalam minggu ini. Hari ini hari terakhir, so ucap dulu. Maaf, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Balik kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tuan Yang di-Pertua kena ucap nanti kemudian, akhir nanti Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya tahu, saya tahu. Itu yang saya ingatkan dengan lembut itu. Secara menyeluruh. Yang SSKM tadi seperti Yang Berhormat tekankan, SSKM Yang Berhormat tekankan tadi, betulkan kalau saya salah faham. Luahan ini adalah kerana kekurangan yang sedang berlaku. Kalau kerajaan boleh mengatasi kekurangan ini, isu ini tidak akan timbul. Itu yang saya faham tadi dan daripada menyelesaikan masalah ini, sebaliknya kerajaan sedang menekan mereka dan mengatakan ada isu di sebaliknya. Itu yang memedihkan, macam mana? Tolong jelaskan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Kapar, apa lagi Yang Berhormat Batu?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Setuju tidak Yang Berhormat Putatan dengan gunakan Akta Hasutan terhadap orang-orang yang kata hendak keluar Malaysia ini tidak akan menyelesaikan masalah. Setuju atau tidak Yang Berhormat Putatan?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat ada lagi lebih kurang...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** 20 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Empat minit lagi.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Ketawa]* Jadi, soal Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Batu, soal SSKM ini, salahkah kita kalau kita katakan kita tidak puas hati? Salahkah? Saya tanya Yang Berhormat Batu sendiri. Salahkah kita kalau kita meluahkan kekurangan kepada semua? Salahkah? Itu hasutankah? Walaupun ada hasutan, kalau dia menimbulkan huru-hara, tidak timbul. Kalau Yang Berhormat Batu masuk negeri Sabah, kalau mencetuskan huru-hara, kita tangkap terus.

#### ■1620

Saya setuju sebab kita ada undang-undang yang sepatutnya boleh...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Belum lagi ada huru-hara, belum ada lagi tetapi sudah kena tangkap. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin – sebelum saya habiskan saya ini, cara ini mahu jadikan dominan *effect*lah dengan izin. Jadi saya mengharapkan Kerajaan Pusat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang tercinta ini supaya menyeru semua jentera kerajaan melihat rentetan rakyat-rakyat negeri Sabah ini. Supaya kita boleh menang lagi Pilihan Raya ke-14 supaya pembangkang ini – buktikan bahawa kita boleh *deliver*.

Jadi kita mahu, sebelum itu saya juga memohon kepada pihak kerajaan supaya satu perkara yang saya mahu mengutarakan kepada kerajaan soal bantuan kepada pelabur-pelabur rakyat negeri Sabah, kepada Saham Sabah supaya hutang ataupun yang dipaksa berhutang dari Bank Negara itu dapat dihapuskan. Ini kerana hutang itu disuruh Saham Sabah untuk melaksanakan projek PPRT *which is not mean supposed to be doing some social work*, dengan izin. Jadi saya mengharapkan satu lagi permintaan rakyat negeri Sabah supaya Saham Sabah dapat dinaik tarafkan. Sekian, terima kasih. Saya menyokong penuh Bajet 2015, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tadi minta tambahan menyokong penuh mana boleh.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya minta kerajaan bantu kita jadi saya sokonglah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh.

#### 4.22 ptg.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini Majlis Peguam Malaysia menganjurkan *Walk For Justice* dan disertai oleh lebih 1,000 peguam yang menuntut Akta Hasutan dimansuhkan. Saya ingin ingatkan kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional tentang *Walk For Justice* anjuran Majlis Peguam Malaysia. *When lawyers walk, something must be very wrong.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat ada disiarkan bahawa Bar Council minta jawatan Speaker, Timbalan Speaker ditanding dan bukan dipilih. Apa komen Yang Berhormat? Bukankah Speaker dengan Speaker sudah ditanding dalam Dewan ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Itu bukan Bar Council lah itu ialah Bersih semalam. Okey saya balik ke ucapan saya. Pada tahun 2012 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjanji untuk memansuhkan undang-undang yang *draconian* yang digubal sejak era penjajahan British iaitu Akta Hasutan. Akan tetapi Akta Hasutan ini masih wujud hingga tahun 2014 pada hari ini. Janji beliau masih belum ditunaikan tetapi sebaliknya kini lebih ramai tokoh politik, *activist* dan malah pelajar didakwa di bawah Akta Hasutan 1948 kebelakangan ini. Termasuk saya yang didakwa kerana mengeluarkan klip video satira politik yang bertajuk *Wonderful Malaysia* yang langsung tidak menyentuh sensitiviti kaum, agama dan Raja sebagaimana yang dituduh.

Apabila Perdana Menteri berucap tentang jalan tengah ataupun *moderation* di forum antarabangsa, Malaysia juga mendapat semakin banyak liputan media antarabangsa yang negatif atas *sedition blitz* yang merupakan *political crackdown*. Kerajaan boleh beri apa-apa alasan tetapi ia tidak boleh hilangkan dakwaan bahawa serangan hasutan ialah pendakwaan secara pilihan ataupun *selective prosecution* dan double standard yang mengesahkan tokoh pembangkang dan *dissident*. Ramai warga Malaysia termasuk warga dari Sarawak merasa marah atas kenyataan yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Yang Berhormat Batang Sadong yang mempertahankan Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali dengan mengatakan Datuk Ibrahim Ali tidak didakwa atas kenyataannya mengugut akan membakar kitab ataupun Bible kerana kenyataannya adalah demi mempertahankan Islam. Kenyataan Yang Berhormat Batang Sadong itu menunjukkan tahap *double standard* dalam *sedition blitz* di mana Datuk Ibrahim Ali yang menghina agama lain dikatakan mempertahankan Islam. Jabatan Peguam Negara sudah sampai ke tahap yang begitu tidak masuk akal. Apakah Datuk Ibrahim Ali adalah lebih tinggi daripada undang-undang?

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan *The Malaysian Insider* pada 21 Mei 2014, bekas Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman menyoal apakah saya patut didakwa di bawah Akta Hasutan atas klip video *Wonderful Malaysia*. Beliau berkata, "*In this case, a suitable benchmark for sedition in this country.*" Tan Sri Abu Talib Othman juga menyoal apakah siri pendakwaan oleh Jabatan Peguam Negara dilakukan atas tekanan daripada golongan tertentu untuk menyasar pemimpin pembangkang dan *activist*. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin bertanya tentang kesahihan laporan berita bahawa Ketua-ketua Bahagian UMNO telah hadir dalam pertemuan tertutup dengan Peguam Negara dan Ketua Polis Negara pada 14 Ogos 2014. Selepas berita ini disiarkan Peguam Negara atau Ketua Polis Negara tidak membuat penafian sehingga hari ini.

Persoalannya ialah:

- (i) Apakah Peguam Negara bertindak menurut arahan daripada pemimpin-pemimpin UMNO?;
- (ii) Siapakah dan bahagian-bahagian UMNO manakah yang terlibat dalam pertemuan *controversial* ini?; dan

- (iii) Mengapakah Peguam Negara baru sekarang mengambil tindakan terhadap laporan-laporan polis yang sudah lama dibuat oleh ahli-ahli UMNO yang jelas memotifkan politik sejeurus selepas pertemuan pada 14 Ogos ini?

Saya ingin minta pihak kerajaan dan Peguam Negara jawab atas kenyataan dan persoalan tersebut dan juga kenyataan bekas Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman. Kerajaan tidak boleh berdiam diri atas segala dugaan dan persoalan daripada pelbagai pihak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Hasutan 1948 tidak digubal oleh Parlimen kerana Tanah Melayu masih belum mencapai kemerdekaan dan masih di bawah jajahan British semasa akta ini digubal. Oleh itu Akta Hasutan 1948 digubal sebagai ordinan iaitu Ordinan 14, 1948. Bila ordinan tersebut disemak semula oleh Pesuruhjaya Penyemakan Undang-undang (*Commissioner of Law Revision*) pada tahun 1969 di bawah Akta Penyebaran Undang-undang 1968, ia tidak melibatkan Parlimen juga. Justeru itu, Akta Hasutan 1948 tidak boleh digunakan untuk menyekat kebebasan berucap yang termaktub dalam Perkara 10(1), Perlembagaan Persekutuan.

Saya ingin ingatkan Perdana Menteri pepatah Cina. [*Bercakap dalam Bahasa Cina*] Anak dia tahulah, anak dia pergi Beijing belajar Cina. Maksudnya ialah, "*Harimau mati meninggalkan, kulit manusia mati tinggalkan nama*". Seseorang pemimpin hanya dilihat mempunyai kredibiliti yang diingati dalam sejarah sekiranya dia mengotai janjinya untuk membawa reformasi dan penambahbaikan dalam dasar politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang sekolah jenis SJK(C)...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Seputeh boleh celah sedikit? Boleh?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, sila.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh. Kalau kita lihat definisi hasutan, sebenarnya yang saya faham ia dikatakan hasutan apabila seseorang membuat kenyataan, dalam masa 10 hari ada berlaku sokongan kepada hasutan tersebut dan berlaku satu yang tidak memenuhi ataupun tidak mengikut peraturan kerajaan. Jadi begitu juga mungkin jawapan kepada Datuk Ibrahim Ali ini. Oleh kerana dia bercakap tetapi tidak ada orang yang dengar pun, jadi tidak ada apa berlaku pada perkataan ataupun hasutan dia. Jadi itu dikatakan tidak hasutan. Kalau kita rujuk kepada perkara seperti itu maka rakan-rakan kita yang dituduh di bawah Akta Hasutan sepatutnya digugurkan daripada dakwaan tersebut. Setujukah Yang Berhormat Seputeh? Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Apa yang saya tahu bila Datuk Ibrahim Ali dia kata hendak pakaikan Bible, dia malah jemput pemberita pada hari tertentu itu minta orang pergi ke sana beramai-ramai. Memang ada pemberita pergi sana tengok apa yang berlaku tetapi tidak ada apa-apa yang berlaku. Jadi memang yang kenyataan yang dibuat oleh Datuk Ibrahim Ali ini penuh dengan hasutan dan juga motif buruk dan juga menghina agama lain. Kalau saya ini kerana hanya satira politik klip

video ini boleh didakwa di mahkamah Datuk Ibrahim Ali lagi harus didakwa jauh lebih awal daripada saya. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perhimpunan Agung MCA pada 12 Oktober baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jaminan kepada masyarakat Cina bahawa mereka tidak perlu bimbang tentang masa hadapan sekolah bahasa ibunda kerana hak mereka untuk belajar bahasa ibunda telah termaktub dalam perlembagaan negara dan undang-undang negara ini.

■1630

Ucapan atau jaminan Perdana Menteri di Perhimpunan Agung MCA adalah tidak mencukupi. Beliau haruslah memastikan bahawa kenyataan daripada Menteri, Timbalan Menteri Kabinet, Ahli Parlimen dan pemimpin akar umbi di bahagian UMNO yang menyeru kerajaan untuk menghapuskan ataupun menutup SJK(C) yang tidak sensitif dan berunsur hasutan itu dihentikan. Beliau sepatutnya memberi nasihat dan amaran kepada anggota UMNO tersebut.

Selain itu kerajaan juga haruslah adil kepada SJK(C) berlandaskan peruntukan perlembagaan negara kepada bahasa ibunda. Jaminan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan ini juga bermaksud bahawa kerajaan mestilah memberi bantuan penuh kepada pembangunan SJK(C). SJK(C) wujud sebelum merdeka dan SJK(C) telah mengeluarkan pakar dan cendekiawan yang telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara. Akan tetapi kesalnya SJK(C) masih menghadapi banyak masalah dan selalu diabaikan oleh Kementerian Pendidikan, khususnya masalah kekurangan bilik darjah, SJK(C) yang tidak cukup, kekurangan guru dan ketidakcukupan peruntukan kerajaan.

Dalam Bajet 2015, Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri mengumumkan RM50 juta diperuntukkan kepada SJK(C). Amaun ini memanglah terlalu sedikit dan tidak cukup untuk kegunaan SJK(C) di seluruh negara. Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa subsidi maksimum bagi bekalan elektrik dan air untuk SJK(C) akan meningkat daripada RM2,000 sebulan kepada RM5,000 sebulan. Peningkatan peruntukan ini tidak perlu diuar-uarkan kerana perbelanjaan SJK(C) tersebut memang perlu ditanggung oleh kerajaan.

Saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa pelbagai kaum ialah aset dan bukannya liabiliti dalam satu masyarakat majmuk yang mengandungi pelbagai kaum. SJK(C) dan SJK(T) tidak memecahbelahkan rakyat dan SJK(C) memang bukan halangan bagi perpaduan negara tetapi parti politik yang hanya memperjuangkan kaum tertentu seperti UMNO, MCA, MIC dan juga NGO yang mempelopori dasar perkauman yang menjejaskan perpaduan dan merosakkan perhubungan di antara kaum yang bertanggungjawab atas kerosakan hubungan di antara kaum.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu bangun Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, sila Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Terima kasih Tuan Speaker. Sebenarnya mengikut fahaman saya, Perdana Menteri tidak kata

dia tidak mahu adil kepada SJK(C) dan juga tuntutan masyarakat Tionghoa tetapi Perdana Menteri buat syarat bahawa dengan izin, “*you cannot demand fairness and then support Pakatan Rakyat you make demand, you must support BN then we will be fair*”. Ini yang disebut oleh Perdana Menteri di dalam Perhimpunan Agung MCA. Apa pandangan Yang Berhormat Seputeh kalau itu syaratnya untuk seorang Perdana Menteri melakukan keadilan kepada sesuatu masyarakat dengan syarat dia kena sokong Barisan Nasional?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Kalau kita lihat keputusan PRU-13 yang lepas itu, yang tidak menyokong BN itu bukan sahaja pengundi Cina sahaja. Ada juga pengundi Cina yang juga undi Barisan Nasional. Kalau kita lihat, Barisan Nasional hanya disokong oleh 47% daripada jumlah pengundi di Malaysia ini bermaksud yang tidak undi BN pada PRU-13 itu termasuk juga India, Melayu, Kadazan, Dusun, Iban dan juga yang lain. Jadi, kenyataan oleh Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung MCA itu memanglah tidak betul dan tidak patut diutarakan. Saya rasa hairan tidak adapun pemimpin MCA dan Ahli Parlimen MCA yang menyoal Perdana Menteri atas kenyataan itu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Seputeh. Adakah kemungkinan itulah sebab yang Kadazan pun tidak sokong, Dusun pun tidak sokong, Yang Berhormat Putatan pun banyak kali...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Seputeh sembang luarlah Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak ada peruntukan. Mungkin inilah itu sebahagian daripada syarat untuk tidak sokong ini.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Speaker, boleh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Lagi?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Seputeh sekejap.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kadazan, Kadazan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Betul hujah Yang Berhormat Seputeh itu. Orang Kadazan sekarang terlebih lagi orang Sabah dalam keadaan yang susah, mereka perlu perhatian daripada kerajaan ini secepat mungkin. Akan tetapi kalau seperti mana yang telah di hujah oleh Yang Berhormat Kalabakan dan Putatan tadi, kalau sudah sampai ke tahap yang kita tidak boleh terima, tukar sahaja ini kerajaan, terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Memang kita sudah lama menanti-nantikan, ini kalilah berlaku di negeri Sabah tetapi belum lagi. Akan tetapi kita akan berusaha bersungguh-sungguh. [Disampuk] Saya rasa Yang Berhormat Lenggong juga *happy* tentang slogan ‘*Ini kalilah*’. Kita bekerjasama. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kerajaan ini ingin menutup apa-apa organisasi yang dikatakan menjejaskan perpaduan kaum, kerajaan haruslah mengambil tindakan terhadap parti politik dan pemimpinnya yang mengeluarkan kenyataan yang menyakitkan hati kaum lain dan merosakkan perpaduan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan isu tentang perancangan bandar raya Kuala Lumpur. Saya pernah membangkitkan isu kelulusan dan *density project* baru yang terlalu tinggi bagi pemaju di Kuala Lumpur di Dewan yang mulia ini banyak kali. Akan tetapi nampaknya DBKL tidak memberi perhatian atas seruan saya dan penduduk di Kuala Lumpur

dan juga tidak mengambil perhatian tentang masalah yang dihadapi oleh penduduk dan pembayar cukai pintu di Kuala Lumpur.

Saya sebagai wakil rakyat di Parlimen Seputeh, saya telah banyak kali dijemput oleh penduduk yang marah tentang cadangan projek yang mempunyai *density* yang tinggi di kawasan Parlimen saya dan kita sudah buat protes beberapa kali tentang ini. Ini termasuk satu, projek rumah mampu milik di Taman Naga Emas di Salak Selatan, penduduk membantah kerana jalan yang sedia ada di Taman Salak Selatan memang tidak dapat menampung penambahan trafik daripada projek rumah mampu milik tersebut.

Kedua, cadangan projek tiga blok kondominium yang mempunyai 277 unit di Lot 9582, di antara Jalan Gembira dan Jalan Awan Besar di Overseas Union Garden. Ketiga, saya juga terima aduan daripada penduduk di Taman Seputeh tentang projek kondominium di 38 tingkat yang akan didirikan di Lot 167, Seksyen 94A di Jalan Robson kerana jalan yang sedia ada hanya mempunyai kelebaran sebanyak 20 kaki yang memang terlalu sempit untuk menampung peningkatan trafik di tempat tersebut. SJK(C) Kuen Cheng II di Taman Seputeh juga telah mendatangkan trafik di tempat itu. Tapak berkenaan memang tidak mungkin dibenarkan untuk mendirikan kondominium yang mempunyai 38 tingkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta DBKL untuk menjalankan kajian terhadap keadaan jalan dan trafik di kawasan yang sedia ada sebelum meluluskan apa-apa projek kondominium yang mempunyai *density* tinggi. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin minta DBKL untuk mengadakan perancangan bersama dengan pihak SPAD dan syarikat bas Rapid KL. Pihak DBKL tidak seharusnya meluluskan semua projek kondominium yang mempunyai *density* tinggi tanpa mengambil kira isu pengangkutan.

Kebanyakan kawasan perumahan di kawasan Parlimen saya penduduk memang menghadapi masalah dari segi pengangkutan awam kerana banyak tempat di kawasan saya tiada perkhidmatan bas, tiada perkhidmatan LRT dan malah jarang nampak teksi di kawasan saya. Di sini saya juga ingin mencadangkan supaya perkhidmatan bas di Kuala Lumpur dipindah dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL supaya masalah penganutan awam boleh dikoordinasi dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Serdang dan saya pernah membangkitkan kes penipuan dan penyeludupan kereta terpakai asing di Pulau Langkawi ke Semenanjung Malaysia yang melibatkan agensi kerajaan beberapa kali. Akan tetapi kami tidak terima jawapan yang kami kehendaki setengah tahun selepas kami bangkitkan isu ini. Kereta terpakai import yang berdaftar di Langkawi telah dibawa masuk ke kawasan utama kastam iaitu kawasan-kawasan lain yang dikenakan cukai sepenuhnya dan kemudian ditukar menjadi kenderaan yang berdaftar di luar Langkawi dengan kelulusan daripada beberapa agensi kerajaan termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), PUSPAKOM dan lain-lain.

Para pengadu yang membeli kereta dari Langkawi tersebut membuat pembelian berdasarkan dokumen sah yang dikeluarkan oleh agensi-agensi terlibat tetapi selepas itu mereka mula dihubungi oleh pegawai kastam dan dimaklumkan bahawa kereta mereka ialah barang belum lulus Kastam. Selepas itu, kereta mereka yang berkenaan disita oleh Kastam.



Pihak bank yang memberi pinjaman kepada pembeli kenderaan juga mengesahkan bahawa kereta terpakai tersebut adalah sah dari segi undang-undang dan ia bukannya barang haram.

■1640

Para mangsa pembeli kereta telah melaporkan kes ini kepada polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia tetapi tidak ada apa-apa maklum balas sehingga sekarang. Kebanyakan kenderaan bermasalah tersebut telah disita oleh pihak kastam dan pembeli diminta untuk membayar duti kastam yang amat besar. Ini adalah tidak adil kepada mangsa pembeli tersebut.

Yang Berhormat Serdang dan saya pernah menulis surat dan minta perjumpaan dengan Menteri Dalam Negeri, Menteri Kewangan Kedua dan Senator Datuk Paul Low iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri tetapi tiada seorang pun menteri yang sudi berjumpa dengan kami. Hanya Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Senator Datuk Paul Low panjangkan surat kami kepada ketua SPRM pada 21 April 2014 tetapi kami tidak dapat apa-apa jawapan tentang perkembangan kes ini sehingga hari ini. Kes penipuan yang melibatkan beberapa agensi kerajaan ini disyaki menyumbang kepada penembakan dan kematian Datuk Shaharudin Ibrahim, bekas Timbalan Ketua Pengarah Kastam sebelum PRU ke-13. Saya bangkitkan isu ini di Dewan yang mulia ini dan saya minta kerajaan memberitahu Dewan yang mulia ini tentang perkembangan siasatan kes ini.

Saya ingin tahu sama ada siasatan dan penangkapan SPRM terhadap Jabatan Kastam baru-baru ini melibatkan kes penipuan dan kenderaan dari Pulau Langkawi juga. Apa yang mangsa sindiket ini minta ialah kerajaan boleh mengecualikan bayaran duti import mereka kerana mereka ditipu oleh agensi kerajaan. Pihak kastam berkata hanya Menteri boleh memberi pengecualian duti import ini dan saya pohon bagi pihak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 57 tahun tetapi sistem pemerintahan kita dan sistem parlimen kita masih jauh daripada sistem di negara maju. Semalam, Yang Berhormat Pengerang berucap tentang wanita di Malaysia harus di perkasa dan diberi kuota 30% di semua tahap kepimpinan. Seruan Yang Berhormat Pengerang bukannya lagu baru. Sekiranya kerajaan ingin mencapai objektif 30% tempat pentadbiran diberi kepada wanita, maka sistem pilihan raya kita sekarang ini iaitu *first past a post* haruslah dikaji semula.

Banyak negara maju telah pun mengamalkan *Open Government Partnership* di mana kerajaan dan NGO ataupun *civil societies* bekerjasama untuk meningkatkan ketelusan dan lebih *responsive* terhadap rakyatnya dengan tujuan mutlaknya untuk menambah baik kualiti dasar dan perkhidmatan awam serta menggalakkan penyertaan orang ramai dalam pemerintahan sesuatu negara. Dengan ini, kerajaan boleh mentadbir negara dengan lebih berkesan.

Sejak OGP dilancarkan pada tiga tahun yang lepas, keahlian *Open Government Partnership* (OGP) ini telah meningkat daripada lapan hingga 64 negara dengan penyertaan beribu-ribu NGO dalam proses OGP pada tahap negara. Negara OGP mewakili satu per tiga daripada jumlah populasi dunia. Dalam *workshop* berkenaan dengan OGP anjuran IDS pada 13 Oktober baru-baru ini, beberapa agensi kerajaan seperti SPRM, PEMANDU dan lain-lain juga telah menghantar pegawai untuk menyertai *workshop* tersebut. Saya ingin minta kerajaan

untuk mengkaji konsep OGP ini dengan serius dan menjadi salah satu negara yang melaksanakan OGP. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin minta pihak menteri yang menjaga Parlimen, Yang Berhormat Arau untuk mengambil langkah untuk menjalankan reformasi dalam sistem penggubalan undang-undang di Parlimen.

Dato' Saifuddin Abdullah, CEO kepada *Global Movement of Moderates* (GMM) merangkap bekas Timbalan Menteri Pengajian Tinggi telah pun membentangkan pandangannya atas topik *Participatory Law Making Process* kepada beberapa Ahli Parlimen semalam di Bangunan Parlimen ini. Saya ingin mencadangkan pihak kerajaan dan Yang Berhormat Arau mendengar pandangan dan cadangan daripada Dato' Saifuddin Abdullah dan juga mengadakan *workshop* dengan Ahli Parlimen Pakatan Rakyat untuk membincangkan proses penambahbaikan fungsi dan penggubalan undang-undang di Parlimen.

Dalam satu ucapan Perdana Menteri, beliau pernah berkata '*the era where the government knows what is best is over*'. Beliau juga pernah berkata perlu adanya pendamaian nasional ataupun *national reconciliation* sekiranya Kerajaan Barisan Nasional ingin menambahbaikkan imejnya. Tibalah masanya bagi Kerajaan BN untuk berunding dengan pihak Pakatan Rakyat dan pihak NGO dan menambahbaikkan sistem pentadbiran yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

#### 4.45 ptg.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Membaca sepotong doa] Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Syukur kepada Allah SWT kerana telah memberikan kita satu hari lagi umur yang panjang dan kesihatan yang baik dan berada di negara yang aman dan makmur. [Bercakap dalam bahasa Arab] Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya membentangkan satu bajet yang komprehensif, satu bajet yang fokus kepada ekonomi keperluan rakyat. Satu bajet yang membentangkan pada teras tujuh strategi yang penting. Walaupun pembentangan bajet ini dikatakan tidak popular tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat satu keputusan, satu tindakan yang tepat, yang betul, yang berani dan yang sangat bertanggungjawab.*

Tuan Yang di-Pertua, selepas pembentangan bajet, kita lihat rakyat di seluruh negara begitu prihatin, begitu berminat dengan apa yang dibentangkan dan saya lihat di sana sini orang menceritakan tentang bajet. Di kedai-kedai kopi, di masjid, di market dan di mana-mana. Malah kita lihat siaran-siaran di televisyen sebelum dan selepas menceritakan tentang bajet yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *But I wonder.* Saya terfikir. Apakah penilaian rakyat tentang bajet ini? *Whose interest are they bring in?* Apakah kepentingan yang dibawa oleh rakyat hari ini? Maksud saya, *is it the interest of a person or is it the interest of a nation? Person versus nation.*

Bagaimana kita menilai bajet yang dibentangkan ini? Kalau kita melihat pada teksnya, rakyat akan meneliti baris-baris mana yang menyebut namanya. Guru dapat apa? Guru seronok. *Alhamdulillah*. Tentera dapat pakej ini. Tentera suka, *syukran*. Terima kasih. Polis dapat apa? Polis pun bersyukur kepada Allah SWT. Kita lihat nelayan telah diberikan wang saraan yang lebih. Mereka yang di zon A mendapat lebih daripada RM200 hingga RM300. Zon B dan C kepada RM250 dan nelayan darat kali pertamanya diberikan wang saraan sebanyak RM200. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana di tempat saya di Bagan Serai ada banyak nelayan darat. Malah saya ingin bertanya nelayan darat ini adakah termasuk dengan nelayan tasik? Ini kerana di tempat saya di Bagan Serai ada juga tasik dan ada nelayan tasik yang hidupnya pun susah.

Jadi kita lihat ramai orang akan bertanya di mana nama saya dalam teks itu. Penjawat awam akan meneliti teks ini. Sebanyak 59 muka surat teks dengan 192 para. Penjawat awam ternanti-nanti. Di hujungnya, *'Buah yang ranum sudah pun mahu gugur. Setengah bulan bonus diberikan kepada penjawat awam pada tahun ini'*. Maka semua orang tersenyum. Semasa pembentangan ini saya lihat bentara-bentara Parlimen pun tersenyum. Bersyukur. *Alhamdulillah*. Syukur, terima kasih. Lega rasa. Malah ada yang beritahu saya, mereka hanya dapat gaji dan tidak ada elaun. Mereka ini penting sebab mereka ini hantar surat-surat kepada kita sendiri. Kalau tidak, Ahli-ahli Parlimen susah hendak bermesyuarat. Apabila diberitakan bahawa elaun Ahli Parlimen naik, Ahli Parlimen pun *Alhamdulillah*, syukur.

#### ■1650

Yang kita lihat pembangkang tertunduk malu-malu kucing juga ucap syukur *Alhamdulillah*, lega rasanya. Dapatlah juga tapi malu-malulah, tunduk-tunduk.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang menilai bajet ini atas kepentingan diri. Kebanyakannya akan tengok di mana saya, saya dapat apa. Tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat kenyataan yang besar tentang subsidi, tentang GST kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penekanan kepada *the interest of the nation* dengan izin. Kepentingan negara diutamakan. Kita lihat hari ini bagaimana bajet ini dinilai. Apakah yang penting dalam bajet ini? Kita lihat pada baris-baris dan kita rujuk kepada para-para utama di peringkat awal di mana pimpinan kita telah menunjukkan bajet ini untuk kepentingan negara. Malah kepentingan-kepentingan individu jangka pendek terpaksa dikorbankan untuk supaya negara jadi lebih maju, supaya negara lebih kukuh. Ini yang dilakukan oleh pemimpin kita. Pembangkang yang nyatanya dengan fikiran yang sempit fasal 20 sen bising. 20 sen duit minyak yang dikurangkan subsidi mereka buat bising dan keluar sana menyempitkan fikiran orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kita melihat kepada peluang-peluang. Marilah kita sama lihat kepada *opportunities* dengan izin dan bukan *goodies* yang ada. Orang banyak akan cari hadiah apa untuk saya, apa *goodies* untuk saya tetapi bajet ini sepatutnya kita melihat kepada peluang-peluang *the opportunities* yang boleh kita majukan diri kita, *up skilling* merubah masa depan kita, merubah keluarga kita, merubah generasi akan datang. Ini yang patut diberi perhatian. Peluang-peluang ini yang kita nantikan. Ini doa kita. *[Membaca sepotong doa]* Kita minta peluang-peluang yang baik untuk kita. Hari ini peluang datang, kita

tidak nampak. Semalam saya dengar ada orang kata dia nampak tahi gigi. Pembentangan yang macam ini dia nampak tahi gigi.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya maksudkan *the interest of a person versus the interest of the nation*. Kepentingan negara. Itu sebab walaupun tindakan ini tidak popular saya katakan sekali lagi tindakan Yang Amat Berhormat adalah betul, adalah tepat pada ketika ini dan adalah sesuatu yang berani dan sesuatu yang bertanggungjawab.

Mari kita ambil tentang subsidi. Kerajaan melaksanakan rasionalisasi subsidi bukan hapuskan subsidi. Kerajaan menstrukturkan semula subsidi hari ini. Kenapa? Kita lihat hari ini, kita lihat penduduk di negara ini dahulu 11 juta sekarang 29 juta. Kereta yang ada pada 1980 13.6 juta. Hari ini kereta ada 23.7 juta. Belanja subsidi banyak. Pendapatan rakyat daripada tahun 1990 sudah naik lima kali ganda. Ekonomi telah naik lapan kali ganda. Jadi polisi ekonomi tidak boleh terpacah pada Yang Berhormat Batu. Polisi ekonomi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Harus berubah mengikut kesesuaian dan keperluan dan dengan mengambil kira kelestarian. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Shah Alam Yang Berhormat?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** [Bangun]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sedikit lagi saya, sekejap. Sabar. Jadi perbelanjaan yang besar oleh kerajaan adalah subsidi. Kita semua sedia maklum minyak hari ini menelan lebih RM21 bilion setahun. Hampir-hampir RM2 bilion sebulan. Ini belanja bahan bakar yang hangus terbakar.

Tuan Yang di-Pertua, RM2 bilion ini banyak manalah agak-agaknya. RM2 bilion ini satu angka yang besar kalau kita boleh uruskan satu IPTA yang besar selama 20 tahun ataupun biar saya katakan kalau kita buat satu hospital daerah dengan harga RM200 juta, bermakna kita boleh buat 10 hospital sebulan dan bermakna kita boleh buat 100 hospital satu tahun. Ini kita menstruktur semula. Kerajaan menstruktur semula supaya subsidi dikurangkan supaya dapat diberikan atas *development*, atas pembangunan. Jadi kita tidak ada kurang hospital contohnya.

Kalau satu dewan orang ramai berharga RM1 juta bermakna kita boleh buat 2,000 dewan di 2,000 kampung dengan penstrukturkan semula. Katakan satu universiti berharga RM500 juta. Ini saya buat anggaran. Bermakna satu bulan empat universiti. Bermakna satu tahun boleh buat 50 universiti. Jadi adalah peluang saya minta universiti datang ke Bagan Serai. Banyak tempat sudah ada, kita tidak ada. Jadi ini benda-benda yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, penting rasionalisasi subsidi kerana dua perkara. Yang pertama jumlah subsidi akan berkurangan dan akan rendah ataupun hilang tekanan kepada fiskal. Yang kedua, orang yang patut dapat subsidi akan dapat lebih kerana pengurangan belanja yang tersasar ini. Jadi kita hendak lihat contohnya subsidi minyak hari ini adakah ini subsidi yang adil?

Saya hendak bagi satu contoh Tuan Yang di-Pertua katakanlah bagi minyak ini kita tidak nampak. *It's not visible* dengan izin. Katakanlah bagi minyak ini bukan masuk minyak dalam kereta tapi katakanlah bagi minyak ini kita letak tong depan rumah kita. Kalau kita letak tong depan rumah kita, kalau rumah orang kaya berapa tong dia hendak letak. Ikut berapa banyak kereta, ikut berapa besar kereta, berapa cc kereta. Jadi kita lihat tong depan rumah orang kaya banyak, tong depan rumah orang miskin ataupun orang yang tidak ada banyak wang mungkin dia pakai kereta kecil tong dia kecil. Jadi ini nampak ketidakadilan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sebab itulah antara perkara penting kenapa subsidi yang tersasar ini perlu distrukturkan semula, perlu diperbetulkan. Silakan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya ucapkan terima kasih kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Selepas ini Yang Berhormat Shah Alam berucap.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Ya Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Saya tertarik dengan ucapan dengan begitu bersemangat tapi mungkin Yang Berhormat Bagan Serai tidak hadir semasa Yang Berhormat Pandan telah berucap di mana dia telah menjelaskan bahawa bagi setiap satu kereta yang ada di atas jalan raya ia mendatangkan hasil kepada kerajaan dan telah pun dibuktikan bahawa hasil cukai yang diperolehi oleh kerajaan atas kereta-kereta ini melebihi jumlah subsidi yang kerajaan beri untuk petrol dan diesel. Maka sekiranya itu adalah benar saya rasa agak hairan bagaimana kita boleh gunakan hujah bahawa adanya banyak kereta maka tidak patut kita bagi subsidi yang banyak sedangkan cukai yang dibayar atas kereta itu melebihi jumlah yang diberi sebagai subsidi.

Yang kedua, Yang Berhormat Bagan Serai sebut bahawa kereta orang kaya kalau kita berikan kita tengok dekat rumah orang kaya itu maka banyaklah dram minyaknya dan ini menunjukkan bahawa ia tidak adil. Akan tetapi hakikatnya orang kaya yang menggunakan kereta yang besar dia membayar cukai yang lebih. Kalau dia beli Mercedes Benz yang 320 SE kalau tidak silap saya sekali dia beli, dia bayar cukai sebanyak hampir RM200,000. Itu cukainya. Lalu kalau dia sudah bayar cukai RM200,000 untuk kereta yang dia beli dan cukai jalan yang RM3,000 hingga RM4,000 setahun dan cukai atas barang ganti yang dikenakan atas kereta dia yang berjumlah beribu-ribu setahun. Janganlah kita ambil sebahagian sahaja. Tengok keseluruhan...

#### ■1700

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, saya sudah mula faham dengan Yang Berhormat Shah Alam ini. Yang Berhormat Shah Alam ada berapa buah kereta di rumah?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, saya ada lima buah kereta.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Lima buah kereta Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, semua lebih daripada sepuluh tahun.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi, orang yang kaya ini tidak layak terima...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Semua lebih daripada sepuluh tahun.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak layak terima subsidi minyak.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kenapa pula?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Orang-orang yang kaya ini, subsidi minyak ini...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kenapa?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sepatutnya bersasar kepada orang-orang yang miskin.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia menghasilkan...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi apabila belanja terlalu banyak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Berbahas yang macam...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi belanja untuk pembangunan telah berkurangan. Jadi orang-orang yang kaya, yang ada banyak kereta macam Yang Berhormat Shah Alam yang ada lima buah kereta, dia patut jangan ambil minyak itu. Kita hendak kerajaan yang bertanggungjawab...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kita kena jadi rakyat yang bertanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bagan Serai, boleh?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya hendak komen sedikit. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bagan Serai, boleh? Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tentang kata-kata yang mengatakan harga minyak naik, barang naik. Ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bagan Serai, boleh beri?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Itulah yang dicanang-canangkan. Saya ingat... Minta maaf, sekejap Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Batu Gajah pun sila. Saya sudah tahu Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Sepang mesti bangun. Perkara yang dicanang-canang sehingga menakut-nakutkan rakyat di sana. Saya kira pembangkang agak emosional dan selalu emosional tentang perkara ini kerana bukan barang naik sebab minyak naik semata-mata. Berapa kali minyak sudah naik? Di negara ini lima ke enam kali minyak sudah naik.

Pernahkah berlaku *economic disaster*? Pernahkah berlaku kenaikan dan inflasi yang tidak dapat dikawal? Pernahkah berlaku huru-hara ekonomi? Tidak pernah. Memang naik. Ada sebab-sebabnya, ada caranya kerajaan meneutralkan benda ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri satu contohlah. Seorang warga tua dia hilang *wallet*nya di tengah malam dan dia pergi cari di tepi jalan yang ada lampu terang benderang. Orang tanya, "*Pakcik, kenapa pakcik cari wallet di sini? Apa pakcik cari?*" Dia cari *wallet*. "*Kenapa cari di sini?*" "*Saya cari di sini sebab terang benderang*" Sampai kiamat tidak jumpa sebab ia hilang di tempat lain.

Jadi kalau kita cari jawapan barang naik kerana minyak naik, itu tidak betul sepenuhnya. Inilah pembangkang. Minyak naik dia pergi cari tempat terang. Jadi ini yang saya tidak setuju dan saya fikir ini bukan cara jawapannya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey. Yang Berhormat Bagan Serai, boleh ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sebentar lagi, sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak beri, duduklah Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi janji hendak beri.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya, *a few minutes*. Yes, *it's okay*, sabar ya. Satu lagi dia katakan kita ada minyak. Kalau kita ada minyak, kenapa minyak naik? Kita ada minyak, minyak kita minyak baik. Minyak untuk kapal terbang

saya rasa. Jadi, kita jual minyak kita. Sudah dapat duit itu kita gunakan untuk rakyat, untuk pembangunan.

Saya hendak beri contohlah. Saya beri contoh sahaja Tuan Yang di-Pertua. Contohnya kita pergi makan di restoran, kedai mamak. Ya, kedai mamak.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini kedai mamak tidak habis lagi, sekejap. Saya ingat Yang Berhormat Shah Alam dia suka makan dekat kedai mamak. Ada makan kedai mamak atau pun Yang Berhormat Sepang? Yang Berhormat Sepang, mamak ya? *[Ketawa]* Minta maaf.

Kedai mamak kita tengok tengah hari lauk dia macam-macam, sedap. Ada lauk ketam, ada lauk telur, ada lauk ayam, macam-macam. Bagus, bagus, dan sedap, sedap. Akan tetapi kita pernah tanyakah mamak itu makan apa? Mamak itu tidak makan itu semua. Dia ada makanan dia. Dia jual yang baik-baik. Dia dapat duit, untung dia. Jadi saya rasa ini konsep yang kerajaan kita pentingkan. Tuan Yang di-Pertua, pentingnya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Menyampuk]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Rasionalisasi subsidi ini, saya telah teliti bajet ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan, sahabat saya. Mamak Sepang, ya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apa, tidak apa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Bagan Serai. Satu ucapan yang penuh dengan macam ibarat guruh tetapi kosong.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia berdentum tetapi kosong.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Relakslah Yang Berhormat Putatan. Saya ada dua soalan. Satu tentang minyak tadi. Kata Yang Berhormat Bagan Serai jangan marah, jangan gunakan hujah apabila harga minyak naik, barang pun naik. Tidak boleh. Saya cabarlah bercakap dengan mana-mana orang yang bekerja, yang bawa barang menggunakan minyak. Boleh atau tidak hujah begitu? Kalau boleh hujah begitu, memang hebatlah.

Saya hendak katakan tidak payah hendak panggil ahli ekonomilah. Ini bagi orang rasionallah. Ia dipanggil *theory of spill over*. Mestilah apabila minyak naik, tidak



mungkin lah tidak ada kesan kepada harga barangan. Logiknya memang akan ada, tidak payah hendak bahas panjang-panjanglah.

Kedua, saya hendak beritahu kepada - kita bercakap tentang rasionalisasi subsidi untuk sebagai sebahagian daripada dipanggil fiskal *consideration* lah. Soalan saya, kenapakah Yang Berhormat Bagan Serai dan juga kawan-kawan di sebelah sana tidak pernah langsung *even* satu perkataan hendak bercakap bahawa perlunya kita juga *rationalize* kita punya perbelanjaan dan juga perlunya kita membetulkan *structure* iaitu kita mestilah menutup segala pintu *corruption* dan sebagainya.

Saya hendak *share* sedikit dengan...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap, sekejap Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Masa agak suntuk, saya sudah dapat tangkap itu. *I got it.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit, sedikit. Satu minit, satu minit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya, seminit. *You make it fast.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, satu minit. *Global corruption barometer* yang dikeluarkan oleh *Transparency International* tahun 2013 dia menyatakan berdasarkan *report 2013*, "*More people are paying bribe today...*" Maknanya makin didedahkan banyak *corruption*, makin banyak lagi pula orang bayar, *corruption...*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bukan saya kata. Menurutnyanya, "*Out of 3,000 companies bribe payers survey, out of 3,000 companies executive who were ask if they lost contract due to bribery by a competitor*". 50% kata ya. Jadi ini keadaan *corruption* dalam negara kita. Kenapakah Yang Berhormat Bagan Serai langsung tidak mahu sentuh tentang kebocoran melalui dasar ini?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Soalan itu, terima kasih. Ini masalah bila *lawyer* dia tidak faham ekonomi. Inilah masalahnya. Jadi dia nampak kosong sahaja.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh saya cakap?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dia punya fikiran dia memang tidak jelas. Dia nampak kosong.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai boleh saya cakap?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, ada empat persoalan yang mesti dijawab apabila satu subsidi dikeluarkan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh beri saya cakap?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Satu program subsidi perlu dijawab empat perkara. Biar saya terangkan ini.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Bagan Serai, saya ekonomi. Saya bukan *lawyer*, saya ekonomi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya meneliti bajet ini dan bajet ini...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh saya cakap?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bajet ini memerlukan penelitian mata hati.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Boleh sedikit Yang Berhormat Bagan Serai?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Please sit down.*

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tadi Yang Berhormat Bagan Serai kata dia *lawyer*, dia tidak faham ekonomi. Saya ekonomi, saya hendak cakap.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Duduk, duduk, duduk.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Sekejap, boleh?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *I have to finish this.* Jadi ada benda-benda yang tersirat di dalam bajet ini. Maknanya kena tengok dengan mata hati, bukan mata kasar.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Pembangkang dia tengok dengan mata kasar, awal-awal dia sudah nampak kosong. Awal-awal dia sudah kosong sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bajet bunian ini. Ini bajet buniankah?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Masalah dia sama ada mata dia rabun atau pun dia ada katarak atau pun mata hati dia sudah tidak betul.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bagan Serai, ini bajet orang buniankah pakai hati ini? Bajet buniankah?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Itu sebab tukar *spectacle* supaya dia nampak hendak duduk di mana. Sebelah sanakah atau sebelah sini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bajet orang buniankah? Pakai hati pula. *[Ketawa]*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Pakai kelapa dan teropong buluh. Kelapa, kelapa.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, *co business* dia cari salah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Menyampuk]* Panggil bomoh bawa teropong itu. Panggil bomoh, bomoh bawa teropong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Menyampuk]* *[Dewan riuh]* Ini bajet kena panggil bomoh teropong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa pun boleh nampak.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Last week*, minggu lepas saya ada lihat dalam ini iaitu tentang tuduhan daripada Ketua Menteri Pulau Pinang kepada MIDA dan MITI yang membekukan usaha menarik pelabur-pelabur asing ke Penang. Ini satu tuduhan dan publisiti yang murahan yang tidak berasas. Ini dia cari populariti, dengan izin, *you should check first before you speak*.

Dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri, MIDA telah melakukan 200 buah lawatan dari syarikat asing daripada tahun 2011 hingga 2014.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu secara tersuratkah atau tersirat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Dan telah mengadakan bengkel dan taklimat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lawatan tersuratkah atau tersirat? *[Ketawa]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Tentang dana strategik pelaburan dalam negara sejak Julai 2012.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Daripada mata hatikah mata kasar?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Menteri MITI telah mengadakan misi dagang ke luar negara dan telah menjemput semua negara, *all states* juga kerap mengadakan mesyuarat dengan syarikat-syarikat di Penang.

Satu seminar sektor perkhidmatan pelabur di Penang akan diadakan pada 17 Oktober dan 13 November. Ini yang saya katakan tadi. Membuat tuduhan tanpa asas. Mengelirukan rakyat, mengelirukan rakyat.

## ■1710

Tuan Yang di-Pertua, empat perkara yang saya nilai tadi penting. Pertamanya dari segi subsidi ini, *why* kita bagi subsidi? Kenapa kita bagi subsidi, *yes, why?* Kenapa kita beri BR1M? Kenapa kita naikkan BR1M, kenapa kita bagi kepada nelayan?...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Kerajaan teruk, rakyat miskin. Fasal kena bagi BR1M.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kenapa kita beri kepada belia, kepada belia yang aktif?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini generasi Y tahu, generasi...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kepada IKS dan SME. Maknanya sebab-sebab kita beri itu jelas. Hendak menolong orang miskin...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat ?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hendak menolong orang miskin, hendak memberikan insentif kepada pelajar-pelajar supaya dapat belajar dengan lebih baik.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta penjelasan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Macam IKS umpamanya, untuk memberikan kekuatan supaya dapat - dia tuan negara bawa *business* yang lebih besar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Speaker...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat Kapar?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Belum lagi, ini ada dokumen lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat Kapar.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Nanti Yang Berhormat Shah Alam tidak sempat hendak cakap lagi. Saya kesian [*Ketawa*] Yang Berhormat Kapar, Deepavali Yang Berhormat Kapar, duduk [*Ketawa*]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [*Ketawa*] Fasal Deepavalilah saya cakap ini.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Deepavali. Duduklah, duduk. [Ketawa]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** BR1M ini pun tak betul, subsidi pun tak betul. Sebelum Deepavali pergi turunkan subsidi, naikkan harga petrol.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Simpan sahajalah. Orang bagi BR1M hendak tolong dia tak nampak. Ini yang masalah. Tuan Yang di-Pertua, ini saya hendak bagi tahu, ini masalah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Menyusahkan warga India menyambut Deepavali. Ini tidak faham-faham lagi, selepas itu memekak sahaja dengan BR1M.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Engkau bising, ini masalah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** BR1M ini mengemiskan rakyat, menyusahkan rakyat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Perkara yang kedua yang diambil berat ialah siapa kita hendak beri, siapa subsidi kita hendak beri supaya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Rakyat merana, tetapi siapa kena lebih?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tahun lepas sebelum Deepavali naik harga juga, ingat lagi Yang Berhormat Kapar. Tahun ini naik harga minyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan Serai tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Deepavali tahun lepas naik harga gula. Sekarang naik harga petrol. Menyusahkan orang India sahaja. Selepas itu dia senyum BR1M, BR1M. Apa punya cerita!

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Duduklah! Bila cakap baik-baik dia tak boleh dengar. Sakit telinga sahaja.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sakit telinga?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey duduk, duduk. *Sit down.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kalau sakit telinga, bagi ruang.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Sit down, sit down.* Masa.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini baik, saya diam.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey. Jadi Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tadi subsidiya tidak boleh diberikan sebagai *blanket*, sebagai macam hujan turun itu. Semua orang dapat, ini yang terjadi pada subsidi minyak. Orang kaya dapat, orang miskin dapat, orang dari negara luar dapat, PATI pun dapat, pelancong pun dapat, penyeludup pun dapat, penjenayah pun dapat. Jadi ini yang kita kata *who*, siapa ataupun subsidi ini perlu bersasar. Contohnya, kita beri kepada belia. Bantu belia untuk dapatkan rumah pertama. Belia yang mana? Belia yang sudah

kahwin, belia yang umurnya 25 tahun hingga 40 tahun, ada *identification factor* dengan izin. Faktor-faktor penentu ini, kriteria-kriteria ini. Kita bagi kepada nelayan, nelayan zon 'A', zon 'B', zon 'C', nelayan darat. Jadi ini perkara yang mesti dilihat.

Perkara yang ketiga ialah *how*. Bagaimana hendak bagi subsidi ini. Yes, sebab ada yang kita bagi tunai, ada yang kita bagi baucar buku, ada yang kita bagi secara rebat, ada yang kita bagi secara diskaun. Jadi cara bagi itu penting. Ada yang kita bagi tiga kali, contohnya BR1M yang akan datang. BR1M dinaikkan dan diberi tiga kali, *separate out* supaya orang dapat menggunakan duit dengan bijaksana. Satu lagi contohnya PTPTN. PTPTN kalau dibayar bulan-bulan selama setahun elok-elok diberikan rebat. Kalau dibayar sekali gus sebelum hujung tahun ini, dia dapat diskaun 20%. Betulkah *chairman* PTPTN? Jadi cara pemberian itu.

Keempatnya, penelitian saya ialah *when* (bila). Bila kita hendak bagi. *When to start and* satu lagi perkara yang saya minta kerajaan bagi perhatian ialah *when to stop*. Ini kerana kita tidak boleh bagi subsidi dan terus bagi dan tak tahu bila hendak berhenti. Macam paip terbuka, paip tak boleh tutup. Jadi kerajaan perlu memberikan perhatian kepada perkara ini, apakah kriteria-kriteria supaya subsidi yang diberikan itu ada masanya kita kena contohnya berhentikan. Kalau tidak, akan menjadi satu bebanan kerana rakyat makin ramai, masalah makin banyak.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta pencelahan. Sekarang boleh Yang Berhormat Bagan Serai?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak boleh.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kapar lagi sekali?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hendak raya itu, kesian tengok.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Ketawa] Tahu pun. No, saya setuju bahawa subsidi ini perlu diturunkan tetapi kena ada masa untuk diturunkan. Bukan semasa rakyat menderita, bukan semasa rakyat merana. Ini pun hendak kenakan GST lagi. Hutang PTPTN pun belia tidak boleh bayar. Tadi Yang Berhormat bercakap huru-hara tentang belia, baguslah. Akan tetapi PTPTN pun dia orang tak mampu bayar. Mengapa mereka tidak mampu bayar? Sebab kesusahan yang merana, menderita. Bukan ini masanya kurang subsidi, bukan ini masanya hendak letakkan subsidi, lebih-lebih lagi Hari Raya Korban, Hari Deepavali. Mana boleh macam ini. Fikir, menyelami penderitaan rakyat... [Disampuk] Tahu pun. Beri penjelasan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kapar ini dia main cakap sahaja, sebab itu dia saya tengok dia sudah belajar dengan Yang Berhormat Shah Alam. Dia dengan Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam, dia bangun macam tadi tidak minta pun dia bangun. Yang Berhormat Kapar *very good*, dia sudah mula belajar sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh gulung Yang Berhormat ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Bagan Serai, saya belajar dari Yang amat Berhormat Gombak.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap tentang GST. Sekarang GST, GST...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai, tadi saya minta Yang Berhormat Bagan Serai. Saya minta Yang Berhormat Bagan Serai.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Bagan Serai, ini Yang Berhormat Shah Alam ini guru baik atau guru jahat? Yang Berhormat Kapar itu budak baik atau jahat? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kapar budak baik, tapi dia akan jadi jahat. Itu yang jadi kesian dekat dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya budak berjuang demi rakyat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Asalnya budak baik. Asalnya *very good*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit tentang GST ini, satu cukai kepenggunaan bukan baru. Dia adalah perisytiharan kemampuan. Macam Yang Berhormat Shah Alam, dia ada banyak kereta. Dia mana sanggup hendak naik kereta Kancil. Dia tidak akan duduk hotel murah. Sebab apa, apabila...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Salah satu kereta itu kereta Kancil. Salah satu kereta itu kereta Kancil.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kereta Kancil? Akan tetapi tidak isytihar tadi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tak tanya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak apa, terima kasih. Saya sudah tahu sudah. *Thank you so much.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tak tanya, tanyalah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** GST telah dibincangkan lebih 30 tahun dulu. Tiga *Minister*, tiga Menteri Kewangan cerita termasuk Yang Berhormat Permatang Pauh. Jadi bukan benda baru. Sebanyak 160 negara telah melaksanakan GST dengan 28 negara yang berpendapatan rendah. Pernah terjadi kemalangan ekonomi, kita pernah lihat mereka pernah tarik GST? Ada masalah huru-hara negara ada? Sebab GST ini lebih efisien, lebih efektif dan lebih telus. Nilai 6% adalah terendah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini penting. Pembangkang ini dia tak mahu dengar betul-betul, itu masalah. Bila kita bercakap dia bersebang. Kerajaan melaksanakan GST dengan mengambil kira rakyat. Cuba kita lihat kesihatan, pendidikan, pengangkutan, tol, produk pertanian, makanan asas tidak kena GST.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Bagan Serai?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dan dalam bajet- *I am very sorry*, masa saya tengah gulung sekarang.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Sikit sahaja, sikit sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya tengah gulung, tidak boleh kacau. Tengah gulung tidak boleh kacau.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Bukan kacau, minta penjelasan sahaja...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Sorry, sorry, time, time.*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang mengatakan 100 lebih ada GST, itu kita gunakan GST. Saya hendak tanya, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jangan tidak bagi. Ganggu saya ini. Tidak apa, saya hendak cakap ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya kalau boleh hendak matikan mikrofon boleh, tetapi saya tak boleh matikan Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Akan tetapi sebab *floor* saya. Terima kasih banyak, lain kali. Saya hendak bagi tahu ini, kerajaan telah meluaskan skop lagi, kerajaan telah meluaskan skop. Bajet baru-baru ini kita kena perhati. Ini tidak perhati, yang dia tahu GST susah, barang naik, minyak susah, semua susah sampai rakyat yang betul fikiran terkeliru. Ini keluasan skopnya *all fruits*, dengan izin, semua buah-buahan, senang hendak makan buah-buahan ini jaga kesihatan. Mi, kuew



tiaw, mihun. Ini semua makan mi, tiap-tiap pagi makan mi, ada yang pagi, petang, malam makan mi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan Yang Berhormat. Habiskanlah ya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Boleh habiskan. Elektrik Tuan Yang di-Pertua, 2,900 jenama ubat 30 jenis penyakit. Ini penting ini, rakyat Malaysia banyak tidak dapat jaga kesihatan dengan baik. Beratus orang dekat IJN macam hospital biasa, beratus orang di klinik-klinik sampai klinik penuh, hospital penuh. Sekarang ini ubat tidak kena GST, tidak mengapa. Sakit pun, minta jangan sakitlah. Akan tetapi kalau sakit tidak kena GST, senang hatilah macam ini, baguslah.

Penggunaan elektrik dinaikkan daripada 200 ke 300 unit tidak kena GST. Sebanyak 532 barang dari 944 barang iaitu 56% dijangka akan turun harga. Turun harga! Dengar baik-baik. Apa yang naik 354 barang hanya pada 5.8%. Jadi peniaga jangan naikkan harga dan kerajaan KPDKK tidak akan duduk diam. Mereka akan jalankan kerja-kerjanya dan yang pentingnya rakyat, rakyat mesti jaga perkara ini.

#### ■1720

Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]* Saya ingin mengucapkan sekali lagi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan. Bagi saya, keputusan Yang Amat Berhormat seperti menarik rambut daripada tepung. Rambut jangan putus, tepung jangan berselerak. Satu bajet yang komprehensif yang fokus kepada ekonomi keperluan rakyat dengan memikirkan kesan jangka panjang supaya negara maju dan program-program untuk merencanakan ekonomi, menurunkan kos kehidupan rakyat dan dengan usaha-usaha untuk mengimbangi simbiotik *people's economy* yang terus kepada rakyat dan juga *capital economy* yang merujuk kepada ekonomi makro...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak gulung lagi?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru rakyat semua, termasuk kawan-kawan saya di pembangkang. Gulung, panjang, gulung, panjang. Gulunglah ini. *[Ketawa]* Marilah kita sama-sama meneruskan perjuangan ini, mensejahterakan rakyat, mengukuhkan ekonomi, menurunkan defisit fiskal demi masa depan generasi kita... *[Disampuk]* Alang-alang mandi biar basah, alang-alang berdakwat biar hitam, alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan! *[Tepuk]* *[Berucap dalam bahasa Arab]* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**5.21 ptg.**

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Datuk Seri Dr. Tuan Speaker [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** [Ketawa] 30 minit juga ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Ketawa] Sebelum saya sebut apa-apa, saya hendak sebut sahajalah Yang Berhormat Bagan Serai ini kalau sekiranya Kerajaan Barisan Nasional dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kekal dengan cadangan yang asal, tidak tarik balik GST atas ubat-ubatan, tidak tarik balik GST atas minyak, petrol dan diesel. Hujah dia sama juga. Sokong juga [Ketawa] Daripada segi minyak Malaysia ini memanglah grednya tinggi, harganya pun tinggi. Maka, bila kita jual satu *barrel* minyak kita dan kita beli pula minyak dari Timur Tengah, kita jual satu *barrel*, kita dapat balik satu *barrel*, kita dapat USD10 tambahan. Maknanya, kita dapat minyak dan kita dapat duit kerana kualiti kita tinggi. Akan tetapi malangnya, dalam keadaan yang sebegitu sekali pun kita tidak dapat menikmati kekayaan negara dengan cara yang adil.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbincangan mengenai kandungan Bajet 2015, saya ingin tegur sedikit beberapa perkara yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan beliau tempoh hari. Ini *iPad* yang baru, *slow* sedikit. Atas usaha untuk mempertahankan pelaksanaan GST secara yang terlalu ghairah telah seolah-olah berlakunya silap mata dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sehingga matematik yang mudah menjadi sukar. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau menyebut bahawa kutipan GST akan menghasilkan pendapatan sebanyak RM23.2 bilion. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut bahawa jumlah ini adalah termasuk RM3.8 bilion daripada perkara-perkara yang telah dikecualikan pada saat-saat terakhir, maka ia perlu ditolak daripada jumlah RM23.2 bilion tersebut.

Seterusnya, beliau menyebut berhubung kehilangan RM13.8 bilion kerana SST ditamatkan. Saya *quote* di sini apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *Quote*, “*Ertinya, apabila ditolak RM13.8 bilion dan RM3.8 bilion daripada kutipan RM23.2 bilion itu, baki yang ada berjumlah RM5.6 bilion*”. Ini apa yang disebut. Apa yang saya hendak tanya, kenapa perlu dikurangkan RM13.8 bilion ini daripada kutipan GST? Sememangnya, ketiadaan kutipan SST tidak mengurangkan jumlah kutipan GST yang diperoleh kerajaan. Bagi saya, ini adalah hasil keghairahan untuk cari hujah dan alasan untuk mempertahankan kutipan GST.

Nasib baik dalam usaha hendak tutup jumlah sebenar sumbangan GST kepada pendapatan kerajaan, tidak juga dikurangkan sekali cukai CGT dan *inheritance tax* yang tidak dikutip. Kalau ditolak juga CGT dan *inheritance tax* daripada

kutipan GST atas alasan ia tidak dikutip, maka akhirnya kerajaan akan berhujah, “*Kesan kutipan GST akan menyebabkan kerajaan terhutang*”. Sebenarnya, susunan ayat silap mata disusun sebegitu rupa untuk memberikan gambaran bahawa sumbangan GST tidak seberapa. Ini terbukti apabila dibaca perenggan seterusnya yang mendedahkan bahawa apabila ditolak pula pakej bantuan kepada rakyat sebanyak RM4.9 bilion, maka hasil bersih kutipan GST hanya RM690 juta.

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya, kerajaan mengutip RM19.4 bilion melalui GST berbanding RM13.8 bilion melalui SST iaitu pertambahan sebanyak RM5.6 bilion. Pertambahan RM5.6 bilion ini adalah sumbangan tambahan kutipan cukai GST iaitu cukai yang tidak mengenali miskin dan kaya dan bukan hanya RM690 juta. Saya khuatir, usaha untuk memperkecilkan jumlah sumbangan GST bertujuan untuk memberi alasan untuk menaikkan kadar GST pada tahun-tahun akan datang. Kalau 6%, baru sahaja RM690 juta kita dapat. Maka, untuk tahun depan dinaikkan lagi.

Kedua, tindakan pengecualian jualan minyak dan beberapa perkara lain daripada GST, pada saat terakhir adalah pengakuan jelas bahawa GST membebankan rakyat. Kalau tidak ada kesan pada harga barang, pada kos kehidupan seperti mana yang didakwa oleh Yang Berhormat Bagan Serai, kenapa tidak terus dikenakan? Tidak ada kesan. Kenakan sahajalah. Dapat pendapatan tambahan sebanyak RM3.8 bilion tetapi oleh kerana ada kesan bahawa ia akan menyebabkan harga barang naik, kehidupan semakin sempit bagi rakyat biasa, maka, atas desakan daripada Pakatan Rakyat dan atas desakan daripada rakyat, kerajaan terpaksa menarik balik cadangan asal dan memberikan pengecualian kepada perkara-perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sambung nanti Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baru- *start* baliklah, *start* balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak sempat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Fresh all over again.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu kena bincang Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *One more time [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baru *start* sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sambunglah minggu depan, minggu-minggu depan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Minggu-minggu depan. Tambah 30 minit. *Start from scratch.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu mungkin kurang 20 minit [*Ketawa*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pasal hendak *warm up* sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Saya ingin memaklumkan pada hari Isnin, 20 Oktober 2014 hingga hari Khamis 23 Oktober 2014, tiada persidangan Dewan Rakyat sempena cuti sambutan Deepavali. Bagi pihak Yang di-Pertua Dewan Rakyat, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan menyambut perayaan ini pada hari Rabu, 22 Oktober 2014.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 27 Oktober 2014.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]***